

## K A N D U N G A N

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

(Halaman 1)

### **RANG UNDANG-UNDANG**

Rang Undang-undang Kanun  
Keseksaan (Pindaan) 2003

(Halaman 1)

Rang Undang-undang Pemegang  
Pajak Gadai (Pindaan) 2003

(Halaman 22)

Rang Undang-undang Pencegahan  
Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003

(Halaman 58)

Rang Undang-undang Kewangan 2003

(Halaman 69)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P., S.S.A.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. D.C.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

---

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S., S.S.A.P. (Selayang)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P. (Semporna)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, D.M.S.M. (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
"	kosong (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P., D.M.S.M. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Dato' Haji Amihamzah bin Ahmad, D.I.M.P. (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)

---

Yang Berhormat	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
“	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
“	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
“	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
“	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
“	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
“	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
“	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
“	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
“	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
“	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
“	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
“	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
“	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)

Yang Berhormat	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)



Yang Berhormat	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N., S.I.M.P.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

**Penolong Setiausaha**

Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah Mohd. Azir  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd. Izhar bin Hashim  
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman



**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Isnin, 10 November 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG AGENSI  
ANTIDADAH KEBANGSAAN 2003****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa pegawai-pegawai agensi untuk melaksanakan fungsi-fungsi pencegahan, rawatan pemulihan, penguatkuasaan, siasatan, langkah-langkah pencegahan khas, perlucuthakkan harta dan pentadbiran berhubung dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakkan Harta) 1988 dan bagi perkara-perkara yang perlu yang berkaitan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Chor Chee Heung); dibaca kali pertama, akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN  
(PINDAAN) 2003****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[6 November 2003]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya diarahkan oleh Tuan Yang di-Pertua menyatakan telah berbangkit suatu kesilapan semasa Yang Berhormat bagi Seputeh mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2) pada hari Khamis, 6 November yang lepas. Ahli Yang Berhormat itu telah dibenarkan memberi sebab-sebab mengapa usul dikemukakan.

Mengikut perkataan-perkataan dalam Peraturan Mesyuarat 54(2) ayat di hujungnya adalah berbunyi demikian:

*"Masalah atau usul ini hendaklah dikemukakan serta-merta kepada mesyuarat bagi diputuskan dan hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahaskan"*

Ayat yang lebih kurang sama di dalam Peraturan Mesyuarat 12(1) di mana dalam usul oleh seorang Menteri untuk mengubah waktu persidangan Majlis, usul ini juga tidak boleh dibahaskan.

Yang demikian saya meminta Ahli Yang Berhormat bagi Seputih mengemukakan usulnya sahaja untuk diputuskan dengan tidak ada-apa ucapan lain. Lepas itu dipinta sokongan dan akan terus dikemukakan untuk diputuskan. Ya, sila bawa usul Yang Berhormat.

#### 10.06 pagi

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi boleh saya bantangkan alasan tentang keputusan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak payah Yang Berhormat sebab benda ini boleh dibawa serta-merta.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kerana ini adalah apa yang dijanjikan oleh Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita sudah cakap ini tadi. Kesilapan berlaku. Jadi kita sudah putus. Hanya kemukakan usul sahaja di bawah 54(2). Ya, Yang Berhormat, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu usul mengikut Fasal 54(2) dalam Peraturan Mesyuarat untuk merujuk rang undang-undang pindaan kepada Kanun Keseksaan ke Jawatankuasa Pilihan untuk dikaji dengan lebih teliti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya mempunyai tiga alasan untuk berbuat demikian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak payahlah Yang Berhormat. Tak payah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Secara ringkas sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak payah Yang Berhormat. Cukuplah itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, secara ringkas sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak payah Yang Berhormat. Tak payah Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat. Saya sudah bacakan tadi Yang Berhormat. Ya, terima kasih.

Ada sokong. Sokong usul.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis usul seperti yang dikemukakan tadi untuk diputuskan mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2) dengan tidak boleh dipinda atau dibahaskan. Ahli-ahli yang bersetuju dengan usul tersebut kata ....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Menyampuk]* Dalam usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Sokongan 15 orang.

**Kesemua Ahli Pembangkang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setiausaha, sila bunyikan loceng.

*[Loceng dibunyikan selama dua minit]*

*[Dewan berbelah-bahagi]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila kira.

*[Pengundian dijalankan sekarang]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya umumkan pengundian. Ahli-ahli yang bersetuju dengan usul seramai 23 orang, yang tidak bersetuju seramai 71 orang. Oleh itu usul tersebut tidak disetujui.

**YANG BERSETUJU:**

**23**

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

**71**

*[Keputusan terperinci belah bahagi seperti di Lampiran 1]*

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa*

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya sebelum masuk Jawatankuasa kena ada satu pengundian. Dasar kita terima baru masuk Committee Stage. Tadi cuma selesaikan usul dia sahaja, yang usul asal itu tidak ada. Kena buat satu keputusan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, sila duduk. Sekarang saya minta keputusan.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

*Rang Undang-undang dikemukakan untuk dibaca kali yang kedua.*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun atas Peraturan 46(4) untuk meminta satu belah-bahagian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, bunyikan loceng. Sokongan 15 orang.

*[Loceng dibunyikan selama dua minit]*

*[Pengundian dijalankan sekarang]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya umumkan keputusan pengundian. Ahli-ahli yang bersetuju dengan rang undang-undang ini dibacakan kali kedua ialah seramai 76 orang.... *[Tepuk]* Ahli-ahli yang tidak bersetuju seramai 24 orang.

**YANG BERSETUJU:**

**76**

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

**24**

*[Keputusan terperinci belah bahagi seperti di Lampiran 2]*

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa*

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 8 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal 1 hingga 8 –**

**10.33 pagi**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Fasal 5 berkenaan dengan perkara *Chapter VIA*, 130B khusus berkaitan dengan takrif "*terrorist, terrorist group, terrorist property dan terrorist act*". Saya boleh dikatakan mewakili sahabat-sahabat daripada *Backbenchers* yang dalam perbahasan dasar menyatakan kebimbangan mereka bahawa tindakan kita ini dengan memperkenalkan rang undang-undang ini adalah mengikut hasrat kuasa-kuasa besar Amerika Syarikat dan juga mengikut apa yang diputuskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mana sebenarnya Yang Berhormat bagi Kubang Pasu telah beberapa kali mengatakan bahawa kita tidak boleh mengikut apa yang dikehendaki oleh Amerika Syarikat dan mengatakan bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu sudah tidak lagi dapat berfungsi kerana ditakluki oleh kuasa-kuasa Barat tetapi rang undang-undang ini dan perkara ini dan khususnya takrif-takrif ini "*terrorist, terrorist group, terrorist property*" dan juga "*terrorist act*" adalah mewakili hasrat kuasa Barat yang menggunakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk tujuan tersebut.

Jadi, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan lebih lanjut tentang apa perlunya perkara-perkara ini diperkenalkan dalam rang undang-undang ini sebab undang-undang dalam negara kita mempunyai perkara-perkara yang mencukupi untuk mengambil kira masalah-masalah yang kononnya hendak diselesaikan melalui memperkenalkan rang undang-undang ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 10 iaitu 130M, "*Intentional omission to give information relating to terrorist acts*". Ini satu lagi masalah, Tuan Pengerusi. Saya telah sebutkan dahulu bahawa Penal Code kita masih lagi banyak dalam bahasa Inggeris dan tidak diterjemahkan ke bahasa Malaysia. Saya harap kerajaan yang baru ini akan dapat memperbetulkan *lacuna* dalam undang-undang kita yang mana masih menggunakan perkataan rang undang-undang dan undang-undang negara khususnya Penal Code dalam bahasa Inggeris.

130M berbunyi: "*Whoever knowing or having reason to believe that any offence punishable under Section 130C to 130L has been or will be committed intentionally omits to give any information respecting that offence, which he is legally bound to give, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to seven years or with fine or with both.*" Maknanya ialah orang-orang yang mempunyai pengetahuan berkenaan dengan hasrat seseorang atau pihak berkenaan dengan tujuan untuk melakukan apa yang disebut sebagai '*terrorist act*' dan tidak memberikan maklumat itu kepada pihak yang berkuasa, maka beliau itu boleh dihukum. Itu berkenaan orang ada maklumat yang kononnya sah, tidak memberikan maklumat.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apa pula kesnya orang sengaja memberi maklumat palsu berkenaan kononnya orang ini *terrorist*. Katakanlah laporan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri seorang *terrorist* kerana anaknya dapat biasiswa dan sebagainya. Adakah hukuman juga akan dikenakan terhadap orang yang seperti itu, sebab dalam 130M ini hanyalah hukuman dikenakan terhadap orang-orang yang tidak memberi maklumat yang kononnya sah, tetapi apa pula halnya orang-orang yang memberi maklumat palsu untuk memperkenankan orang yang lain warganegara kita.

Seterusnya kepada 130O iaitu yang terakhir dalam 130O(2) yang berbunyi: "*For the purpose of subsection (1), financial services of facilities includes the services and facilities offered by lawyers and accountants acting as nominees or agents for their clients.*" Ini adalah suatu bahagian yang meletakkan tanggungjawab ataupun honours in law, dengan izin, kepada peguam dan akauntan supaya mengemukakan maklumat-maklumat kononnya berkenaan dengan wang ringgit pihak *terrorist* kepada pihak berkuasa. Dan jika



akauntan dan peguam tersebut tidak melakukan demikian, maka ianya disabitkan bersalah dalam undang-undang yang baru ini.

Sebagaimana saya dimaklumkan oleh sahabat-sahabat yang berkhidmat sebagai peguam dan akauntan, mereka mempunyai kod etika yang agak keras bahawa mereka mesti menghormati hubungan mereka dengan pelanggan-pelanggan mereka dan di bawah kod ataupun undang-undang profesion mereka tidak boleh membongkar rahsia berkaitan dengan pelanggan-pelanggan mereka.

Maknanya jika pelanggan-pelanggan mereka memohon bantuan perkhidmatan akauntan atau memohon maklumat berkenaan dengan hal-hal undang-undang, peguam atau akauntan tersebut di bawah profesion mereka tidak dibenarkan untuk membongkar hal-hal ini kepada pihak yang lain. Jadi, saya pohon penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri tentang bagaimana masalah kod profesionalisme, peguam dan akauntan ini dapat diselesaikan, kalau tidak peguam dan akauntan ini akan didapati bersalah kerana kononnya tidak memberi maklumat kepada pihak yang berwajib. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Seputeh.

**10.39 pagi**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Fasal 130B (2) – Setiap kesalahan yang tersenarai daripada (a) ke-(j) ini adalah dianggap sebagai tindakan pengganas tetapi sebenarnya mereka ini adalah kelakuan keganasan yang boleh ditangani dengan seksyen lain dalam Kanun Keseksaan dan juga dalam Abduction and Criminal Intimidation of Innocent Act, Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act, Explosive Act, Firearms (Increase Provision) Act, Internal Security Act, Poison Act, Public Order Act.

Bagi subseksyen (2)(e) dan 2(f) mengenai penggunaan senjata api, bahan bahaya, bahan kimia toksik ataupun *microbial* dalam rang undang-undang ini, ia sebenarnya boleh ditangani dengan Seksyen 57 dan Seksyen 58 dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). ISA malah memberi definisi dan penerangan yang lebih terperinci berbanding dengan pindaan ke atas Kanun Keseksaan ini. Jadi, subseksyen (2)(e) ke- 2(f) sepatutnya dibuang.

Tuan Pengerusi, kiranya kesalahan di bawah subseksyen (a) ke-(l) dalam Seksyen (2) ini boleh dianggap sebagai tindakan pengganas, dengan itu seseorang yang hanya mencederakan atau memukul orang lain dan dianggap mengancam kumpulan orang awam pun boleh dianggap sebagai pengganas dan didakwa di bawah seksyen ini. Sebenarnya tindakan keganasan seperti perkelahian ini boleh ditangani dengan menggunakan Seksyen 351 dan 354 dalam Kanun Keseksaan. Ini bermaksud subseksyen (a) ke-(l) dalam rang undang-undang ini sebenarnya adalah satu pertindihan dalam Kanun Keseksaan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kami tidak faham kenapakah rang undang-undang ini menyenaraikan subseksyen (a) ke-(h) dalam subseksyen (2) ini kerana subseksyen (i) yang berbunyi: "*involves prejudice to national security or public safety*" telah pun merangkumi kesemua tindakan keganasan pengganas. Jadi, subseksyen (a) ke-(h) ini merupakan fasal bertindih juga. Manakala kemasukan subseksyen baru iaitu (aa) - "*intimidate the public or a section of the public;*" dan (bb) - "*influence of compel the Government of Malaysia or the Government of any State in Malaysia, any other government or any international organization to do or refrain from doing any act,*" sebenarnya boleh ditangani dengan subseksyen lain dalam Kanun Keseksaan, Police Act, Prevention of Crime Act, Public Order Act dan lain-lain.

Undang-undang yang tersenarai tersebut menunjukkan bahawa kita sebenarnya mempunyai pelbagai undang-undang yang cukup untuk menangani kesalahan aktiviti pengganas dan kita tidak memerlukan pindaan terhadap Kanun Keseksaan ini. Sebenarnya subseksyen (aa) dan (bb) adalah terlalu kabur dan luas. Jadi, apa-apa tindakan orang ramai yang menuntut demokrasi, kebebasan ataupun tunjuk perasaan yang menuntut kenaikan gaji dan lain-lain bolehlah terjatuh di bawah bidang kuasa Fasal ini. Sehingga apa-

apa perhimpunan orang ramai boleh dihukum di bawah subseksyen ini, dan orang ramai boleh dianggap sebagai pegganas oleh pihak berkuasa. Dengan kata lain, perhimpunan beramai-ramai yang menentang perang Iraq yang pernah dianjurkan oleh kumpulan seperti *Peace Malaysia* dan pertubuhan bukan kerajaan di hadapan Kedutaan Amerika Syarikat pun boleh dianggap sebagai tindakan pegganas mengikut subseksyen ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Begitu juga dengan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini terlalu macam bahas, sepatutnya Yang Berhormat minta penjelasan mengapa perkara-perkara itu – minta jawapan kepada Menteri, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, ini memang saya ingin hendak *argue* dan juga hendak tanya kerana saya sudah sebutkan banyak Fasal tadi. Biar saya teruskan, Tuan Pengerusi.

Begitu juga dengan siri tunjuk perasaan reformasi pada tahun 1998 dan 1999 yang bertujuan untuk membela dan menuntut keadilan bagi bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Jadi, bukannya subseksyen (aa) dan (bb) ini bercanggah dengan prinsip demokrasi dan kebebasan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Dengan memberi definisi yang begitu longgar dan kabur dan kurang tepat terhadap takrif "*terrorist act*", ia bukan sahaja akan menyebabkan pihak kerajaan dan orang awam menganggap *terrorist act* hanyalah jenayah yang biasa tetapi ia juga akan memberi peluang kepada Peguam Negara untuk mendakwa seseorang yang sepatutnya lebih sesuai didakwa di bawah undang-undang lain....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ini dasar.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ....seksyen Kanun Keseksan lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini sudah dasar Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya Tuan Pengerusi, kerana bila saya hendak berucap dalam bahagian dasar, saya dinafikan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu tidak kiralah, Yang Berhormat. Jangan sebab tidak dapat berucap semasa dasar, Yang Berhormat masuk dalam Jawatankuasa, itu tidak betul. Tetapi kalau Yang Berhormat hendak tanya benda yang sama tetapi cara itu kenalah betul, Yang Berhormat, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya akan cuba bantangkan dengan menggunakan pandangan saya yang lain, tetapi saya rasa ini adalah *point* yang penting.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak perlu pandangan, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang penting saya bangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak perlu Yang Berhormat hujahkan, kemudian minta penjelasan kepada Menteri. Itu cara Jawatankuasa, Yang Berhormat. Ini nampaknya berucap macam itu memang dasarnya Yang Berhormat, tidak ada apa-apa soalan dikemukakan dalam Jawatankuasa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bukankah ini adalah soalan yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Seksyen 130C subseksyen 1 berbunyi:

*“130C. (1) Whoever, by any means, directly or indirectly, commits a terrorist act shall be punished –”*

Saya ingin mempertikaikan perkataan *“indirectly”* ataupun secara tidak langsung ini kerana, ini bermaksud seseorang yang melakukan tindakan pengganas secara tidak langsung akan menerima hukuman yang sama seperti orang yang melakukan aktiviti pengganas. Ini juga bermaksud ahli keluarga dan sahabat handai kepada seseorang pengganas pun mungkin boleh didakwa di bawah subseksyen ini, dan ini adalah amat tidak adil.

Selain itu, apakah perbezaan penglibatan secara tidak langsung dalam aktiviti pengganas dengan tindakan menyokong aktiviti pengganas di bawah Seksyen 130D, 130E, 130F, 130G, 130H, 130J, 130K, 130M, 130N, 130O, 130P, 130Q, 130R dan 130S kerana kesemua seksyen tersebut telah pun menyatakan penglibatan secara tidak langsung dalam aktiviti pengganas.

Jadi, perkataan *“indirectly”* ataupun secara tidak langsung dalam subseksyen 1 di bawah Seksyen 130C tersebut tidak perlu diadakan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Seksyen 130J yang menyatakan:

*“130J. (1) Whoever knowingly and in any manner solicits support for, or give support to:-*

*(a) any terrorist group; or*

*(b) the commission of a terrorist act, shall be punished with imprisonment for life or imprisonment for a term not exceeding thirty years....”*

Tuan Pengerusi, sebenarnya seksyen ini adalah sama dengan Seksyen 130C, D, E, F, G, H, J, K, L, M, N, O, P, Q, R dan S kerana kesemua seksyen ini juga jelas menyatakan penglibatan secara tidak langsung dalam satu tindakan pengganas.

Tuan Pengerusi, sebenarnya Seksyen 130O adalah amat tidak adil dan menjejaskan tugas dan kerjaya peguam dan akauntan kerana ia menghalang pengganas daripada mendapat bantuan daripada peguam dan juga akauntan.

Pada realitinya, seseorang akauntan dan peguam mungkin tidak sedar bahawa mereka memberi perkhidmatan kepada kumpulan pengganas ataupun pengganas pada waktu tertentu. akauntan dan peguam tersebut mungkin menjalankan urusan biasa seperti *convincing* satu transaksi dalam satu urusan niaga untuk *client* mereka yang dituduh sebagai pengganas kemudian.

Peguam dan akauntan ini mungkin tidak sedar langsung tentang latar belakang dan penglibatan *client* mereka dalam aktiviti pengganas, dan mereka tidak patut disalahkan langsung.

Selain itu, Seksyen 130O(1)(b) iaitu, *“...the services or facilities will be used by or will benefit any terrorist, terrorist entity or terrorist group.”* Perkataan *‘any’* dalam subseksyen ini haruslah dipotong kerana ia bermaksud bahawa terdapatnya jenis pengganas yang berbeza dan ia mungkin termasuk pengganas yang disyaki sahaja.

Masalah dalam Seksyen 130O ini kelihatan juga bertujuan untuk melumpuhkan seseorang pengganas ataupun orang yang disyaki terlibat dalam aktiviti pengganas daripada mendapat bantuan guaman dan nasihat guaman di mahkamah.

Bukankah ini mencabuli hak undang-undang mereka untuk membersihkan nama mereka. Dari segi undang-undang, seseorang tidak bersalah sehingga ia dibuktikan bersalah. Jadi, saya cadangkan supaya seksyen ini dipotong terus dari rang undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, Seksyen 130P dan Seksyen 130Q adalah berkenaan dengan hukuman yang dijatuhkan kepada mereka yang terlibat dalam membantu pemerolehan pemegangan atau kawalan harta pengganas.

Perbezaannya ialah perkataan 'utama' ataupun *key word* dalam Seksyen 130P ialah "*facilitating*", manakala perkataan utama dalam 130Q adalah "*dealing*" tetapi anehnya, kenapakah hukuman dalam kedua-dua seksyen ini berbeza, di mana kesalahan di bawah 130P mendapat hukuman pemenjaraan maksimum 20 tahun dengan denda dan juga perampasan hartanah ataupun *forfeiture*, manakala hukuman di bawah 130Q mendapat hukuman pemenjaraan maksimum 30 tahun bersama dengan denda dan juga perampasan hartanah.

Tuan Pengerusi, adalah jelas bahawa bab baru mengenai aktiviti penganas dalam Kanun Keseksaan ini digubal secara terburu-buru tanpa mengadakan rundingan dengan mana-mana pihak, ini termasuk Majlis Peguam dan juga Persatuan Akauntan. Walaupun rang undang-undang ini mengandungi seksyen yang menjejaskan profesionalisme peguam dan akauntan, ini adalah sikap amat tidak profesional pada Pejabat Peguam Negara.

Jadi, saya sebenarnya cadangkan memandangkan rang undang-undang ini mempunyai penuh dengan kelemahan, jadi saya ingin menyeru dengan adanya Perdana Menteri yang baru, Jabatan Peguam Negara juga boleh ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hmm, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ....mengambil pendekatan yang lebih *consultative* dengan berunding dengan pelbagai pihak terlibat, malah mengadakan *public hearing* sebelum sesuatu rang undang-undang yang penting digubal ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini dasar Yang Berhormat, cukup.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ....dan dibentangkan di Parlimen. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup. Ya, Kuala Kedah.

#### 10.50 pagi

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Menteri soal Fasal 5 – 130B iaitu hal *terrorist*.

Kalau kita baca rang undang-undang ini, rang undang-undang ini di *back dated* kan ke belakang semua kita dalam Parlimen ini adalah penganas, UMNO, PAS, MCA, MIC. Kalau kita *back dated* kan rang undang-undang ini kita berada sebelum merdeka iaitu kita lawan pemerintah waktu itu ialah kolonial.

Maka kita semua ini adalah penganas. Saya cukup gembira Tuan Pengerusi, rang undang-undang ini di peringkat permulaan bahas Batang Lupar memberi pandangan yang cukup baik, Parit Sulong memberi pandangan yang cukup baik, Gelang Patah memberi pandangan yang cukup baik, dan saya faham sudah tiga penggal berada di sini, bila mengundi mereka terpaksa mengundi menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini dasar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ya, ya, sepatutnya Datuk Menteri memberi ulasan terhadap pandangan-pandangan termasuk daripada BN kali ini, terutama sekali hal *terrorist*, apa tafsirannya yang kita hendak beri dan siapa mentafsirkan *terrorist*, Australia telah tafsir iaitu yang disenaraikan *terrorist* ialah Lasykar, Taiyibah dengan HAMAS. Amerika telah pun menyebut *terrorist* itu termasuk Hisbullah, Jihad, HAMAS.

Soalnya, Datuk Menteri, kalau kita juga tidak senaraikan juga *terrorist* pertubuhan seperti itu, maka hubungan diplomatik kita dengan kerajaan-kerajaan itu akan terjejas. Saya hendak tanya di sini, siapa pemegang tafsiran *terrorist* yang disebut oleh Parit Sulong?

Rang undang-undang ini jangan kita lihat bahawa kerana BN yang bawa semua kena sokong, kerana BN yang bawa kami kena tentang, tidak. Berapa rang undang-

undang yang dibawa di sini kami sokong, ataupun diam diri – *silent* tetapi yang ini perkara besar, bukan perkara kita boleh seronok-seronok dan Perdana Menteri baru pula ambil alih dan memulakan sejarah hitam dengan meluluskan akta ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah Yang Berhormat, masuk sahaja.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jadi *terrorist* ini, kita minta penjelasan dan dalam penjelasan *terrorist* ini kita tahu bahawa Menteri boleh buat pelbagai jenis penjelasan tetapi tidak termasuk dalam akta janji Menteri, yang masuk ialah akta yang tertulis. Macam juga dahulu Akta ISA untuk komunis, itu jawapan Menteri tetapi bila pelaksanaannya, bila komunis sudah tidak ada, boleh diguna kepada sesiapa sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Siapa Yang Berhormat?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Akta ini, Datuk Menteri, dalam *terrorist* ini adalah tafsiran Amerika, dan ini akta tajaan Amerika untuk membendung khasnya kebangkitan Islam di seluruh dunia.

Satu akta yang cukup merbahaya, dengan akta yang lain kita sudah ada, sudah cukup dah untuk hendak hadapi segala bentuk jenayah yang berlaku di Malaysia ini. Oleh itu, saya minta perkara yang mustahak Datuk Menteri terangkan sedikit dengan panjang, apa dia *terrorist* - maksud kerajaan, itu pun saya tahu penerangan hari ini tidak termasuk dalam akta, tetapi sekurang-kurangnya *terrorist* itu adakah termasuk pertubuhan-pertubuhan yang disenaraikan oleh Amerika, Australia, England, kalau kita ikut senaraikan nama pertubuhan itu habis.

Saya sendiri sering pergi ke Beirut bermesyuarat dengan pertubuhan di sana.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hmm, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Habis, saya pengganas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kalau hendak digunakan akta ini 20 tahun jel. Ya, ini hal-hal *terrorist*. Saya bermesyuarat dengan HAMAS, saya bermesyuarat dengan Hisbullah, saya bermesyuarat dengan pejuang-pejuang kemerdekaan, maka saya adalah orang yang walaupun saya derma US\$100, saya *terrorist*, Parit Sulong mungkin bersama saya, kami dua-dua masuk jel nanti, 20 tahun.... [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jadi, bahaya hal *terrorist* ini, dan kita minta jangan main-mainlah, ini Parlimen. Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Minta penjelasan Tuan Pengerusi. Baru-baru ini Bernama pula mengisytiharkan bahawa IIIT atau International Institute of Islamic Thought, ialah suatu pertubuhan *terrorist* dan Bernama itu adalah suatu agensi Kerajaan Malaysia, di bawah Kementerian Penerangan. Adakah kita sealiran dengannya?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ini yang merbahaya. Dia boleh ditafsirkan oleh Perdana Menteri pada waktu itu apa dia *terrorist*. Dan pernah satu ketika Timbalan Menteri Pendidikan pergi berjumpa dan berbincang dengan MILF Filipina. MILF diisytiharkan *terrorist* dan kalaulah pakai undang-undang ini, Timbalan Menteri Pendidikan boleh didakwa di bawah akta ini, 20 tahun jel.

Ini yang jadi masalah, ikut tafsiran Menteri pada waktu itu atau Perdana Menteri pada waktu ini, ini satu perkara yang merbahaya. Ya, ada soalan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kemaman.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Saya hendak tanya pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa orang-orang yang ditangkap sebagai *terrorist* yang terlibat dengan peristiwa 11 September seperti Yasin Al-Qadi, Al-Qaeda dan sebagainya, kebanyakan mereka adalah mempunyai status *permanent resident* ataupun status pemastautin tetap di Malaysia dan yang lulusnya itu Menteri Dalam Negeri dan bekas Perdana Menteri Malaysia, adakah dia pun terlibat dengan keganasan, tanya pandangan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tadi, saya katakan mengikut tafsiran *terrorist* yang longgar ini, siapa sahaja di antara kita jikalau ada niat jahat Perdana Menteri, walau siapa Perdana Menteri mungkin satu hari belah kami, hari ini belah sana, kita boleh gunakan rang undang-undang ini untuk menahan sesiapa sahaja, termasuk Kubang Pasu yang ada hubungan dengan IIIT. Kalau IIIT itu disenaraikan oleh Amerika sebagai penganas, maka bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh didakwa kerana dia ada hubungan yang baik dengan Dr. Taha Jaber, IIIT yang selalu bertemu, Ismail Faruqi, yang dibunuh yang ditembak mati di Amerika. Dan kalau IIIT itu disenaraikan sebagai penganas di sebuah negara, kalau kita tidak senaraikan sebagai penganas, apa hal dengan hubungan diplomatik kita, sebab itu kita dalam rang undang-undang ini, kita jangan main-mainlah, perkara ini perkara besar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hmm, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jadi, minta penjelasan. Ya Jeli, Jeli minta pula penjelasan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Apakah bersangkutan dengan satu lagi undang-undang yang ditakuti selepas satu undang-undang yang telah sekian lama berkuat kuasa dalam negara didesak habis-habisan oleh hak-hak asasi manusia supaya dimansuhkan, tiba-tiba kita menambah lagi apa yang cuba didesak oleh pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia untuk dimansuhkan menurut naluri sebenar kemanusiaan, yang pertama.

Yang kedua, apakah Yang Berhormat tidak mahu mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya kumpulan penganas itu satu istilah yang cukup tidak jelas, apakah Yang Berhormat tidak mahu supaya pihak kerajaan menjelaskan setiap bulan, dia mesti isytihar, kumpulan ini penganas, kumpulan ini penganas, isytihar dalam akhbar, isytihar dalam surat khabar, dalam TV, radio supaya jangan *listing*. *Listing* itu mesti *update, every month* kerajaan kena *update* kepada seluruh rakyat supaya kerajaan beritahu, kalau tidak dia boleh suka-suka sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Dia kata kumpulan ini penganas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jeli, cukup.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jam-jam itu juga dia tangkap, macam mana pandangan Yang Berhormat, tidak bolehkan pihak kementerian supaya setiap bulan *update the listing* kumpulan penganas. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, jawapan 130B, (a) memang ISA sekarang boleh dimansuhkan sebab akta ini *commit or attempt to commit*. Jadi, *attempt* percubaan untuk membuat sesuatu *terrorist*, maka boleh ditahan. Ertinya, ISA sekarang boleh dimansuhkan kerana akta ini lebih teruk daripada ISA, lebih dahsyat lagi iaitu kalau berniat dan *terrorist* pula tidak begitu jelas saya kata tadi, jadi ini satu perkara walaupun sudah bentang, kalau undi majoriti kita tahu BN menang tetapi *review* balik perkara ini, sebab perkara ini perkara yang tidak baik untuk kita semua, siapa yang pegang memerintah tak baik, cuma untuk lawan dia, ataupun dalam sesama parti pemerintah kalau dia niat tak baik kepada kawan yang lain, dia boleh gunakan akta ini untuk menindas lawan dalam negeri ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jadi, minta Menteri memberi penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi Tanjong, selepas itu Menteri menjawab.

**11.00 pagi**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin merujuk kepada Fasal 5 iaitu definisi berhubung dengan kesalahan *terrorism* Seksyen 130B iaitu 2, selepas definisi *mens rea (aa)(bb)* terdapat ini – “*And includes any act or omission constituting an offence under the Aviation Offences Act 1984*”. Saya ingin Yang Berhormat Menteri menjelaskan sama ada *clause* ini bermakna bahawa sebarang kesalahan yang dilakukan dan didapati salah di bawah Aviation Offences Act boleh dianggap sebagai *terrorist act* dan semua kesalahan yang terkandung dalam *Aviation Offences Act* ini diinterpretasikan atau diterjemahkan sebagai “Akta Terrorisme”.

Ini merupakan satu kuasa yang sangat besar memandangkan setiap kesalahan yang mungkin didefinisikan di bawah *Aviation Offences Act* ini merujuk kepada definisi *actus rea and mens rea* merupakan satu akta penganas. Jadi saya ingin Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sama ada ini benar atau tidak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila Menteri jawab.

**11.02 pagi**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah sempat mengambil bahagian dan membahaskan di perenggan Jawatankuasa. Rumusan yang dapat saya buat daripada keempat-empat Ahli Yang Berhormat ini ialah pertamanya, mereka tidak meneliti istilah serta bahasa yang digunakan di samping takrif serta penjelasan yang diberi. Oleh kerana memang mudah bagi kita mengaitkan sesuatu rang undang-undang itu dengan rang undang-undang yang lain, lantaran semata-mata dalam peruntukan-peruntukan di dalam rang undang-undang yang lain itu didapati persamaan dengan rang undang-undang yang dicadangkan.

Persamaan seperti ini biasa dalam Sistem Perundangan Negara dan juga biasa dalam perundangan-perundangan di negara-negara yang menggunakan kuasa *legislative*. Oleh itu tidak perlu dihiraukan sangat kenapa ada persamaan. Tinggal lagi bagaimana dan sebab apa beberapa peruntukan itu diperlukan. Ini soal dasar setelah negara melihat bahawa lebih baik bagi Malaysia menyediakan undang-undangnya sendiri untuk menghadapi *terrorism* atau keganasan di peringkat antarabangsa, di persempadanan atau yang terus menerus masuk ke dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menjelaskan beberapa perkara yang berbangkit secara spesifik tentang perkara-perkara am. Saya telah pun cuba menjawabnya ketika perbahasan diadakan di Dewan. Yang Berhormat bagi Tumpat begitu beria-ia benar menyatakan bahawa ini adalah mengikut kuasa besar. Ini *statement* atau kenyataan yang terbit daripada kemahuan *equate* atau menyamakan kehendak negara kita dengan kehendak Amerika atau kehendak kuasa-kuasa besar. Lebih baik kita soalkan balik apakah dengan kejadian-kejadian yang telah berlaku sama ada di Bali atau di Sudan, perkara-perkara yang telah berlaku sama ada pada 11 September dua tahun lalu, kita hanya berpeluk tubuh dan tidak mahu mengetatkan sistem perundangan kita.

Ini soal dasar. Oleh kerana Barisan Nasional telah menentukan supaya kerajaannya perlu bersedia, maka dasar itu diputuskan. Tinggal lagi jika Yang Berhormat ada bukti bahawa sebenarnya Malaysia mengikut negara-negara ini, saya ingin melihat bukti tersebut. Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kuala Kedah berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Minta maaf. Sekejap saya selesai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sedikit lagi.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Beliau juga menyatakan bahawa yang dipinda oleh Dewan menerusi kuasa *legislative* di negara ini bertentangan dengan etika Peguam dan akauntan. Soal bertentangan tidak timbul sama sekali. Jika setelah kita lihat peruntukan yang dikemukakan sebagai cadangan dalam rang undang-undang ini, secara langsung atau tidak langsung (*directly or indirectly*) dengan izin, atau dengan cara penyusunan kemudian, didapati mana-mana pihak termasuk Peguam dan akauntan tentang kesalahan ataupun perkara-perkara yang boleh dikaitkan dengan kesalahan *terrorism* tentu boleh ditentukan kedudukan para profesional ini. Tiada seorang pun di negara kita yang boleh diketepikan daripada tuntutan undang-undang.

Ini langsung tidak ada kaitan ataupun dugaan bahawa ia bertentangan dengan Legal Profession Act (LPA) 1976 dan ia juga tidak ada kaitan dengan mana-mana peruntukan yang memberi kuasa kepada akauntan untuk menjalankan tugas. Sekiranya akauntan ataupun pakar ekonomi ataupun seorang *banker*, dapat disusul perbuatannya berkaitan dengan kesalahan *terrorism*, maka itu telah diberi peruntukan di bawah akta ini. Jadi kalau kita tidak bersalah, tidak ada kaitan untuk menyatakan seperti Kuala Kedah menyatakan tadi, ini adalah satu perkara yang lebih daripada ISA misalnya. Ini tidak berasas dan ini bukan undang-undang *executive* sebagaimana yang saya nyatakan. Ini memerlukan Peguam Negara di bawah Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan, menentukan sama ada seseorang itu boleh dikaitkan dengan perbuatan keganasan dan sekiranya jelas perbuatan-perbuatan itu, barulah dikemukakan dalam bentuk dakwaan, terserah kepada mahkamah untuk memutuskan di perenggan mana pendakwaan itu harus diberi penyusunan dan penekanan undang-undangnya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kuala Kedah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, tadi *preamble* Datuk kata iaitu peristiwa seperti pengeboman di Bali, peristiwa di Sudan. Saya ingin bertanya kepada Datuk dan rakan-rakan lain telah bercakap, tidak cukupkah dengan undang-undang yang ada seperti yang kita dakwa Al-Mau'nah itu bila berlaku sesuatu perkara yang seperti itu? Tidak cukupkah undang-undang yang ada kalau berlaku jenayah seperti itu, yang perlu kita pinda rang undang-undang ini sedangkan yang telah dibicarakan mereka itu dan telah pun dihukum iaitu ada undang-undang untuk bertindak ke atas orang yang seperti itu. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Pengerusi, Al-Ma'unah didakwa di bawah Seksyen 122 *Penal Code* atau Kanun Keseksaan. Di bawah seksyen itu, ia adalah kesalahan bagi mengambil tindakan yang menyerupai atau boleh dibuktikan sebagai tindakan menentang secara ala peperangan atau secara kekerasan terhadap Yang di-Pertuan Agong. Jadi itu tidak ada kaitan dengan apa yang telah saya rumus ataupun pindaan-pindaan yang dipohon di Dewan ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Seputeh banyak berucap mengenai dasar, oleh itu saya tidak mengulas banyak, kecuali cadangan beliau untuk membuang seksyen 130B, ceraihan 2(b) dan (e). Kita tidak dapat setuju dengan cadangan itu oleh sebab ini adalah spesifik.

Kuala Kedah sangat....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jeli berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Saya jelaskan dahulu, Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia hendak cakap dahulu.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Pertama ialah Kuala Kedah sangat mementingkan supaya takrif *terrorist* diberi perhitungan dan makna yang jelas. Saya cuma ingin membawa kepada muka 4 rang ini dan di situ memang jelas dinyatakan seseorang yang dianggap sebagai *terrorist* atau pengganas ialah seseorang yang dengan izin, *commits or attempts to commit any terrorist act* dan *terrorist act* ini diberi pula takrifnya di bawah muka 5 dan juga di subseksyen 2 termasuklah (a) sampai (bd) di muka yang sama



dan lanjutannya kepada muka 6. Saya tidak perlu mengulang lagi sebab musabab dan juga kelangsungan sesuatu terma yang diguna dalam rang undang-undang ini.

Memadai misalnya jika seseorang itu didapati dengan izin, *participates in or facilitates the commission of any terrorist act* memadai bagi pendakwa menentukan beliau. Jika beliau tidak dapat ditentukan *beyond reasonable doubt*, maka tidak jadi kesalahan kepada pihak yang berkenaan. Jadi bagi kita mengatakan ini sama dengan ISA, tentu sekali tidak dapat diterima hujah itu sebagai sesuatu yang *simplistic* dan tidak berganding dengan kenyataan lunas undang-undang oleh sebab *mens rea* yang disebut dalam akta ini juga memberi kita pengesahan bahawa niat jahat itu mesti dibuktikan dalam proses yang dituntut oleh seksyen-seksyen yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, izinkan saya pergi selanjutnya kepada....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Minta maaf, saya teruskan dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak terus Yang Berhormat. Jeli, sila duduk.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Pendapat Seputeh bahawa undang-undang ini terburu-buru diadakan, saya juga nafikan oleh sebab Jabatan Peguam Negara telah mengambil masa yang panjang dan dalam soal menentukan bahawa sama ada Malaysia harus atau tidak mendapatkan undang-undang seperti ini, ia telah dikaji dan jawatankuasa yang ditubuhkan itu juga telah *anticipate* - dengan izin - soalan-soalan yang berbangkit seperti yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi dan semasa kita membahaskan peruntukan-peruntukan ini.

Kuala Kedah, saya pohon supaya terma *terrorism* itu dilihat di muka 4 dan juga Akta *Terrorist* seperti yang dihuraikan pada muka 5 Rang Undang-undang. Soal *backdate*....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** ....ataupun memberi tarikh kebelakangan mengatakan bahawa kita semua di Dewan ini akan dianggap sebagai *terrorist*, ini tidak boleh kita terima oleh sebab di bawah Perkara 7 Perlembagaan, telah pun menyatakan "*Seseorang itu tidak boleh dianggap bersalah atau didapati bersalah bagi sesuatu perbuatan jenayah yang pada masa undang-undang itu diproklamir atau diperbuat di Parlimen, ia di luar bidang undang-undang tersebut*". Jadi tidak perlu dikhuatiri di atas apa yang mungkin berlaku sebelum berkuat kuasanya undang-undang ini....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya dengar hujah-hujah Yang Berhormat dengan teliti dan didapati bahawa seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat dahulu bahawa kita mempunyai undang-undang yang baik untuk menangani masalah *terrorism*. Dan masalah untuk menyegerakan ini tidak wujudlah kalau kenyataan-kenyataan yang lampau itu boleh diterima. Didapati bahawa walaupun saya tidak bersetuju 100% dengan Kuala Kedah tetapi ada asas juga iaitu mengenai istilah-istilah yang ada dalam rang undang-undang ini. Apakah memerlukan kita begitu segerakan, walhal kita mempunyai undang-undang yang cukup untuk menangani masalah ini dan mujurnya tidak wujudlah masalah seperti di Arab Saudi semalam dan sebagainya. Mujurlah dan kita bersyukur tidak akan berlaku di sini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, cukup. Itu dasar dah tu, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu bukan dasar, Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dasar Yang Berhormat! sebab kalau jawatankuasa daripada 1 hingga 8 ini tidak ada langsung menyentuh tanya mengapa undang-undang ini disegerakan dan sebagainya. Dasar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Okey. Baik. Kalau itu dasar, mengapa kita tidak boleh memberi masa yang cukup untuk meneliti semua ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Usul dah bawa, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu. Saya tahu dan walaupun jawatankuasa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu cukup baik, tetapi manusia juga. Kalau ini tidak sempurna, apakah yang akan kita buat?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hmm. cukup, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya berharaplah Yang Berhormat dapat mengkaji pendapat saya mengenainya kerana kita ada cukup undang-undang sekarang. Tidak payah kita hendak itu....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat. Itu perkara dasar, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu dasar? Sekian.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Pengerusi, Kepong patut tanyalah seksyen mana yang hendak kita mempertikaikan lagi tetapi oleh kerana sebutan-sebutan itu semuanya dasar, maka saya pun tidak perlu menjawab seperti yang telah diluahkan oleh Kepong. Tinggal lagi beliau kata asas-asas ada pada Kuala Kedah semasa mempersoalkan terma-terma, erti dan makna *terrorist* dan juga perbuatan *terrorist*. Maka saya pun mohon beliau tentulah yang sempat yang saya kemukakan ini pun banyak juga asas-asasnya, saya harap Yang Berhormat terima.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyatakan iaitu soalan dari Tanjong tentang kenapa disabitkan pula atau disebutkan kaitannya dengan Akta Aviasi atau *Aviation Act*. Sebabnya ialah Malaysia telah menjadi salah satu daripada penanda tangan kepada konvensyen *aviation* antarabangsa seperti yang saya sebutkan minggu lalu. Dan di samping itu ada beberapa lunas yang memerlukan akta ini dikaitkan pelaksanaan dan penguatkuasaannya bersama dengan akta tersebut.

Jadi persoalan *facilitating provision* ini dikehendaki dari lunas undang-undang dan ianya perlu diterima pakai setelah dilihat bahawa keperluan yang muncul untuk dilaksanakan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Kemaman berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Sila.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa undang-undang ini tidak akan dikenakan kepada mereka yang sebelum ini tidak mengetahui penglibatan mereka itu terlibat dengan keganasan dan sebagainya tetapi saya ingin tahu atas peruntukkan apa yang telah dibuat oleh polis menurut kenyataan Ketua Polis Negara bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim akan disiasat mengenai kegiatan dia dengan pengganas apabila kenyataan yang dibuatkan oleh Sheikh Kabani dahulu dan kemudian baru-baru ini apabila SBS, televisyen Australia menyatakan bahawa....

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Seksyen mana, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, ya! Seksyen berapa Yang Berhormat?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tidak, tidak! Kenyataan berdasarkan kepada jawapan yang telah diberikan tadi. Yang Berhormat Menteri kata bahawa mereka yang tidak secara....

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** *Ethics?* Tuan Pengerusi, saya menyebutkan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Anggapan *backdates* tidak timbul, jadi soalan itu tidak kena-mengena.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Habis, atas dasar apa yang polis pergi menyiasat dakwaan yang telah dibuat oleh dua orang ini....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, ini tidak ada kena-mengena, Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ....yang menyebabkan Ketua Polis Negara pergi menyiasat?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya Kemaman, Menteri tidak akan jawab Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Pengerusi, itu pun saya telah jawab semasa saya menggulung perbahasan minggu lalu iaitu saya menyatakan barang sesuatu yang timbul sama ada secara domestik atau secara antarabangsa yang melibatkan apa-apa kepentingan jenayah atau pun hal-hal yang berhubung kait dengan pentadbiran undang-undang, wajar polis menyiasat. Jadi dalam soal yang dibangkitkan oleh Kemaman kemungkinan dengan siasatan itu dapat dibersihkan dakwaan yang dibuat oleh Australia. Dan juga menyatakan Kerajaan Barisan Nasional sekali-kali tidak ada mempunyai niat untuk bersubahat dengan pihak-pihak tersebut. Itu saya telah jelaskan.

Tuan Pengerusi, Tanjong jangan berasa gusar bahawa akta ini akan dimanipulasikan secara yang kemungkinan diduga oleh sesetengah pihak oleh sebab *the administration of justice* atau pentadbiran keadilan di bawah *Penal Code* atau Kanun Keseksaan ini cukup cermat diatur supaya ia dalam *supervision* atau pun pengawasan mahkamah sendiri. Di samping itu, suka kita menyatakan sebagai lanjutan kepada persoalan-persoalan yang timbul yakni kesemua kesalahan di bawah ini, ia tidak boleh dibuat secara dakwaan *arbitrary* ataupun sewenang-wenangnya. Dakwaan-dakwaan itu perlu diperbuat sedemikian rupa supaya tertumpu kepada sesuatu perbuatan yang didapati bersalah di bawah akta ini. Tinggal lagi peguam-peguam yang akan mempertahankan kes-kes yang tertakluk di bawah akta ini tentu sekali kena buat *homework* atau kerja rumahnya sama ada beberapa peruntukan yang dipertikaikan itu harus kita kemukakan untuk lunas perbahasan dan juga bergantung kepada peruntukan *Evidence Act*, atau Akta Keterangan 1950.

Akhir sekali, kuat kuasa pindaan ini kerajaan akan pastikan sama ada pertamanya, soal-soal berkaitan dengan hubungan pendakwaan selesai. Kedua, sama ada pendakwaan dan proses untuk menguatkuasakan undang-undang ini telah terlebih dahulu siap sedia diberi taklimat dan diberitahu kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), juga kaki tangan yang berkaitan untuk menjalankan tugas-tugas khusus di bawah pindaan tersebut.

Tuan Pengerusi, setiap akta itu Menteri berkenaan terpaksa puas hati terlebih dahulu sebelum ia dikuatkuasakan. Oleh kerana pandangan-pandangan seperti yang telah diluahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu memerlukan tindakan yang cermat, maka saya

suka untuk mengambil tindakan itu apabila perbuatan atau langkah mewartakannya dikemukakan kepada pihak berkuasa. Terima kasih.

Fasal-fasal 1 hingga 8 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** 7, 46 (4) minta di belah bahagian.

**Tuan Pengerusi:** 46 (4)? *Division?* [Rujukan dibuat kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 46(4)].

[Majlis mengambil masa untuk membuat belah bahagian]

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa di bawah 46(4), dia kata Tuan Yang di-Pertua, dalam pertimbangannya. Cuba baca 46(4). Minta pertimbangan Tuan Pengerusi. Ini perkara yang Tuan Pengerusi boleh timbang sama ada patut diadakan. Orang-orang boleh adakan jikalau dia bersetuju diadakan. Oleh yang demikian dalam perkara ini tidak payahlah saya timbangkan dan tidak payah diadakan. Sila, usul pindaan.

## Fasal 9 (Pindaan) -

### 11.24 pagi

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan pindaan ke atas Fasal 9 yang melibatkan Seksyen 376(1) dan Seksyen 376(2) di mana kerajaan telah mencadangkan untuk menambahkan hukuman penjara.

Saya ingin mencadangkan agar pindaan ini juga meliputi dengan menghantar mereka yang telah dihukum bersalah di bawah seksyen ini di mana pihak mahkamah diberi kuasa untuk menghantar mereka untuk kaunseling pemulihan. Dengan izin, saya membaca, "...*And he shall be ordered to undergo a period of mandatory rehabilitative counseling as the court deems necessary*". Dengan izin.

Tuan Pengerusi, ini adalah perlu kerana memandangkan kebanyakannya melebihi 50%. Dalam kes ini, si mangsa adalah mengenali si perogol dan kejadian kebiasaannya berlaku di tempat yang selamat. Kita bagi contoh kes rogol muhrim. Oleh itu adalah patut pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan ini diikuti pula dengan mewajibkan pesalah ini menjalani proses pemulihan dan kaunseling. Hukuman berat ini biasanya akan memberi satu impak atau akibat yang negatif dan mencegah si mangsa untuk datang hadir atau ke depan untuk membuat aduan polis kerana kita boleh tengok kes rogol muhrim ini melibatkan si perogol ini sering kali mereka yang mempunyai hubungan keluarga atau darah seperti abang atau bapa tiri atau bapa yang merogol si mangsa-mangsa ini.

Jadi biasanya kita boleh baca dari surat khabar mangsa ini telah dirogol berulang-kali baru datang ke hadapan untuk membuat aduan polis atau bagi pihak mereka ahli keluarga mereka yang tampil ke hadapan. Jadi ini adalah perlu kita memahami atau mengenali situasi mengapa si perogol ini enggan ke hadapan untuk membuat aduan polis. Jadi saya merayulah kepada kerajaan akan mengambil kira bahawa keperluan si perogol atau yang bersalah ini menjalani proses kaunseling agar selepas mereka keluar dari penjara, selepas telah disebat, dirotan, kembali kepada keluarga mereka, mereka adalah benar-benar insaf dan tidak mempunyai perasaan bahawa mereka ini telah dihukum tanpa memahami sebab-sebab di hukum. Melalui proses kaunseling yang diwajibkan ini mereka akan faham bukan sahaja mereka menyalahi undang-undang, tetapi dari segi agama juga mereka tidak patut melakukan tindakan sedemikian ke atas ahli keluarga mereka. Ada ramai yang telah bersalah ini dihukum tetapi mereka keluar dan berpendapat, "*Apa salahnya saya merogol anak saya?*" Ya, saya yang lahirkan dia, saya yang berhak ke atasnya".

Jadi kalau dalam situasi ini kita adakan kaunseling saya berharap dengan ada kaunseling ini ia boleh menginsafkan pesalah bahawa bukan sahaja dari segi undang-undang tindakan mereka adalah dilarang tetapi dari segi agama dan mereka boleh bersama

keluarga mereka kembali menyedari kesalahan yang mereka lakukan. Dan ahli keluarga mereka juga tidak mempunyai perasaan bahawa kita hantar bapa kita atau abang kita yang sepanjang masa ingin menyara kehidupan kita untuk dihukum sahaja tetapi untuk memperbaikinya dan untuk membiarkan dia mengenali kesilapannya atau perkara yang mereka telah lakukan.

Jadi saya pohon kerajaan dapat menambahkan proses kaunseling ini semasa si pesalah ini dihukum penjara juga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya sekejap Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang telah pun tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk di bahaskan. Ya, Bukit Mertajam.

#### 11.28 pagi

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong cadangan ini. Saya rasa kalau harta kita dirompak kita boleh mencari duit untuk membeli balik, tetapi kalau seorang wanita, kalau badannya dicerobohi, bukan sahaja traumanya dari segi kehilangan kesucian, dia juga akan kehilangan hidup masa hadapannya. Hidupnya tidak akan sama seperti sebelum perkara itu berlaku dan kalau itu adalah satu kes *incest* ia akan mendatangkan krisis yang besar kepada keluarga itu. Jadi untuk mencegah kes-kes ini bukan sahaja kita tumpu kepada hukuman tetapi adalah penting kita juga memberi sokongan kepada si mangsa dan juga untuk memulihkan si perogol itu. Itu ada lebih penting daripada hukuman lagi.

Jadi saya berpendapat ini adalah satu cadangan yang sangat munasabah dan saya rasa perlulah semua Ahli Parlimen, semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini menyokong cadangan ini. Janganlah hanya kerana semata-mata cadangan ini datang dari pembangkang, jadi yang di sebelah sana tidak mahu menyokong. Saya menyeru supaya sekurang-kurangnya Ahli Yang Berhormat wanita dalam Dewan ini akan menyokong cadangan ini [*Tepuk*] dan juga semua Ahli Yang Berhormat lelaki kerana semua si mangsa ini mereka mempunyai seorang bapa sekurang-kurangnya, mereka mempunyai abang, mereka juga mempunyai...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat gunakan perkataan sekurang-kurangnya satu orang bapa. Satu orang sahajalah, bukan sekurang-kurangnya.

**Puan Chong Eng:** Ya, mungkin ada juga dan mereka ada suami. Kalau perkara ini berlaku tentu ia akan menjadi satu perkara yang sangat besar, satu krisis kepada keluarga. Jadi saya harap semua Ahli Yang Berhormat boleh menyokong cadangan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila, Menteri menjawab.

#### 11.31 pagi

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Pengerusi, saya akui cadangan Batu Gajah baik dan pandangan-pandangan beliau itu yang juga dikaitkannya sekali semasa perbahasan minggu lalu telah diambil ingatan oleh kerajaan tetapi suka saya nyatakan di sini kalau semata-mata hendak memasukkan kaunseling di bawah seksyen ini, tentunya ia tidak begitu afdal oleh sebab di bawah Peraturan Penjara Tahun 2000, semua kes yang bersabit jenayah juga termasuk kes-kes yang berkaitan dengan juvana, mereka melalui kaunseling. Oleh itu tindakan memberi perunding cara ataupun kaunseling dan bimbingan ini sudah pun di dalam sebahagian peraturan yang telah dijalankan di semua penjara di Malaysia. Tinggal lagi selepas seseorang itu keluar dari penjara, yang itu tertakluk kepada Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk melaksanakannya.

Di bawah Undang-undang Kanak-kanak pun, kaunseling itu adalah diperlukan dan di samping peraturan-peraturan lain kita melaksanakan mekanisme tersebut. Mohon Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, okey. Yang Berhormat Menteri, ini bermakna tiap-tiap seorang penjenayah di dalam penjara berhak di bawah Undang-undang Penjara mendapat kaunseling.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Tuan Pengerusi:** Fasal 9 terbuka semula untuk dibahaskan.

#### 11.34 pagi

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Pengerusi, saya suka untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Fasal 9, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) ini.

Pertamanya, tentang sumbang muhrim iaitu perlakuan jenayah seksual antara keluarga. Saya fikir satu daripada jabatan penting kerajaan ialah Kementerian Penerangan yang mana Yang Berhormat Menteri yang ada, yang mana Yang Berhormat Menteri Undang-undang kita pun bekas Menteri Penerangan dalam tahun 1970-an yang lalu iaitu bahawa rancangan-rancangan, program-program radio dan televisyen, janganlah terlalu menumpukan kepada unsur-unsur hiburan, unsur-unsur seronok, unsur-unsur pesta yang mana ia akan menimbulkan kecenderungan ke arah amalan-amalan yang tidak sihat dan tidak selari dengan prinsip-prinsip keagamaan dan prinsip-prinsip moral kita sebagai sebuah negara Islam dan mengikut Rukun Negara pun menganggap sebagai sebahagian penting daripada asas pembinaan, pembentukan dan kewujudan negara ini.

Jadi saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kita akan mengarahkan Kementerian Penerangan, Kementerian Multimedia yang bertanggungjawab terhadap Astro dan rangkaian TV yang lainnya untuk memastikan bahawa program-program kementerian-kementerian ini tidak mengarahkan kepada minat masyarakat kita ke arah amalan sumbang muhrim yang hendak ditingkatkan hukumannya mengikut undang-undang ini.

Keduanya Tuan Pengerusi ialah istilah *whipping*, rotan atau sebatan. Saya ingin mencadangkan sealiran dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Batu Gajah yang mencadangkan kaunseling tadi iaitu prinsipnya ialah supaya kita mendidik, mengajar dan mengenakan suatu tindakan dan tekanan kemasyarakatan sosial terhadap penjenayah dan bakal-bakal penjenayah ini.

*Whipping* dari istilah undang-undang kita ialah suatu sebatan yang kesannya amat dahsyat difahamkan kepada yang kena sebat itu tetapi saya difahamkan juga dalam bacaan-bacaan dan saya ikuti ceramah-ceramah, rotan ada sebatan dari sudut tafsiran agama Islam adalah lebih menumpukan bukan terhadap penyiksaan fizikal terhadap yang kena sebat atau rotan itu tetapi ia dilakukan dan tujuan tidak hendak mencederakan yang kena sebat tetapi dilakukan di khalayak umum untuk mengenakan suatu tekanan sosial kepada yang kena sebat itu iaitu ia dilakukan bukan sangat untuk mencederakan yang kena sebat tetapi untuk seluruh masyarakat mengetahui bahawa orang ini yang melakukan jenayah ini dan sebatan itu sebagai sebahagian daripada suatu proses sosial untuk menimbulkan rasa malu, rasa bahawa beliau bersalah dan semua masyarakat akan tahu kesalahan dan telah tahu kesahan yang beliau lakukan. Jadi ini dua perkara yang saya ingin tanya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Batu Gajah.

#### 11.37 pagi

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kembali kepada Seksyen 376 di mana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa setiap mereka yang melakukan jenayah dan dihukum bersalah oleh mahkamah akan melalui proses kaunseling. Saya mencadangkan pindaan tadi adalah mempersoalkan keberkesannya. Kita boleh nampak banyak kes ragut, merompak dan sebagainya.

Mereka telah keluar dari penjara, jika benar berkesannya kaunseling dijalankan, mereka tidak mengulangi lagi. Kita boleh baca dalam laporan, banyak kes mereka yang telah menjalani kaunseling, mereka mengulangi lagi melakukan kesalahan apabila mereka kembali ke masyarakat.

Kita tengok dalam kes rogol. Kes rogol ini, kita perlukan kepakaran yang berbeza untuk memahami mengapa seorang bapa merogol anaknya, anak darah dagingnya. Jadi saya pohonlah dalam menangani kes rogol

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, mengikut Peraturan Mesyuarat, perkara yang telah diputuskan janganlah diulang balik. Kaunseling itu tidak payahlah ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Ya, ya itu saya faham. Jadi dalam pindaan kerajaan menambahkan hukuman. Jadi saya haraplah ambil kira situasi sedemikian dalam kes rogol, kes kategori jenayah yang berlainan. Jadi saya pohon penjelasan dari pihak Menteri dalam situasi ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Mertajam.

### 11.39 pagi

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya juga berpendapat seperti Batu Gajah kerana kes *incest* ini adalah satu kategori yang tidak sama dengan yang lain. Ia terlibat dengan ahli-ahli keluarga. Jadi ia mesti dipandang bukan sahaja dari segi undang-undang tetapi juga dari segi budaya. Begitu juga dengan kes rogol. Ia mesti dipandang juga dari segi budaya dan sosial supaya ia boleh ditangani dengan lebih efektif. Jadi saya rasa walaupun undang-undang adalah penting tapi yang seperti Batu Gajah dan saya telah kata tadi, sokongan kepada si mangsa dan juga proses pemulihan kepada si perogol itu adalah sangat penting. Saya harap kerajaan akan mengambil kira dan saya merasa kecewa bahawa cadangan tadi tidak disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak kerajaan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, jawapannya.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, Batu Gajah dan Bukit Mertajam. Soalan Tumpat mengenai peranan RTM yang dikatakan bahawa sebahagian daripada program-programnya itu adalah menimbulkan perkara-perkara yang kontra dengan nilai-nilai dan juga amalan agama yang ketara katanya. Oleh sebab sahabat saya Yang Berhormat Menteri Penerangan ada dan saya telah berbisik dengan beliau tadi, kedudukannya ini sesungguhnya perlu difahami. Pertama ialah program yang dibuat oleh RTM mempunyai peratusan masa yang tidak banyak. Oleh itu penumpuan RTM khusus kepada hal-hal yang utama atau *priority* itu mengambil tempat di atas atau diutamakan.

Di samping itu, sekiranya pandangan ini dapat juga Yang Berhormat sampaikan kepada syarikat-syarikat televisyen swasta yang mempunyai pengkhususan dan juga peranan masing-masing terhadap tajuk yang dikemukakan dan masalah yang timbul daripadanya. Walau bagaimanapun, oleh sebab Yang Berhormat Menteri Penerangan ada bersama, kami akan bersama-sama ingat mengingatkan supaya Kementerian Penerangan mengambil tindakan yang setimpal supaya tahap penerangan dan penyampaian kepada rakyat lebih berkesan.

Mengenai rotan, pandangan beliau bahawa begitu traumatik. Sesungguhnya, memang dipersetujui bahawa pandangan itu dan rotan yang digunakan itu juga adalah di *administer* mengikut arahan-arahan spesifik di bawah Peraturan Penjara tahun 2000 juga. Sebagai salah seorang yang begitu rapat dengan masalah dan perbuatan antidadah, saya dapat mengesahkan iaitu merotan atau *caning* dengan izin, memberi beberapa kesan ilmu jiwa atau psikologi yang harus diambil kira. Sebab itu tadi saya nyatakan Tuan Pengerusi, kes-kes yang bersabit dengan perotanan itu secara automatik diberi kaunseling dan mereka yang mendapat bimbangan runding cara ini adalah diperakukan apabila mereka keluar, apakah kesan-kesan yang mereka rasai harus diberitahu kembali kepada pihak berkuasa.

Namun demikian, sistemnya tidaklah secantik mana yang dianggap oleh sebahagian besar masyarakat. Ini adalah disebabkan pakar-pakar kaunseling ini masih tidak mencukupi. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah pun dipohon tempoh hari supaya mendapat pakar-pakar yang lebih dan para kaunselor yang bertauliah. Bukan itu sahaja, *sense of dedication*, dedikasi mereka harus tinggi dan dapat digunakan dalam kerja-kerja amal tambahan apabila mereka yang telah dipenjarakan itu memerlukan khidmat tersebut.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya Yang Berhormat, Rantau Panjang bangun ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan jawapan Menteri berkaitan pakar-pakar kaunseling dalam penjara. Boleh Yang Berhormat bagi penjelasan sedikit kepada saya sejauh manakah keberkesanan pakar-pakar kaunseling yang ada di penjara selama ini yang dianggap oleh masyarakat pakar kaunseling yang ada sekarang ini tidak banyak terdiri daripada golongan-golongan yang mempunyai pendidikan agama. Boleh beri penjelasan sedikit?

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Yang Berhormat, semua penjara mempunyai kakitangan yang pakar dalam agama untuk soal-soal bimbingan agama, di Seremban, di Kajang di Sungai Buloh dan juga di tempat-tempat tahanan yang lain mereka ini bertugas tetapi soal cukup atau tidak, ini memang menjadi persoalan subjektif dan seperti yang saya sebutkan tadi, Kementerian Dalam Negeri sedang menentukan apakah keberkesanan yang diperlukan lagi di samping hanya keagamaan, sebab kaunseling bukan hanya tertumpu kepada soal agama tetapi juga kepada penjiwaan dan juga cara seseorang itu berinteraksi dalam masyarakat apabila keluar daripada penjara.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam di atas pandangan mereka yang begitu membina berkaitan dengan masyarakat yang dipenjarakan atau dikenakan hukuman-hukuman berat. Sesungguhnya persoalan bagi negara kita bagi era akan datang ialah untuk melebihkan lagi perhatian kita dalam soal-soal ini.

Saya teringat kepada satu kajian yang dibuat di New Zealand beberapa tahun dahulu yang menyatakan bahawa, dengan izin, Tuan Pengerusi, "... *insufficiency*, atau ketidakcukupan, dengan hanya memenjarakan orang ataupun penjenayah". Penyusulannya selepas pemenjaraan hampir sama pentingnya dengan pemenjaraan itu. Hal ini akan kita kotakan, insya-Allah, dengan program asuhan oleh pelbagai kementerian dan juga NGO.

Pandangan Yang Berhormat bagi Batu Gajah supaya memorandum NGO diambil berat, saya memberi komitmen, Tuan Pengerusi, supaya memorandum itu dikaji oleh kerajaan dengan mendalam, sebab sedia terkandung di dalamnya pandangan-pandangan yang berguna dan membina.

**Fasal 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal-fasal 10 dan 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dikemukakan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]



### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tumpat pohon belah bahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ya. Baiklah. Saya minta sokongan daripada 15 orang, tidak kurang daripada 15 orang.

**Semua Ahli Pembangkang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah ada sokongan, tidak kurang daripada 15 orang. Dan saya memerintahkan di bawah Peraturan Mesyuarat 46(4) supaya diadakan satu Belah-Bahagian. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah-bahagi]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya. Ahli-ahli yang bersetuju 84 *[Tepuk]*. Yang tidak bersetuju 28 *[Tepuk]*. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bermakna lebih suara yang bersetuju.

#### YANG BERSETUJU:

84

#### YANG TIDAK BERSETUJU

28

*[Keputusan terperinci belah bahagi seperti di Lampiran 3]*

Rang undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG PAJAK GADAI  
(PINDAAN) 2003**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.57 pagi**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Pemegang Pajak Gadai (Pindaan) 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan pajak gadai....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat. Ya, ya.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat penjelasan mengapa Rang Undang-undang Pemegang Pajak Gadai (Pindaan) 2003 ini perlu diberi keutamaan. Pada 6 November lepas, rang undang-undang ini pun tidak disenaraikan dalam *Order Paper* dan secara tiba-tiba sahaja ia diberi keutamaan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dinaikkan, ya.

**Puan Chong Eng:** ....berbanding banyak lagi rang undang-undang. Jadi saya ingin mendapat satu penjelasan mengapa ia perlu diberi keutamaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Mengikut Peraturan Mesyuarat 14, kerajaan boleh menaikkan, mengutamakan mana-mana rang undang-undang dan susunan Aturan Mesyuarat ini adalah disusun oleh pihak kerajaan. Jadi, yang demikian, kerajaan telah pun bersetuju supaya rang undang-undang dinaikkan. Yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat itu ia telah pun dinaikkan.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang faham bahawa kerajaan atau Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa seperti itu. Saya hanya hendak tahu apakah sebabnya, sebab-sebab ia diberikan keutamaan? *[Disampuk]* Adakah ia begitu *urgent* sekali? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerajaan telah menyatakan bahawa Akta ini amat *urgent* sekali oleh kerana mengikut Seksyen 1 itu. Cuba baca seksyen itu iaitu Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham wujud peraturan sedemikian tetapi saya haraplah bila ada apa-apa perubahannya, kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat dimaklumkan terlebih dahulu sebab Ahli-ahli daripada *Backbenchers*, mereka semua ada diberi taklimat. Kita tidak ada diberi taklimat langsung, tidak diberitahu sebab-sebabnya langsung. Jadi, biar kita dilayan sama, saya haraplah. Jangan suka hati yang mana dipercepatkan, dipercepatkan tanpa.... *[Tepuk]*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata: "*Hormatilah Dewan, layanan kita semua sama*". Taklimat untuk sebelah sana sahaja. Suka hati naik turun naikkan rang undang-undang tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.... *[Tepuk]*. Saya haraplah kita biar ada satu perubahan dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hmm....

**Puan Fong Po Kuan:** Tidak boleh sesuka hati macam itu. Ikut suka Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Mereka ada maklumat terlebih dahulu, kita tidak ada. Kita kena minta pandangan daripada orang luar. Mereka menjadi mangsa semua. Kita kena minta.... [*Tepuk*] [*Dewan gamat seketika*]. Jadi, saya haraplah boleh ditangguhkan, lain akta yang telah dibenarkan lebih awal, kita sudah sedia dengan maklumat untuk dibahas tetapi dengan tiba-tiba ini yang datang dahulu. Jadi, saya haraplah mesti ada konsultasi yang sempurna. Jangan macam Akta Perumahan, ya. Tidak ada konsultasi, selepas itu tidak boleh dijalankan akta tersebut.

Jadi saya haraplah Tuan Yang di-Pertua, biar ada penghormatan dalam Dewan dan tidak dibuat sesuka hati oleh majoriti yang ada dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, biar kita ada perubahannya dan dengan Yang Amat Berhormat yang baru, kita ada harapan akan ada perubahan dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat, saya tidak ada kuasalah hendak menangguhkan ataupun hendak membelakangkannya. Inilah kuasa yang ada kepada Menteri, Yang Berhormat. Ya, sila, sila teruskan Yang Berhormat.... [*Dewan gamat seketika*]

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada Yang Berhormat, ada.

**Puan Chong Eng:** Tidak ada, tidak ada.

**Seorang Ahli:** Kita ada buat nota tambahan, ada?

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Seorang Ahli:** Bagi saya salinan, *copy* atau sesalinan nota tambahan ada....?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya diberitahu oleh pejabat, setiap orang kata, ada satu nota tambahan.

**Puan Fong Po Kuan:** Itu adalah selepas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, selepaslah ya. Boleh.

**Puan Fong Po Kuan:** Dan saya nampak peraturan telah tidak diikuti. Pada masa itu kita boleh bantah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, saya haraplah kita *give and take* dalam perkara ini. Menteri Pengangkutan usul tarik balik. Biar dia yang lain, baru untuk bahas sahaja.

**Seorang Ahli:** Ya, betul, betul... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat. Saya berharaplah....

**Puan Fong Po Kuan:** Saya haraplah Tuan Yang di-Pertua, kita hormatilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya pun....

**Puan Fong Po Kuan:** Kita pun....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah....

**Puan Fong Po Kuan:** .... inginkan peraturan masa itu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Saya pun berharap agar perkara macam ini janganlah berlaku lagi pada masa hadapan. Bagilah masa sedikit kepada Ahli-ahli Dewan untuk membaca undang-undang sebelum dikemukakan, ya.

**Seorang Ahli:** Ya. [*Dewan gamat seketika*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila, sila teruskan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hmm....

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Dengarlah saya punya huraian, baru tahu dia desakkah atau tidak. *[Dewan gamat seketika]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tidak. Rang undang-undang ini adalah sangat mendesak. Kalau untuk kepentingan utamanya, mereka yang berpendapatan rendah. Kita sudah pinda Akta Pemberi Pinjaman Wang. Akta ini ada berkaitan. Kalau Akta Pemberi Pinjaman Wang itu sudah dikuatkuasakan dan undang-undang ini belum lagi dipinda, maka ada juga sindiket ataupun mereka yang tidak bertanggungjawab akan mengeksploitasi orang yang miskin yang dalam keadaan terdesak untuk mendapatkan sesuatu pinjaman.

Jadi, dengan pindaan ini, dengan secepat mungkin kita dapat melindungi kebanyakan pemajak yang terpaksa mendapatkan perlindungan. Jadi, kalau kita baca apa yang kita pinda itu, begitu menyeluruh, hampir kesemuanya adalah untuk kepentingan pemajak, merupakan orang yang berpendapatan rendah.

**Puan Fong Po Kuan:** Kita telah meninggalkan.... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** ....dan tidak benar bahawa tidak ada konsultasi. Konsultasi telah banyak dibuat dengan mereka yang terlibat terutamanya....

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** ....dengan mereka yang terlibat terutamanya mereka yang mewakili pengguna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam bangun, hendak beri jalankah tidak?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Haa, tidak. Saya belum bentang apa-apa. Nanti dia boleh bahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey. Bukit Mertajam, dia tidak beri jalan.

**Puan Chong Eng:** *[Masih berdiri] [Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Bukit Mertajam, dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Ya, boleh teruskan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okey, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan pajak gadai wujud secara rasminya di Malaysia, secara berkuat kuasanya Pawn Brokers Ordinance 1871 di Negeri-negeri Selat, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, Akta 81 dikuatkuasakan pada 2 Januari 1973 dengan meletakkan pajak gadai di bawah Butiran 7(j) Senarai Pertama, Senarai Persekutuan bagi menyelaras dan menyeragamkan pentadbirannya yang sebelum ini ditadbir oleh 13 buah enakmen, ordinan, kaedah berbeza-beza oleh kerajaan negeri masing-masing. Seiring dengan pembangunan negara dan perkembangan ekonomi yang pesat, perniagaan pajak gadai konvensional telah berkembang berdasarkan permintaan oleh masyarakat sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Ini adalah kerana, urusan niaga pajak gadai merupakan satu-satunya sumber yang bersedia memberi pinjaman segera kepada pelanggan yang sangat memerlukan pinjaman tanpa banyak formaliti.

Sementara itu, banyak juga masalah yang timbul berkaitan perniagaan pajak gadai, khususnya berdasarkan aduan orang ramai termasuk persatuan pengguna. Antara aduan yang diterima ialah penipuan atau penyelewengan seperti mengenakan kadar faedah yang berlebihan, pembelian surat atau resit pajak gadai yang dijalankan secara terang-terangan. Pemegang pajak gadai tidak bertanggungjawab ke atas sandaran yang hilang akibat dirompak atau terbakar, kedai pajak gadai beroperasi tanpa lesen, kedai emas

menjalankan urusan niaga pajak gadai dan tiada penguatkuasaan yang berkesan kerana kelemahan undang-undang.

Memandangkan urusan pajak gadai masih diperlukan oleh masyarakat di Malaysia pada masa kini dan faktor-faktor di atas jelas menunjukkan bahawa senario ketiga Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 digubal adalah berbeza berbanding masa kini. Justeru itu, beberapa pindaan ke atas akta tersebut adalah wajar dilakukan untuk menyesuaikan dengan perkembangan semasa urusan niaga pajak gadai di negara ini. Dalam hubungan ini, cadangan pindaan Akta 81 ini akan dapat memperkemas peruntukan akta yang sedia ada, memperkukuhkan peranan kementerian sebagai badan pengawasan dan penguatkuasaan serta mengatasi segala permasalahan yang wujud pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, pindaan pertama yang dicadangkan pada Akta Pemegang Pajak Gadai tahun 1972 adalah seperti berikut:

Pindaan terhadap subseksyen 3 (1)(a) dan (b) bertujuan membolehkan pemegang pajak gadai menerima sandaran terhadap sesuatu pinjaman berjumlah tidak melebihi daripada RM10,000, sedangkan sebelum pindaan, jumlah pinjaman terhadap sesebuah sandaran hanya terhad kepada tidak melebihi RM5,000 sahaja. Peningkatan ini adalah bersesuaian dengan kenaikan harga barangan, kadar inflasi dan nilai mata wang semasa serta membendung penggantungan terhadap pemberi pinjaman wang haram.

Subseksyen 3A(1) baru memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Pendaftar Pajak Gadai, Timbalan Pendaftar, Inspektor Pajak Gadai dan pegawai serta lain-lain pegawai yang difikirkan sesuai di kalangan anggota penjawat awam. Ini adalah bertujuan memperkemas sistem pentadbiran akta serta memudahkan pengawalan dilakukan secara lebih menyeluruh.

Seksyen 7, Akta 81 dipinda bagi menekankan kepastian mendapat lesen bagi menjalankan urusan niaga pajak gadai.

Seksyen 8A baru memuatkan asas-asas untuk penolakan permohonan lesen. Menerusi peruntukan ini, lesen tidak boleh dikeluarkan sekiranya individu, pengarah, pengurus, setiausaha sesebuah syarikat, presiden, timbalan presiden, setiausaha, bendahari sesebuah persatuan atau rakan kongsi:

- (i) pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah, penipuan dan pecah amanah di bawah Bab 16 dan Bab 17 Kanun Keseksaan atau pelanggaran mana-mana peruntukan akta ini;
- (ii) tidak dibebaskan daripada bankrap atau 'digulung';
- (iii) didapati bersalah dan disabitkan di bawah akta dan dikenakan denda melebihi RM10,000 atau penjara, kecuali penjara bagi kesalahan yang melibatkan denda yang tidak melebihi daripada RM10;
- (iv) pemohon yang bertanggungjawab dalam pengurusan pajak gadai pernah dibatalkan lesen pajak gadai sebelum ini; atau
- (v) terbukti mempunyai sikap buruk atau tidak berkelayakan.

Pindaan ini dibuat bagi memastikan bahawa pemegang pajak gadai yang dilesenkan merupakan individu atau syarikat yang benar-benar berwibawa dan bersih dari sebarang rekod kesalahan jenayah serta memastikan urusan niaga dijalankan dalam suasana yang harmoni.

Seksyen 10 dipinda dengan mengurangkan tempoh sah laku lesen daripada tiga tahun kepada dua tahun bertujuan memudahkan pengawalan, pengawasan dan penguatkuasaan.

Seksyen 10(1) dipinda bertujuan memansuhkan sistem memperolehi lesen secara tender dan mewujudkan sistem terbuka. Dengan cara ini, urusan niaga pajak gadai secara monopoli dapat dihapuskan dan menggalakkan industri pajak gadai yang lebih kompetitif.

Seksyen 11 dipinda bertujuan memberi kuasa kepada Pendaftar Pajak Gadai untuk menggantung atau membatalkan lesen yang telah dikeluarkan kepada mana-mana pemegang pajak gadai yang telah diisytiharkan muflis, gulung, melakukan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan akta atau pada pendapat Pendaftar telah melakukan sesuatu tindakan yang boleh menjejaskan kepentingan pemajak atau mana-mana anggota awam.

Seksyen 11F baru menetapkan bahawa, lesen tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak kepada mana-mana orang melainkan dengan kebenaran Pendaftar. Peruntukan ini bertujuan memastikan pemegang lesen tidak menyerahkan lesen sewenang-wenangnya dan menghindari permasalahan yang timbul ke atas pemajak.

Seksyen 13B baru ditambah bertujuan mengadakan peruntukan berkaitan pengiklanan. Menerusi peruntukan ini, pengiklanan boleh disiarkan dengan syarat mendapat kelulusan Pendaftar dan dibuat dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Pindaan ini bertujuan membendung sebarang pengiklanan yang boleh mendorong dan mempengaruhi pengguna ke arah kegiatan pajak gadai yang tidak sah atau sebarang penyelewengan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

Seksyen 13B baru ditambah bertujuan menjelaskan bahawa permohonan bagi permit iklan dikehendaki dibuat secara bertulis kepada Pendaftar dalam borang berserta maklumat dan dokumen-dokumen yang ditetapkan. Pindaan kepada seksyen 15 bertujuan menjelaskan bahawa, jika terbukti pemajak tidak memberikan butiran atau informasi yang betul kepada pemegang lesen jika disabitkan, boleh dikenakan penalti tidak melebihi daripada RM20,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Pindaan ini adalah bagi membendung sebarang penipuan oleh pemajak serta memberi perlindungan kepada pemegang lesen pajak gadai.

Seksyen 14 dipinda bertujuan mengadakan peruntukan supaya pemegang lesen pajak gadai mencatatkan segala butiran sandaran yang digadai dan nama serta alamat pemajak bagi mengelakkan penyelewengan atau penipuan. Sebelum pindaan, pemegang pajak gadai tidak dibenarkan menerima sandaran daripada pemajak yang berumur di bawah 16 tahun untuk mengelak pemajak yang terlalu muda terjebak dalam urusan pajak gadai. Subseksyen 16(1)(a) dipinda dengan menaikkan umur pemajak kepada 18 tahun. Di samping itu, pemegang pajak gadai juga tidak dibenarkan menerima sandaran daripada orang yang tidak siaman atau mabuk.

Seksyen 17 dipinda dengan tujuan memastikan pemajak gadai hanya mengenakan kadar keuntungan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Ianya merupakan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah akta ini sekiranya terbukti pemajak gadai mengenakan caj berlebihan selain daripada yang ditetapkan di bawah peraturan.

Seksyen 18 dipinda di mana perkataan “...*apabila diminta*...” dipinda kepada “*diwajibkan*” dan memberi maksud pemegang pajak gadai diwajibkan mengeluarkan satu resit bagi setiap transaksi yang diterimanya dan bukan lagi apabila diminta oleh pemajak. Ini adalah kerana resit yang dimaksudkan boleh dijadikan bukti bagi setiap permasalahan yang mungkin timbul seperti penipuan kadar yang dicaj dan lain-lain penyelewengan.

Pindaan kepada Seksyen 22 Akta menekankan tanggungjawab pemegang lesen pajak gadai terhadap sandaran jika berlaku kehilangan atau kerosakan disebabkan kebakaran, kecuaiian, kecurian, rompakan dan sebagainya.

Seksyen 23 dipinda bagi tujuan meningkatkan nilai sandaran yang tidak ditebus dalam tempoh enam bulan daripada tarikh pajakan itu daripada RM100 kepada RM200 dan menjadi hak pemegang lesen. Manakala nilai sandaran yang melebihi RM200 akan dilelong oleh pelelong berlesen. Peningkatan ini adalah berdasarkan kenaikan harga barangan setelah 20 tahun berlalu.

Pindaan kepada Seksyen 25 memberi tanggungjawab kepada pemegang pajak gadai supaya membayar lebihan atas sandaran yang dilelong dalam tempoh 4 bulan dari tarikh lelong tanpa menunggu apa-apa tuntutan daripada pemajak.

Seksyen 29 dipinda bagi memperuntukkan tanggungjawab pemegang lesen membuat laporan segera ke Ibu Pejabat Polis yang berdekatan jika terdapat mana-mana orang yang berurusan telah menimbulkan syak.

Di bawah Akta 81, jawatan dan bidang kuasa Inspektor dan polis tidak ditakrifkan dan dinyatakan secara khusus. Oleh yang demikian, Seksyen 43(1) Akta telah dimansuhkan dan digantikan dengan Seksyen 34A hingga 34K baru bagi menjelaskan kuasa penyiasatan, pengeledahan, penyitaan dan penangkapan yang boleh dilakukan oleh Inspektor atau pegawai polis di bawah Akta ini.

Pindaan yang dicadangkan dalam bahagian ini memasukkan seksyen baru iaitu Seksyen 34L hingga 34M. Antara lain, pindaan ini memperuntukkan keterangan ejen provokasi dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta, penerimaan kenyataan yang dibuat oleh tertuduh dan perlindungan pemberi maklumat dan maklumat yang diterima.

Seksyen 34I baru mencadangkan penalti sekiranya terbukti mana-mana orang cuba menghalang, melewati atau tidak bekerjasama dengan Inspektor atau pegawai polis untuk menjalankan penyiasatan atau penguatkuasaan undang-undang.

Bagi kesalahan-kesalahan tersebut, apabila disabit boleh dikenakan denda tidak melebihi daripada RM20,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan. Manakala, jika didapati mana-mana orang yang menyebabkan kecederaan kepada Inspektor, pegawai polis atau mana-mana pegawai penjawat awam, apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada RM20,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya dan sebagai tambahan, dikenakan hukuman sebatan.

Seksyen 39 baru memperuntukkan penalti bagi kesalahan memberi maklumat palsu, penyelewengan, mengelirukan atau mendorong mana-mana orang ke arah pemajak sandaran iaitu denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 40 dipinda dengan memperuntukkan penalti bagi kesalahan-kesalahan umum. Antara lain, memberi maklumat palsu semasa membuat permohonan lesen, memasukkan butiran salah dalam rekod, laporan atau akaun dengan tujuan untuk menyeleweng, meniru lesen atau memalsukan lesen dan mempamerkannya di premis. Bagi kesalahan-kesalahan tersebut, jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi daripada RM50,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 41 dipinda memperuntukkan penalti bagi mana-mana orang yang membeli atau cuba membeli tiket sandaran dan jika disabitkan, boleh dihukum denda tidak melebihi daripada RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Pindaan ini bertujuan membendung perbuatan atau tindakan yang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan ke atas pemajak.

Seksyen 41A baru ditambah bertujuan mengadakan peruntukan penalti am bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini yang tidak dinyatakan jumlah penaltinya.

Seksyen 43A baru memperkatakan mengenai syarikat terma pertubuhan atau kumpulan orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini dan jika disabitkan, boleh didakwa dan dikenakan denda tidak melebihi daripada RM50,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 43C baru memberi kuasa kepada Pendaftar dengan persetujuan pendakwa raya mengkompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta dan peraturan.

Pindaan kepada Seksyen 45 bertujuan memperuntukkan kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan.

Seksyen 46A baru memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan pemegang pajak gadai daripada mana-mana peruntukan ini melalui pewartaan dalam dua keadaan seperti berikut:

- (i) telah menimbang hal istimewa berkaitan ciri perniagaannya atau tujuan perniagaannya dan jika Menteri puas hati pengecualian tersebut tidak bercanggah dengan kepentingan awam; dan
- (ii) Menteri juga boleh pada bila-bila masa membatalkan pengecualian tersebut jika berpendapat pemegang pajak gadai tidak lagi sesuai diberi pengecualian.

Pindaan kepada Seksyen 48 memperuntukkan seperti berikut:

- (i) tarikh kuat kuasa termasuk tarikh yang ditetapkan oleh Menteri dalam subseksyen 1(2);
- (ii) tempoh peralihan ialah antara 1 Januari 2004 sehingga tarikh berkuat kuasa Akta baru;
- (iii) mana-mana pemegang lesen yang diberi kuasa sebelum 1 Januari 2004, boleh meneruskan perniagaan sepanjang tempoh peralihan dan disifatkan berlesen di bawah Akta semasa tempoh demikian;
- (iv) semasa tempoh peralihan, pemegang lesen dikehendaki membayar *fee* seperti yang dikenakan ke atasnya sebelum sahaja 1 Januari 2004 dan ianya tertakluk kepada peruntukan Akta Ibu seolah-olah Akta Ibu tidak dipinda oleh Akta itu; dan
- (v) pemegang lesen itu sebaik sahaja Akta dikuatkuasakan, dikehendaki tidak lewat daripada 3 bulan dari tarikh itu memohon lesen di bawah Akta ini.

Cadangan pindaan kepada Akta Pemegang Pajak Gadai, Akta 81 adalah perlu, memandangkan aktiviti pajak gadai dalam negara ini masih diperlukan. Berikutan itu, banyak masalah telah timbul dan tidak dapat ditangani oleh Akta yang sedia ada. Oleh yang demikian, Akta yang sedia ada telah dirangka untuk memenuhi keperluan masyarakat sekarang berbanding dengan yang lama adalah untuk keperluan lebih 20 tahun dahulu.

Selain itu, pindaan ini juga perlu dilakukan demi untuk memperkukuhkan peranan dan fungsi kementerian dalam melesenkan, mengawal dan menguatkuasakan undang-undang serta mendisiplinkan semua pihak yang terlibat dalam sektor tersebut. Pindaan-pindaan ini juga perlu demi menjamin kepentingan pemajak dan pemegang pajak gadai ke arah industri pajak gadai yang lebih kompetitif dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan di sini bahawa rang undang-undang ini akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan kepada kerajaan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sokongan?

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Saya bagi Yang Berhormat bagi Bagan dahulu. Sila Yang Berhormat bagi Bagan.

**12.25 tgh.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Orang-orang yang sering pergi ke kedai pajak gadai adalah orang miskin dan orang bawahan. Masalah-masalah yang selalu timbul adalah berkenaan dengan ketidakadilan tentang barang-barang yang digadai.



Nilai gadai tidak seimbang dengan nilai barangan. Misalannya, sekiranya saya ambil sebuah jam tangan yang bernilai RM300 untuk digadai tetapi kedai pajak gadai hanya hendak membayar RM100 hingga RM200 sahaja. Dalam hal ini, adakah kerajaan akan menetapkan satu peratusan untuk barangan yang digadai supaya orang-orang yang pergi menggadai barang tidak ditekan rendah dengan barang-barang yang hendak digadai itu.

Yang kedua, apabila habis tempoh untuk menebus balik barangan, misalannya sekiranya barang ini digadai untuk enam bulan, selepas enam bulan, adakah ia akan diberi *grace period* kerana ada orang dinafikan untuk tebus balik barangan selepas tamat tempoh untuk menebus balik. Ini berlaku kerana mungkin orang yang hendak menebus balik barang itu, dia belum dapat gajinya dan mungkin selepas dapat gaji, dia sudah terlambat beberapa hari. Di kalangan insurans atau di mana-mana tempat juga, sekiranya ada hal yang sedemikian, diberi *grace period*, misalannya satu minggu atau dua minggu, saya berharap kerajaan boleh memberitahu sama ada ini dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, bunga yang dikenakan. Adakah bunga yang dikenakan untuk barangan gadai atau wang yang diterima dari pemajak itu ditetapkan atau dengan selera pemajak atau ikut pasaran semasa untuk menetapkan bunga?

Yang keempat, apa barang yang boleh diterima? Dahulu pernah kita mendengar sarung pun boleh digadai tetapi pada masa sekarang, pemajak hanya hendak menerima barang-barang kemas seperti barang-barang emas, barang-barang yang berharga seperti jam berjenama dan barang-barang berjenama sahaja.

Yang kelima, adakah resit yang dikeluarkan oleh pemajak menerangkan atau mencatatkan *description* dan berat bersih atau harga pasaran semasa? Misalannya saya kata, barang seperti cincin atau rantai emas, ia dicatat dengan berat bersih barangan itu dan masa pada masa itu, mungkin satu gram pada masa sekarang ialah RM38, kalau barang itu beratnya 3 gram, maka satu jumlah ditulis pada resit itu. Sekiranya ia tidak diterangkan dengan *description*, harga atau berat bersihnya, mungkin pada satu masa apabila ia hendak ditebus balik, barang itu mungkin ditukar atau dipisahkan sebahagiannya daripada yang asal itu.

Ini tidak adil kepada orang-orang yang pergi memajak dan resit itu sama ada ia diterangkan dengan nama dan nombor IC kerana kini kita menghalang orang untuk membeli resit pemajak ini. Sekiranya ia tidak menerangkan nama dan IC maka ia boleh diurus niaga oleh pihak ketiga. Apa yang boleh dituntut atau diminta ganti rugi sekiranya barangan yang disimpan oleh pemajak itu didapati ada kecacatan selepas ditebus balik. Seperti contoh saya katakan, saya ambil jam tangan saya untuk digadai. Pada masa saya menggadai jam tangan itu, ia berada dalam keadaan yang baik tetapi apabila saya tuntutan balik, jam tangan saya itu rosak. Jadi apa yang boleh saya buat?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lelongan barang-barang. Adakah ia akan diumumkan kepada orang ramai atau berpakat-pakat dengan dua tiga orang sahaja untuk melelong barangan sebab pada masa sekarang kita nampak di mahkamah-mahkamah pun kalau ada lelongan hartanah, kita nampak selalunya hanya segelintir orang yang serupa itu sahaja, mereka berpakat untuk menawarkan satu harga dan selepas itu mereka boleh dapat pembahagian keuntungan dari itu. Jadi saya berharap ada satu sistem, apabila barang-barang itu hendak dilelong, maka ia perlu dilelong secara umum dan secara adil supaya tiada pakatan dalam hal lelongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang dilarang menggadai barang-barang itu ialah mereka yang berumur 16 tahun dan kini ditingkatkan kepada 18 tahun. Orang yang tidak siaman atau orang yang mabuk pun tidak boleh menggadai barang-barang itu. Bagaimana pemajak boleh mengesan sama ada barangan sandaran adalah dari sumber yang benar dan bukan barangan curi, barangan rampas, barangan ragut atau barangan rompak dan kemungkinan juga si suami itu akan mengambil barang-barang kemas dari isterinya secara terpaksa untuk menggadai. Jadi dalam hal yang demikian, adakah satu kawalan atau peraturan supaya memastikan barang-barang yang digadai itu adalah dari sumber-sumber yang tulen dan sumber-sumber yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya, dalam rekod kementerian, pernahkah ada mana-mana kedai pajak gadai dikenakan tindakan kerana melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang ada di dalam Akta?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pemindaan fasal-fasal. Kemestian memiliki lesen dan syarat pengeluaran lesen adalah menjadi kewajipan pemegang pajak gadai memohon secara bertulis kepada Pendaftar mengikut orang yang ditetapkan. Selepas mengemukakan borang yang ditetapkan, adakah satu tempoh ditentukan supaya Pendaftar perlu menjawab sama ada permohonan itu diluluskan atau tidak diluluskan kerana Yang Berhormat sendiri pun kata misalnya *Occupation Certificate* (OC), sekiranya ia tidak diselaraskan, tidak dipendekkan maka peluang untuk berlakunya rasuah boleh terjadi. Jadi dalam hal ini adakan satu tempoh untuk menimbang permohonan itu supaya ia tidak dipanjang-panjangkan atau dilengah-lengahkan.

Berkenaan dengan Fasal 8A, orang-orang yang didapati bersalah atau melakukan jenayah atau rakan kongsi, pengarah atau sesiapa sahaja, ia tidak dapat diberi lesen. Dalam hal ini, orang yang melakukan kesalahan tidak diberi lesen tetapi selalunya orang akan ambil kesempatan untuk lari dari larangan ini. Beliau boleh melantik isterinya, anaknya atau saudara-maranya untuk dinamakan tetapi urus niaga sendiri juga dia yang melakukan. Jadi apa kawalan atau tindakan yang boleh dijamin supaya orang-orang yang benar-benar berniaga adalah orang yang benar-benar pemegang lesen dan bukan seperti apa yang saya katakan.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh sah laku lesen dikurangkan dari tiga tahun kepada dua tahun. Dahulunya tiga tahun, sekarang dipendekkan kepada dua tahun dan ia perlu diperbaharui. Bukankah ini boleh menjadi satu beban kepada pemegang lesen kerana dahulu tiga tahun buat sekali pembaharuan, sekarang dua tahun kena buat lagi. Sekiranya mereka lupa, maka tindakan akan diambil terhadap dia dan ini juga mungkin boleh memberi satu peluang untuk rasuah kerana dia perlu mendapatkan lesennya dengan seawal mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Pendaftar diberi kuasa yang sangat besar dan mempunyai kelebihan kerana di Fasal 11F bahawa lesen tidak boleh dipindah milik atau diserah kepada mana-mana orang melainkan dengan kebenaran Pendaftar. Maka sesiapa yang hendak memindahkan lesen ini kepada orang lain, beliau tidak ada pilihan yang lain melainkan untuk mendapat persetujuan dari Pendaftar. Sekiranya hendak pergi berjumpa dengan Pendaftar maka sesuatu perlu dilakukan. Ini adalah dalam pengetahuan umum. Jadi saya berpendapat Pendaftar diberi kuasa yang agak besar dan saya juga berharap supaya Menteri tidak membenarkannya. Sekiranya ia tidak boleh dipindah milik maka ia terus tidak boleh dipindah milik. Orang baru yang hendakkan lesen itu, dia mesti minta yang baru dan bukan dengan kebenaran Pendaftar.

Fasal 13A iaitu mengehendaki pemegang pajak gadai berlesen mengemukakan buku akaun atau lain-lain dokumen termasuk data komputer yang mengandungi transaksi. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mencerobohi rahsia perniagaan, maka boleh juga dikatakan maklumat-maklumat berkenaan dengan perniagaannya boleh bocor. Misalnya katakan dalam satu tahun mungkin beliau boleh mendapat keuntungan lebih kurang RM500,000 atau RM1 juta, maka orang-orang yang memeriksa akaunnya, beliau tahu bahawa perniagaan ini boleh membawa keuntungan yang besar atau di sebaliknya. Kalau dia rugi dalam hal perniagaannya, maka orang tahu bahawa syarikat ini mengalami kerugian yang besar dalam perniagaannya. Jadi siapa yang boleh jamin bahawa kerahsiaan perniagaan ini tidak bocor dengan syarat untuk mengemukakan buku-buku akaun mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada Seksyen 41 dipinda dengan memperuntukkan penalti bagi orang-orang yang membeli atau cuba membeli tiket sandaran. Pada masa sekarang kita nampak dan baca dalam surat khabar atau di iklan-iklan, risalah-risalah yang dihantar ke rumah-rumah. Kita nampak selalu ada orang mempamerkan atau mempelawa supaya resit-resit pemajak ini boleh digadai sekali lagi atau dibeli oleh pihak ketiga. Selepas pindaan ini, adakah kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka seperti menyemak dalam surat khabar, menyebarkan risalah-risalah yang disiarkan atau kedai-

kedai yang terus terang mempamerkan di hadapan kedai mereka bahawa mereka hendak membeli resit-resit gadaian itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertanyaan-pertanyaan seperti yang saya bangkitkan itu, saya minta penjelasan berkenaan dengan perkara tersebut.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ramai ya? Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ini adalah satu rang undang-undang pindaan, jadi saya ingin mengehendakan masa. Bagi setiap ahli yang hendak berucap tidak boleh lebih daripada 15 minit. Saya minta kerjasama dan dengan ini saya menjemput Yang Berhormat bagi Gelang Patah, sebab ada rang undang-undang yang lain, lagipun ini adalah rang undang-undang pindaan. Saya minta kerjasama, 15 minit cukuplah. Yang Berhormat bagi Bagan tadi pun dalam 15 minit, cukup. Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**12.41 tgh.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang Pemegang Pajak Gadaai 1972.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu salah satu agenda utama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru kita ialah mempertingkatkan kecekapan jentera pentadbiran kerajaan. Pada pendapat saya, pindaan kepada rang undang-undang ini juga akan dapat menyumbang kepada agenda tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa rang undang-undang ini telah berkuat kuasa sejak tahun 1973 dan diluluskan di Dewan Rakyat pada tahun 1972, hingga sekarang sudah 30 tahun. Boleh dikatakan banyak seksyen dalam rang undang-undang ini telah "absolute", dengan izin, dan perlu dipinda untuk melindungi kepentingan orang ramai terutama kepentingan para pemajak gadaai yang memajak gadaikan barang-barang berharga mereka kepada pemegang lesen pajak gadaai. Saya yakin dan percaya dengan pindaan ini, ia akan dapat memanfaatkan kedua-dua pihak kepada pemegang lesen pajak gadaai dan kepada mereka yang perlu bantuan daripada pelesen pajak gadaai itu.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan terutama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terutama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana berusaha mengemukakan pindaan terhadap Akta Pemegang Pajak Gadaai iaitu Akta 81 di Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini pemantauan dan pengurusan aktiviti-aktiviti pajak gadaai dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan adalah dilaksanakan oleh kerajaan negeri, ini pihak Kerajaan Pusat turunkan kuasa kepada mereka. Rang undang-undang ini mencadangkan supaya Kerajaan Pusat dapat mengambil alih tugas ini supaya dapat memperkemas dan mempertingkatkan pengurusan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti pajak gadaai ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu perubahan yang patut disokong kerana ia akan membolehkan usaha pemantauan aktiviti-aktiviti pajak gadaai diseragamkan di seluruh negara. Saya berharap ini juga akan membolehkan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. Walau bagaimanapun, ini juga bermakna kakitangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu bekerja lebih tekun dan bersungguh-sungguh dengan bantuan pihak polis supaya objektif-objektif pindaan rang undang-undang ini dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mencadangkan supaya nilai sandaran maksimum yang dibenarkan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000 setelah mengambil kira faktor inflasi. Saya telah difahamkan bahawa kerajaan berharap kenaikan ini akan dapat membantu mengurangkan pergantungan orang ramai kepada aktiviti pajak gadaai yang haram atau kepada aktiviti peminjaman wang yang haram. Oleh yang demikian, cadangan untuk menaikkan nilai sandaran maksimum yang dibenarkan memanglah wajar dan patut disokong.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya harga barang-barang semakin naik setiap tahun. Dalam istilah ekonomi, keadaan ini dikenali sebagai inflasi. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama bukanlah semua rakyat Malaysia yang bekerja menikmati kenaikan gaji setiap tahun. Terdapat rakyat Malaysia yang mengalami potongan gaji apabila semakin tua dan ada juga yang kehilangan pekerjaan sama sekali. Masalah sedemikian lebih kerap dihadapi oleh mereka yang tidak mempunyai kelayakan akademik atau kemahiran profesional.

Sementara kita memasuki era ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi, jurang perbezaan pendapatan antara mereka yang berkelayakan akademik dan mereka yang tidak mempunyai pendidikan tinggi semakin besar. Peluang pekerjaan untuk mereka yang tidak mempunyai kelayakan akademik atau kemahiran tertentu semakin berkurangan. Walaupun pengalaman kerja mereka bertambah setiap tahun dalam kebanyakan situasi, pengalaman kerja mereka ini kurang relevan dalam era k-ekonomi. Ini telah menyebabkan mereka tidak dapat menikmati kenaikan gaji setiap tahun sungguhpun inflasi secara amnya berlaku setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana hendak membantu mereka yang tidak berkelayakan akademik dan tidak memiliki kemahiran tertentu supaya tidak ditenggelami arus pembangunan k-ekonomi merupakan satu cabaran yang tidak boleh diabaikan oleh pihak kerajaan. Meningkatkan nilai sandaran maksimum bukanlah penyelesaian kepada masalah ini dari segi jangka panjang. Lama-kelamaan barang-barang yang boleh dipajak tentu akan habis. Kerajaan patut merancang dan bertindak dari sekarang untuk membantu golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, program latihan kemahiran hanya ditumpukan kepada golongan remaja dan para graduan universiti yang tidak mempunyai pekerjaan. Bagaimana pula dengan latihan kemahiran kepada golongan berumur 40 tahun dan ke atas yang tidak berkelayakan akademik atau tidak mempunyai kemahiran spesifik. Mereka mungkin tidak menganggur pada masa sekarang. Ini tidak bererti mereka tidak akan menganggur beberapa tahun akan datang apabila kesan k-ekonomi semakin dirasai. Kalaupun mereka tidak kehilangan pekerjaan beberapa tahun akan datang, besar kemungkinan gaji mereka tidak akan bertambah sekiranya mereka tetap bekerja sebagai buruh kasar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kesukaran golongan berumur melebihi 40 tahun yang tidak berpendidikan tinggi untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dalam era k-ekonomi akan menjadi semakin kritikal kerana rakyat Malaysia secara amnya akan dapat dengan lebih lama. Sekiranya masalah tidak diberi perhatian yang serius mulai sekarang, tidak lama lagi kita mungkin akan berhadapan dengan satu fenomena di mana majoriti rakyat Malaysia yang berumur melebihi 40 tahun yang tidak berpendidikan tinggi terpaksa menganggur berikutan perubahan struktur ekonomi negara. Tanpa pekerjaan tetap dan pendapatan yang stabil, bagaimanakah golongan ini dapat menampung perbelanjaan hidup diri dan keluarga. Dalam soal ini kita juga perlu sentiasa ingat bahawa inflasi tetap berlaku dan kos rawatan perubatan juga semakin meningkat. Saya percaya mereka juga tidak mempunyai banyak barang yang boleh dipajak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya berharap pihak kerajaan dapat memandang serius masalah ini serta menyusun strategi yang sewajarnya untuk membantu golongan ini. Pada masa dahulu kita selalu menyebut KWSP adalah untuk simpanan masa tua. Akan tetapi pada hari ini ramai ahli KWSP terutamanya mereka yang berpendapatan rendah telah mula mengeluarkan simpanan hari tua mereka. Kalau pada masa sekarang mereka sudah menghadapi masalah kewangan, cuba bayangkan apa akan terjadi 5 tahun dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua perkara penting yang perlu dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Yang pertamanya ialah bagaimana hendak membantu rakyat Malaysia yang tidak berkelayakan akademik dan tidak mempunyai kemahiran spesifik melengkap diri untuk menghadapi cabaran k-ekonomi. Yang keduanya ialah bagaimana hendak membantu orang ramai membuat simpanan untuk masa tua masing-masing. Biarlah perkara ini diberikan perhatian mulai sekarang sebelum terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong cadangan untuk meningkatkan umur minimum pemajak daripada 16 tahun kepada 18 tahun. Menggadaikan barang-barang berharga sebagai satu sumber mendapatkan wang tidak sepatutnya digalakkan di kalangan pemuda-pemudi. Sekiranya masalah kewangan mereka berpunca daripada jumlah pendapatan yang sedikit, apa yang sepatutnya dilakukan ialah berusaha untuk mendapatkan kelayakan yang lebih tinggi atau menguasai kemahiran teknologi tertentu yang boleh membantu mereka mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang lebih banyak. Segala kemudahan pendidikan dan latihan kemahiran yang disediakan oleh kerajaan harus dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh pemuda-pemudi. Sekiranya masalah kesuntukan wang pemuda-pemudi adalah disebabkan oleh perbelanjaan yang tidak terkawal, maka mereka sepatutnya memperbaiki kelemahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Seksyen 11C dan subseksyen 3 juga Seksyen 10 yang mana tentang tempoh lesen daripada tiga tahun dipendekkan kepada dua tahun. Saya amat menyokong pindaan kerana ini akan memudahkan pengawasan dan penguatkuasaan. Jika kita tinjau dengan lesen yang lain, biasanya adalah dalam tempoh satu tahun mesti diperbaharui. Kalau untuk lesen premis makanan, enam bulan sekali kena diperbaharui. Ini adalah untuk mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang dan pengawasan untuk kepentingan orang ramai.

Di sini saya juga ingin bertanya kerana lesen ini adalah dikeluarkan di bawah akta ini yang mana pada masa sekarang kita tahu pihak berkuasa tempatan melalui Seksyen 102(s) mengadakan undang-undang kecil pelesenan *trade*, *business* dan industri yang mana banyak perniagaan, *trade* dan industri dilesenkan. Oleh kerana seksyen ini dipinda pada tahun 1983 yang mana cuma perniagaan *trade* dan industri yang akan memudaratkan kesihatan atau berbahaya kepada nyawa perlu dilesenkan. Saya ingin mendapat penjelasan. Mereka yang dapat lesen di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai ini, adakah mereka pun perlu memohon lesen premis daripada pihak berkuasa tempatan?

Jika perlu, adakah ini akan mendatangkan satu keadaan yang bertindih yang mana kita dapati bahawa undang-undang yang dikeluarkan di Dewan Rakyat adalah undang-undang *principle*, undang-undang yang patut dipatuhi oleh pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dan saya berharap mendapat penjelasan ini dan oleh kerana masa tidak cukup, saya pun terpaksa memendekkan ucapan dan saya pohon menyokong undang-undang ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

**12.55 tgh.**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah menggubal undang-undang menjadi lebih komprehensif daripada apa yang sedia ada untuk menangani masalah yang wujud sekarang dan memberi satu penekanan baru kepada penguatkuasaan undang-undang di bawah pajak gadai ini.

Kalau kita lihat banyak peruntukan baru terutama sekali berhubung dengan penyiasatan dan kesalahan-kesalahan yang baru dan juga daripada penyitaan, pemeriksaan kepada akaun buku dan sebagainya, pajak gadai telah dilengkapi begitu rupa membuatkan undang-undang ini lebih kuat daripada undang-undang yang sedia ada tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak mencukupi kepuasan saya berhubung dengan undang-undang ini. Kerana kita melihat bahawa undang-undang pajak gadai ataupun pemajakan gadai ini adalah satu sistem kewangan dan kita di Malaysia ini banyak sistem di mana pihak awam boleh mendapat sumber kewangan daripada satu-satu institusi ataupun individu-individu yang tertentu yang membuat perniagaan. Kita lihat di bawah *Banking Act* kita mempunyai *bank*, *finance company* dan *credit company* dan sebagainya.

Kita lihat lagi satu iaitu pinjaman wang kepada syarikat-syarikat atau *money lenders* yang bakal kita bawa juga ke Dewan ini untuk dipinda bagi mengemaskinikan undang-undang. Di sebaliknya itu, ada lagi perkara yang kecil iaitu untuk meminjam daripada pajak gadai ini. Ini yang terkecil sekali di kalangan sistem-sistem ini tetapi sistem

ini nampaknya semua wujud dengan sendiri dan tidak diatur berlandaskan satu sistem yang boleh dikatakan *parallel* sebagaimana yang diwujudkan di bawah BAFIA dan sebagainya. Jadi pada pandangan saya, sepatutnya kita mewujudkan satu sistem yang terkini dan kemas kini sebagaimana yang diwujudkan di bawah BAFIA juga. Umpamanya dalam perundangan ini menentukan akaun buku, pajak gadai dan semuanya disediakan dan sedia untuk diperiksa oleh Pendaftar ataupun pihak-pihak yang berkuasa lain tetapi tidak ada langsung sistem untuk menentukan sebagaimana yang ditanya oleh kawan-kawan tadi daripada Yang Berhormat bagi Gelang Patah soalan yang berkaitan dengan barang yang digadai.

Misalannya Tuan Yang di-Pertua, barang gadaian ini kebanyakannya barang-barang kemas dan barang-barang lain yang mahal seperti jam dan sebagainya. Pada pandangan kita, kalau dahulunya barang yang dipajak ini dengan harga mungkin RM1,000 bagi satu gelang emas tetapi RM1,000 gelang emas yang dibeli pada tahun 1960-an mungkin sekarang sudah bernilai RM30,000. Jam yang dahulu berharga RM500.00, sekarang mungkin sudah bernilai RM30,000 kalau jam Rolex, jam Omega dan sebagainya dan banyak jam yang mahal lagi yang boleh kita sebut. Saya berpendapat bahawa jam yang murah-murah macam yang berharga RM500.00 seperti Seiko, Timex dan sebagainya itu mungkin orang tidak terima sebagai benda yang mahu dipajak atau digadai.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kita tidak mempunyai satu sistem penilaian sebelum benda itu boleh dipajakan. Sepatutnya barang ini boleh dinilai dahulu dan nilai ini dimestikan masuk ke dalam satu borang-borang dan daftar-daftar yang tertentu dalam pajak gadai, supaya umpamanya satu jam Rolex, kalau dibeli pada setahun atau lima tahun, susut nilai harganya berapa ataupun nilai yang sekarang berapa dan pada masa digadaikan, berapa pemberian diberikan oleh pemajak gadai itu kepada penggadai. Dari segi itu kita mengetahui apa lebih nilai kalau berlaku kehilangan atau penjualan gadaian oleh pihak tauke pajak gadai ini.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita mempunyai senarai yang mencukupi dan ini boleh diatasi dengan Menteri membuatkan satu perundangan sendiri di bawah undang-undang ini diberi kuasa Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh sambung pada petang inilah.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

***Dewan ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita disambung semula. Dijemput Yang Berhormat bagi Batang Lupar menyambung ucapan. Silakan.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Ada 10,15 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada 10 minit lagi.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Baik. Terima kasih. Tadi apa yang saya sebut ialah untuk mengemaskinikan laporan. Apa yang saya maksudkan laporan di

sini ialah di bawah undang-undang ini telah menyebutkan bahawa pihak pajak gadai membuat tiap-tiap pemegang pajak gadai hendaklah mengemukakan kepada Pendaftar apa-apa buku akaun termasuk dokumen berkomputer yang mengandungi transaksi pemegang pajak gadai itu di premis utamanya di setiap premisnya yang lain dalam masa yang boleh ditentukan oleh Pendaftar.

Saya menyambut baik perenggan yang dicadangkan dalam undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang saya sebut tadi ialah merangkumi umpamanya nilai harta yang dipajak itu sendiri. Umpamanya sebagai misalan yang saya sebut tadi kalau sebetuk cincin mungkin bernilai RM10,000 tetapi hanya dipajak dengan harga RM600. Jadi ini perlu dimasukkan di dalam borang itu supaya kita mengetahui berapa pajakan dia, berapa nilai harta itu dan sebagainya supaya pihak Pendaftar dapat mengetahui semua perkara ini.

Kita mesti mempunyai satu dasar untuk penilaian harta dan penilaian harta ini berlandaskan kepada nilai-nilai semasa. Umpamanya kalau emas dalam pasaran antarabangsa ataupun pasaran Malaysia berapa nilai emas itu dengan harga yang tertentu dan harga ini mesti diguna pakai oleh pihak broker. Kalau tidak nescaya banyak orang kampung, orang-orang kita teraniaya oleh kerana peringkat penyelesaian ataupun semasa pengambilan balik barang-barang gadaian ini nanti.

Yang ketiga, di bawah ini juga iaitu soal laporan kepada Pendaftar ini ialah tahap maksimum penerima gadaian. Kadang-kadang sebagaimana yang saya dimaklumkan bahawa pihak pajak gadai ini dia menerima beberapa peratus sahaja umpamanya 50% dia menerima daripada nilai harga barang yang hendak digadaikan itu. Dan kadang-kadang orang kita di kampung, ini masalah lagi kerana kurang pengetahuan dan kurang pengalaman, orang kampung dan masyarakat umum tidak mengetahui bahawa apabila mereka menggadaikan barang, terlepas masa untuk *redeem* atau menebus gadaian mereka itu daripada pajak gadai, benda atau barang gadaian itu pupus macam itu sahaja walaupun berapa sahaja gadaian dia seperti misalan tadi RM10,000 harga cincin, digadai dengan RM500 maka ia hilang begitu sahajalah.

Jadi, walaupun peruntukan dibuat dalam undang-undang ini, macam mana pihak kementerian atau pihak Pendaftar ini membuat pemantauan supaya pemupusan dan mekanisme yang diwujudkan di bawah undang-undang ini tidak menjadi satu mekanisme yang terletak dalam buku sahaja. Sebab kita mahu beritahu kepada orang kampung ini, macam mana orang awam ini supaya mereka tahu hak-hak mereka dan mereka tidak tertipu oleh pajak gadai. Itu yang pertama.

Yang kedua, apabila sampai masanya tarikh gadaian lupus nanti dan pada suatu ketika pajak gadai itu boleh melelong atau menjualkan harta benda ini, apakah pemantauan yang dibuat yang boleh kementerian wujudkan dan *Registrar* ini boleh melaksanakan supaya tiap-tiap duit selepas dia boleh menarik balik kos dia, yang boleh dipotongkan di bawah undang-undang ini dan bakinya itu dibalikkan kepada pemajak. Yang di bawah ini diperuntukkan. Bahkan baru diperuntukkan juga bahawa selepas kalau tidak didatangi semula oleh pemajak ini, duit ini diberi, dibayar kepada *Accountant General* dan persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini, berapa banyakkah duit yang ada tersimpan di pejabat *Accountant General* yang dipulangkan oleh pihak pajak gadai ini kepada kerajaan yang belum dituntut oleh pemajak-pemajak yang tertentu dan apakah tindakan kementerian supaya duit ini boleh diterima oleh pihak pemajak yang mungkin tidak mengetahui hak-hak mereka di bawah undang-undang yang sedia ada. Kalau senarai ini boleh diwujudkan, berkemungkinan kita boleh mengembalikan ini kepada pihak penggadaai pada ketika selepas undang-undang ini dilaksanakan nanti dan kalau tidak, apakah tindakan kerajaan akhirnya terhadap duit ini? Berapa lama yang kerajaan boleh simpan di dalam ini sebelum dia menjadi wang yang tidak dituntut oleh pihak pemajak. Itu yang kedua.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pajak gadai ini ia menyimpan banyak harta benda orang dan walaupun peruntukan di bawah undang-undang ini menyatakan bahawa ia bertanggungjawab atas hal kecurian, hilang dan apa sahaja ataupun kebakaran harta benda yang disimpan di dalam kedai mereka semasa pajak ini beroperasi tetapi apakah mekanisme yang khusus diberikan oleh kementerian? Adakah

kementerian akan mewujudkan dalam peruntukan yang akan dibuat oleh Menteri nanti supaya tiap-tiap kedai pajak gadai ini mesti, pertama, mempunyai dana yang tertentu untuk dipinjam orang? Dana yang tertentu, jangan dia tak ada duit pun dia buat pajak gadai asal dapat lesen tetapi tidak ada penetapan daripada kementerian supaya mewujudkan satu dana. Itu yang pertama.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang kedua, fasal insurans. Diwajibkan mengadakan insurans. Kalau tidak diwajibkan insurans, dia boleh *declare bankrupt*, jadi semua hilang. Yang tuan punya harta benda pun hilang, semua pun hilang. Walaupun berpuluh mungkin beratus ribu. Ini benda akan hilang kalau tidak diwajibkan tiap-tiap pajak gadai ini mengadakan satu insurans yang tertentu, kalau tidak, tidak boleh bagi lesen....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Batang Lupar sama ada beliau mahu meminta penjelasan daripada pihak yang mengeluarkan lesen pajak gadai mengenai penyalahgunaan lesen pajak gadai di Terengganu, di mana lesen-lesen pajak gadai yang dikeluarkan secara Islam telah pun disalahgunakan dan diberikan kepada bukan Islam dan ini menyebabkan rakyat Terengganu merasa tertipu dan lesen-lesen itu telah dijual dengan harga yang tinggi kepada orang-orang yang bukan Islam. Adakah Yang Berhormat hendak minta penjelasan daripada kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya juga memintalah kementerian, kerana peruntukan dalam undang-undang ini ada menentukan bahawa penukaran hak milik daripada tiap-tiap pemegang lesen ini mestilah di bawah kawalan kerajaan. Macam mana kawalan menjadi satu usaha yang berkesan supaya kalau berlakunya penjualan, kalau berlakunya lelongan ataupun macam mana mekanisme supaya seseorang yang boleh mendapat lesen itu menjual dan mendapat pulangan yang tinggi boleh dipantau dan tidak boleh dibenarkan.

Jadi saya mencadangkan supaya kementerian memberi satu garis panduan yang tidak membolehkan, melainkan di bawah situasi yang mana kementerian cukup yakin bahawa penukaran hak milik ini ataupun tuan punya usaha pajak gadai ini adalah perkara-perkara yang tidak boleh dielakkan oleh pihak tertentu dan bukan diniagakan. Kita bimbang nanti Tuan Yang di-Pertua, saya tahu dengan *Registrar* minta lesen, dapat lesen besok saya cari kawan jual lesen. Lepas itu macamlah yang berlaku sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

Saya bimbang juga kerana ada saya dengar di Terengganu sama ada benar ataupun tidak bahawa di Terengganu tidak mahu melaksanakan pajak gadai secara Islam ini kerana pajak gadai cara konvensional ini lebih laku boleh dijual ramai tetapi sama ada benar atau tidak benar saya tidak tahu. Jadi, saya hendak tanya kepada Menteri sama ada benda ini benar ataupun tidak, apakah penjelasan daripada pihak kementerian....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tak, saya mendengar cerita. Saya baru baca semalam tetapi saya tidak tahu. Jadi, itulah sebabnya saya tanya. Yang Berhormat, kalau tak benar, saya tidak tanya ini. Kalau tidak, apa guna saya buang masa. Masa saya 10 minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa tinggal seminit sahaja lagi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya serius. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniahlah kerana undang-undang ini cukup baik. Jadi hanya soal pemantauan yang banyak saya bangkitkan di sini daripada satu-satu seksyen yang ditunjukkan, bahkan undang-undang memikirkan *evidential rule* pun ada diubah sedikit



saya nampak di sini dalam undang-undang ini yang mana ini mengukuhkan lagi kedudukan kerajaan.

Jadi, soal pengembalian duit tadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak panjangkan sedikit. Daripada pajak gadai yang ada sekarang dalam pengetahuan kementerian, pernah kah berlaku perkara ini, yang mana apabila pupus masa hendak *redeem* atau tebus balik barang atau benda daripada pajakan ini dan lepas itu barang-barang itu dilelong, adakah pernah berlaku yang tauke kedai pajak ini mengembalikan wang yang lebih daripada kos mereka yang boleh dituntut oleh mereka kepada pemajak di negara ini.

Selepas ini nanti adakah kementerian akan menyelidik semula tauke-tauke pajak ini yang mempunyai rekod-rekod jenayah, rekod penipuan dan sebagainya ataupun terlibat dengan pihak-pihak yang menjadi *fences* kepada pencuri-pencuri ini. Kadang-kadang pihak pajak gadai ini *the last resort* untuk pihak pencuri *to dispose property* dia. Barang ini barang curian, dia gadai dengan harga mungkin 20% daripada harga nilai. Dia tahu itu maka dia simpan di pajak gadai. Pajak Gadai akan jual *to legitimize the activity* pencuri jadi *den fences* kepada pencuri-pencuri ini dan apakah mekanisme ini yang disebut oleh Yang Berhormat awal tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bagan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Menjadi *fences* kepada pencuri-pencuri ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi apakah mekanisme supaya perkara ini tidak berlaku dan pajak gadai ini tidak menjadi satu tempat untuk *money laundering* benda curian di negara ini. Jadi, kita sudah mengemaskinikan undang-undang dan undang-undang ini dapat kesan dan masyarakat umum dapat diselamatkan oleh undang-undang ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua kalau Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk, saya ucapkan jutaan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya tadi. Terima kasih.

**Tuan Saupi bin Daud:** Dah habis dah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Ini, Tanah Merah.

**2.45 ptg.**

**Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam membahas dan membincangkan pindaan Akta Pemegang Pajak Gadai ini, saya juga ingin menyentuh teguran yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, yang mana dari segi pembentangan kertas ini, Akta ini sepatutnya mungkin diberi masa yang lebih panjang sedikit kepada semua Ahli Parlimen untuk meneliti dan membuat kajian secara yang terperinci.

Saya juga difahamkan bahawa taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional telah dibuat sebelum ini iaitu pada 4 November. Jadi, adalah tidak adil pihak Ahli Parlimen daripada kerajaan telah diberi taklimat, manakala kita hanya diberi masa pada hari ini untuk membahaskan pindaan ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri mengenai dengan pindaan Akta ini, yang mana dinyatakan untuk melindungi golongan-golongan miskin daripada berlakunya penindasan, penipuan dan sebagainya.

Sebenarnya, kalau kita lihat kepada keseluruhan perjalanan pajak gadai ini, bukan khasnya kepada orang miskin kerana keadaan sebenar berlaku penggadaian ini akibat daripada manusia ataupun masyarakat memerlukan, terdesak dengan wang yang begitu segera. Jadi, proses penggadaian ini telah lama berlaku di Malaysia sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri.

Sebab itu kalaulah kita hendak tumpukan kepada orang miskin, tidak berlakunya kalau kita lihat bahawa penggadaian atau gadai jam *Rolex*. Jam *Rolex* ini tidak dipunyai oleh orang-orang miskin, orang-orang kampung tidak ada jam *Rolex*. Jadi, ini menunjukkan bahawa orang-orang bandar, orang-orang kaya juga terlibat sama di dalam mendapatkan wang secara segera melalui gadaian ini.

Sebab itu kalau kita lihat umpamanya di saat-saat akhir tahun pembukaan sekolah umpamanya, menghadapi Hari Raya, menghadapi Tahun Baru Cina, menghadapi Krismas dan menyambut Ramadan umpamanya bagi orang-orang Melayu, bagi orang-orang Islam, mereka ini memerlukan wang yang begitu banyak dan mereka terpaksa mencari jalan yang ringkas, cari jalan yang cepat untuk memperoleh kewangan tanpa memakan masa yang lama.

Untuk mengelakkan mereka pergi kepada *Along*, kita patutlah memperkemaskan lagi sistem yang ada di dalam sistem pajak gadai di negara kita ini kerana kita lihat Tuan Yang di-Pertua, proses yang dilalui oleh pajak gadai ini, seseorang itu hanya pergi menyerahkan barangnya, barang-barang kemas yang dimiliki oleh mereka atau keluarga mereka kepada pemajak. Kemudian pemajak menentukan nilai dan memberi tawaran, berapakah jumlah yang akan dipegang oleh pihak pemajak. Kemudian, hanya diserahkan kad pengenalan sahaja. Dalam proses lebih kurang 10 minit, mereka sudah memperoleh wang.

Jika kita bandingkan dengan bank dan juga mungkin pinjaman-pinjaman lain, memakan masa yang panjang. Bank terpaksa isi biodata ahli, tunjukkan punca kewangan dan sebagainya. Saya ingin mendapat penjelasan juga daripada pihak kementerian, adakah proses ini, yang terlalu cepat ini menggalakkan masyarakat kita pergi bergadai dan adakah pihak kerajaan, untuk memperkemaskan lagi supaya tidak berlaku penyelewengan dan sebagainya, kerajaan memerlukan supaya setiap orang yang pergi menggadaikan barang-barang mereka ini perlu mengisi borang-borang tertentu, membuktikan bahawa mereka juga mempunyai hak di atas barang-barang mereka, selain daripada yang kita tahu hari ini, kebanyakan masyarakat kita yang mereka pegang ialah surat pajak gadai, yang menentukan barang-barang dan juga jumlah wang yang digadai tetapi butir-butir lain tidak ada.

Sebab itu saya minta kalau boleh pihak kementerian menyatakan syarat-syarat yang dikemukakan oleh kerajaan disertakan dan diisi oleh orang-orang yang menggadai atau pergi meletakkan barang-barang mereka sebagai bahan gadaian ini yang menjadi satu surat hak milik kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat juga kerajaan pada hari ini telah melaksanakan sistem penggadaian, sistem gadai secara Islam ataupun *Ar-Rahnu* dan telah pun dilaksanakan terutama sekali di negeri Kelantan, di negeri Terengganu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, adakah sistem ini telah diperluaskan ke negeri-negeri lain yang majoritinya bukan orang-orang Islam dan apakah ia menggunakan sistem kuota, sama ada kepada arahan dan juga kepada pajak gadai secara konvensional ini. Umpamanya, kalaulah negeri Kelantan, berapa kuota yang diberi? Negeri ini berapa kuota yang diberi? Atau pun, merujuk juga kepada lesen-lesen yang akan diberi.

Sebabnya, saya juga mendapat teguran kerana ada setengah-setengah pihak yang cuba mendapatkan ataupun mendapatkan lesen bukan di kawasan bandar ataupun di kawasan-kawasan bandar besar tetapi mereka ingin membuka kedai-kedai pajak ini di kawasan-kawasan yang agak luar bandar sedikit tetapi tidak mendapat kelulusan daripada pihak kementerian.

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan juga daripada pihak kementerian, adakah apabila kerajaan mengeluarkan lesen sebagaimana yang kita lihat di sini, di bawah

Fasal 9, iaitu permohonan bagi mendapatkan lesen oleh pemegang pajak gadai, adakah apabila seseorang itu ataupun sesebuah syarikat itu mendapat lesen, umpamanya dia mendapat kebenaran untuk membuka pajak gadai, katakan di Shah Alam, adakah dia boleh membuka cawangan-cawangannya, umpamanya di kawasan lain, di Klang, di Putrajaya misalnya, kebenaran diberi oleh kementerian ataupun terhad bagi satu lesen itu khas untuk kepada tempat-tempat tertentu tanpa memberi kebenaran kepada pemegang atau pelesen ini membuka cawangan-cawangannya di tempat-tempat yang lain.

Seterusnya saya ingin menyentuh soal yang saya ingin membuat teguran kepada pihak kementerian iaitu berhubung dengan Fasal 20 iaitu peningkatan umur kepada pemajak gadai ini daripada umur 16 tahun yang dicadangkan kepada 18 tahun. Di sini dinyatakan bahawa salah satu daripadanya untuk mengelak daripada menerima barang-barang daripada mereka yang tidak sempurna akal, termasuklah tadi yang dinyatakan, ada yang mabuk dan sebagainya.

Saya ingin mengatakan bahawa pada hari ini, berlakunya kecurian, rompakan dan juga peras ugut di kalangan belia-belia kita kebanyakannya kalau kita lihat di dalam akhbar-akhbar melibatkan belia-belia di bawah umur, belia-belia belasan tahun. Mungkin di dalam lingkungan usia 16 hingga 18 tahun iaitu di bawah usia 20 tahun. Bagi saya, mereka ini boleh melakukan pencurian, boleh melakukan rompakan dan juga sanggup melakukan peras ugut kerana mereka mempunyai tempat.

Apabila mereka mendapatkan sesuatu barang kemas melalui kerja mencuri atau peras ugut, mereka boleh menukar barang kemas tersebut ke dalam bentuk wang. Iaitu apabila mereka pergi ke kedai pajak gadai, hanya meletakkan kad pengenalan dan memberi penilaian kepada barang-barang yang mereka perolehi secara haram tadi dan mereka mendapat wang. Soal luput tarikh itu tidak penting bagi mereka kerana mereka memperolehi wang pada waktu itu hanyalah dari hasil kerja mencuri, hasil daripada peras ugut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam hal ini, kadar umur ini, mengapa kita meletakkan, kita naikkan daripada umur 16 tahun kepada umur 18 tahun, sedangkan tempoh tersebut kalau dalam keadaan biasa, belia-belia yang berumur 18 tahun ini baru sahaja menamatkan pengajian di peringkat SPM. Lepas SPM, umur 17, bermakna kalau 18 tahun menduduki Tingkatan 6 Rendah ataupun menduduki matrikulasi. Dalam proses ini, dalam tempoh ini, mereka tidak bertanggungjawab, mereka tidak menjadi ketua keluarga, mereka tidak dipertanggungjawabkan dengan bebanan untuk menanggung dan menyara hidup keluarga.

Kebanyakan daripada tempoh tersebut, umur ini masih lagi di dalam tanggungan. Kalau sekarang ini, saya rasa masyarakat Malaysia ini walaupun dahulu kita tahu ramai daripada wanita, daripada anak-anak gadis kita berkahwin awal tetapi pada akhir-akhir ini ramai daripada kalangan gadis, daripada remaja kita yang tempoh ataupun umur mereka berkahwin lebih daripada 20 tahun. Secara ringkasnya kalau kita lihat, mereka terpaksa menghabiskan pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi, IPTA, IPTS pun dalam umur 22 tahun, barulah mereka mencari kerja. Sebab itu saya rasalah, pihak kerajaan, pihak Yang Berhormat Menteri perlu menilai semula dari segi umur ini kerana kita tidak mahu mereka yang tidak bertanggungjawab, mereka yang tidak mempunyai beban tugas, mereka yang tidak dipertanggungjawabkan dalam keluarga boleh mengambil kesempatan menggunakan proses ini untuk mendapatkan wang melalui pajak gadai.

Saya rasa dari segi umur ini kalau kita lihat sekali pun kerajaan umpamanya, apabila hendak meletakkan tempoh atau umur bagi pengundi, mereka yang layak mengundi dalam pilihan raya pun di bawah umur 21 tahun, kerana di bawah umur 21 tahun pada tahap ini mereka telah mempunyai akal, mempunyai pemikiran yang cekap, pemikiran yang matang dan sebagainya. Begitu juga dalam soal ini, walaupun kita lihat suatu perkara yang remeh tetapi bagi saya untuk mengelakkan masalah belia pada hari ini, apa yang berlaku di kalangan belia pada hari ini, berlaku kegiatan *Along*, juga berlaku kegiatan penyalahgunaan kepada pajak gadai ini, saya minta kalau boleh dari segi umur ini dipertingkatkan lagi dan kita beri kepada mereka yang betul-betul bertanggungjawab terhadap keluarga ataupun mereka yang telah berkeluarga.

Kalau peringkat umur 18 saya rasa masih tidak sesuai kerana mereka masih lagi di peringkat belia yang tidak mempunyai tanggungjawab terhadap rumah tangga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini juga kalau kita lihat berlakunya banyak surat gadai yang diiklankan, ataupun pembeli-pembeli surat gadai yang begitu banyak mengiklankan tawaran kerana kita tahu bahawa ramai daripada orang-orang yang melakukan penggadaian ini mereka tidak ditanya soal keupayaan mereka untuk menebus balik barang-barang yang mereka gadai itu. Cuma yang penting bagi pemajak yang memegang gadaian ini, nilai bagi sesuatu benda itu. Sebab itulah dari segi nilainya mereka hanya mengambil barang-barang kemas yang berbentuk emas tetapi intan belian tidak dipegang.

Kalau jam, kita tahu yang popularnya ialah jam jenama *Rolex* tetapi jam-jam yang tidak berjenama dan tidak berharga tidak dipegang oleh pihak pemajak gadai ini. Kalau jam *Rolex* sekalipun, dikehendaki ditunjukkan dengan surat-surat pembelian, menunjukkan bahawa *Rolex* itu adalah jam yang *original* kerana *Rolex* yang ada di kawasan Chow Kit Road atau Petaling Street itu boleh dibeli dengan harga RM50. Kalau bagi yang itu, pajak gadai pun mati terus bila pegang yang itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini saya minta kerana tidak ada tempoh apabila seseorang itu tidak ada jaminan, bahawa seseorang itu apabila dia menggadaikan barang-barangnya, dia tidak diminta keupayaan untuk menebus balik barang-barangnya maka sebab itulah berlakunya tarikh luput kepada barang-barang tersebut dan menyebabkan pelepasan berlaku. Dalam proses ini, walaupun kita lihat cadangan-cadangan memperkemas proses lelongan ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, adakah kita menetapkan bahawa sebelum sesuatu barang kemas itu tamat tempohnya, kita diberi notis. Pihak pajak gadai menghantarkan notis-notis kepada pemajak gadai tadi, supaya menyatakan bahawa barang-barang kemas yang telah dipajak ataupun digadaikan ini telah cukup tempoh dan hendaklah ditebus kembali dalam tempoh beberapa lama yang diberi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Saupi bin Daud:** Jadi, saya rasa perkara-perkara ini adalah perlu untuk menangani masalah daripada berlakunya pelepasan-pelepasan dan kita tahu bahawa bila berlakunya pelepasan-pelepasan ini sudah tentu mereka pemegang ataupun pemajak gadai itu akan menghadapi risiko yang lebih tinggi, ataupun menghadapi kerugian yang lebih besar daripada apa yang sepatutnya mereka dapati.

Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Jeli.

**3.00 ptg.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian.

Bagi turut sama membincangkan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Pindaan) yang mana diberi agak tergesa-gesa kepada Ahli Dewan untuk berbincang dan berbahas. Saya merasakan bahawa akta ini yang lebih serasi dan sesuai adalah di bawah Kementerian Kewangan seperti mana Akta Pemberi Pinjam Wang kerana kalau berada di bawah kementerian tersebut maka segala transaksinya dapat dikawal dengan baik kerana memang Kementerian Kewangan berurusan dengan wang itu sendiri tetapi bila berada di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kita nampak fokusnya kepada premis tempat di mana perniagaan itu dijalankan.

Sebab itulah kita lihat kurang berkesannya kepada tangkapan-tangkapan dan juga kerenah-kerenah jenayah dapat diatasi terhadap mereka yang terlibat dengan kegiatan *Along* ini kerana kementerian ini tidak mempunyai tenaga yang cukup untuk membuat *raid* dengan izin, dan juga membuat tangkapan-tangkapan. Sebab itu saya sekali lagi bersama-sama semasa saya bercakap tentang Akta Pemberi Pinjam Wang dahulu merayu kepada

pihak kerajaan memikirkan semasak-masaknya supaya kedua-dua akta ini dimasukkan di bawah Kementerian Kewangan.

Selanjutnya, saya ingin membicarakan tentang kuasa kepada Pendaftar pemegang pajak gadai untuk memberi ataupun enggan memberi lesen kepada mana-mana pemegang pajak gadai. Kalau tidak silap saya dahulunya lesen-lesen ini juga dapat dikeluarkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Jadi, bilamana ia dikeluarkan oleh kerajaan-kerajaan negeri maka kita dapati, umpamanya Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu yang ingin mengeluarkan lesen-lesen kepada sistem pajak gadai Islam dapat berbuat demikian. Pengalaman yang dilalui oleh negeri Kelantan di mana sistem pajak gadai Islam menghadapi masalah untuk beberapa tahun tertentu bilamana kuasa untuk memberi lesen ini dipindahkan daripada kerajaan negeri kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyebabkan terhenti operasi, walhal syarikat ini telah pun mempunyai pejabat-pejabat mereka yang indah dan cantik. Tambahan pula syarikat ini sedang mempromosikan produk-produk pajak gadai Islam.

Jadi, saya fikir bila berlaku suasana seperti ini, sepatutnya pihak kerajaan dan pihak kementerian memikirkan semasak-masaknya faktor-faktor dan alasan sekiranya tidak ingin meneruskan pemberian lesen kepada mereka yang terlibat dengan sistem pajak gadai khususnya sistem pajak gadai Islam kerana kita kena maklum bahawa yang ramai terlibat dengan pajak gadai ini saya fikir kalau mengikut kajian yang dibuat, 90% adalah orang-orang Melayu dan orang-orang Islam. Bilamana yang terlibat adalah 90% orang-orang Melayu atau orang-orang Islam, sudah tentulah tuntutan kepada pajak gadai Islam melebihi daripada sistem pajak gadai konvensional.

Sebab itu saya minta kepada pihak kerajaan supaya memikirkan umpamanya membenarkan, selain daripada membenarkan dan memberi keizinan kepada sistem pajak gadai konvensional, pada masa yang sama membenarkan beberapa lesen yang tertentu kepada sistem pajak gadai Islam supaya bagi orang Islam mereka telah terang dan jelas terdapat dalam al-Quran yang maksudnya lebih kurang, kamu diharamkan mengambil riba tetapi dihalalkan berjual-beli. Sebab itu bagi kita orang Islam kita sedaya upaya dari segi setakat kemampuan maksimum kita, kita hendak mengelak daripada perkara-perkara yang riba.

Tambahan pula kita lihat umpamanya kadar faedah yang dikenakan kepada pajak gadai sekarang ini pada purata 2% sebulan. Kalau dalam masa setahun, 24%. Ini satu kadar yang cukup tinggi berbanding dengan mereka yang umum dan lazimnya yang menggunakan pajak gadai ini adalah orang-orang yang berpendapatan rendah. Sebab itulah saya mohon kepada kerajaan supaya selain daripada mengeluarkan lesen-lesen untuk pajak gadai konvensional, pada masa yang sama untuk negeri-negeri tersebut dibukakan secara meluas juga sistem pajak gadai Islam....

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang kita perlu lihat ialah tentang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Wangsa Maju.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat. Persoalan di Terengganu ini, bolehkah Yang Berhormat beritahu kita, kenapakah Kerajaan PAS di Terengganu tidak memberi lesen pajak gadai kepada Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan memberi kepada syarikat-syarikat Cina konvensional untuk membuka kedai pajak gadai. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Seperti mana yang saya sebut sebentar tadi, apa yang saya difahamkan dahulu memang kerajaan-kerajaan negeri dibenarkan atau diberi hak untuk mengeluarkan lesen-lesen bagai pajak gadai, tetapi sekarang ini dalam beberapa tahun kebelakangan ini ia telah diambil alih oleh pihak kementerian sebab itu diadakan pindaan ini, diambil alih oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan, sebab itu Kelantan pernah mengalami satu keadaan dalam beberapa tahun yang lepas, sistem pajak gadai Islam terpaksa terhenti operasi, sebab itu dipindahkan kepada sistem koperasi. Bila pindah ke sistem koperasi maka selamatlah sedikit.

Sebab itu sekarang ini untuk MAIDAM itu saya fikir mungkin pada waktu itu sudah berlaku satu transisi, berlaku pemindahan kuasa daripada kerajaan negeri kepada kementerian. Jadi, kalau sudah berlaku kepada kementerian, kerajaan negeri tidak ada hak untuk menghalang kementerian untuk memberi lesen pajak gadai Islam kepada orang bukan Islam. Itu kita memang menggalakkan. Saya fikir itu patut digalakkan tetapi untuk menyatakan bahawa tidak diberikan kepada MAIDAM dan sekiranya lesen itu diberikan oleh kerajaan negeri, saya fikir ini satu silap faham yang besar di pihak kawan-kawan saya daripada Barisan Nasional kerana saya telah mendapat maklumat bahawa sekarang ini lesen bukan dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Bagaimana MAIDAM Terengganu di bawah Kerajaan Barisan Nasional, maksimum dia kutip RM12 juta setahun tetapi bila PAS ambil alih, kita kutip sekarang purata RM38 juta dan untuk tahun ini setakat September, kita sudah kutip RM40 juta semenjak Kerajaan PAS mengambil alih negeri Terengganu.

Jadi, kenapa kita tidak beri peluang kepada MAIDAM, sedangkan kita hendak suruh MAIDAM memperlebar produk-produk Islam. Sebab itu saya fikir ini satu kenyataan yang mungkin silap. Oleh itu saya minta kementerian memberitahu secara jelas dalam Dewan ini, siapa sekarang ini yang ada hak untuk mengeluarkan lesen-lesen pajak gadai.

Di samping itu, kita lihat umpamanya yang lazimnya menggunakan khidmat pajak gadai ini, lazimnya kita tengok di mana-mana adalah orang-orang miskin. Bila orang miskin, tiba-tiba dalam Fasal 27 bertujuan untuk meminda Seksyen 23, Akta 81 untuk menaikkan daripada RM100 kepada RM200....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....nilai sandaran yang boleh menjadi harta pajak gadai sekiranya pemajak gadai gagal menebus sandaran itu dalam masa yang ditetapkan. Saya fikir tidak sesuai begini, daripada RM100 dinaikkan RM200 kerana sepatutnya tidak perlu ada. Jual sahaja secara terbuka daripada digadai. Kalau dahulu RM100, okey kerana yang terlibat adalah orang-orang miskin. Bila orang miskin, kalau dahulu nilai di bawah daripada RM100 maka....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....sipemegang lesen boleh lelong. Sekarang ini dinaikkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri jalan?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sekejap. Dinaikkan kepada RM200. Bila dinaikkan kepada RM200 maknanya lagi aniayalah orang-orang miskin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....lagi aniaya orang-orang miskin!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sepatutnya saya fikir yang ini kita kekalkan. Kalau boleh jangan kekalkan, kita tidak payah adakanlah. Kita jual secara terbuka. Kalau ada beberapa lebihan, maka dipulangkan kalau dia sudah bayar *certain* harga, sudah bayar harga-harga tertentu tetapi kalau kita buat macam ini seolah-olah orang yang menggunakan khidmat pajak gadai ini lagi teraniaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sebab itulah saya mohon kepada kerajaan supaya memikirkkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....semasak-masaknya. Nanti sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Eh! cakap jangan lebihlah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila duduk.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Nanti sekejap.... [*Ketawa*]. Sekarang saya pohon kepada pihak kerajaan supaya ditimbang balik cadangan dan juga harapan rakyat yang miskin agar dikekalkan ataupun paling tidak dimansuhkan terus, bukan setakat dinaikkan tetapi dimansuhkan terus supaya mereka yang meminjamnya tidak akan terus terbela.

Di samping itu, kita lihat umpamanya dalam Fasal 20 itu sendiri walaupun telah disentuh sedikit oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah, umur untuk mereka yang akan memajak telah dinaikkan daripada 16 tahun kepada 18 tahun kerana ini adalah untuk menyekat pemegang lesen daripada menerima barang-barang daripada mereka yang disyaki di bawah umur.

Saya fikir umur 16 tahun kepada 18 tahun ini adalah dalam kategori yang sama. Kalau kerajaan boleh menetapkan umur mengundi 21, maka saya fikir umur yang layak juga sepatutnya 21 tahunlah kerana umur 18 tahun ini seperti mana kata teman saya tadi ianya kurang munasabah bagi mereka umur 18 tahun sudah mempunyai *possession* maknanya barang-barang yang kita sebut tadi tidak munasabah. Jadi, kalau dia jual pun ini bukan barang dialah umumnya, sama ada barang emak dia atau ayah diakah ataupun barang-barang yang diperoleh secara tidak baik, tidak jujur.

Sebab itu kalau umur mengundi yang seluruh negara lain sudah diturunkan daripada umur 21 kepada 18 tahun, bahkan ada setengah negara sudah diturunkan kepada 16 tahun tetapi kita masih kekal umur 21 tahun, kenapa yang ini kita tidak naikan kepada umur 21 tahun? Biar selaras semua. Kerana bagi kita Malaysia ini, kita mengiktiraf rakyat yang matang umur 21 tahun, maka hal yang sama juga kita mesti menggunakan angka 21 supaya tidak timbul berlaku kes sipemegang lesen pajak gadai itu mengambil barang-barang yang tidak haknya yang sebenar.

Di samping itu juga, dalam fasal ini disebut tentang menerima daripada mana-mana orang yang tampaknya tidak sempurna akal. Ini satu perkara yang susah kita hendak *judge*. Macam mana dia hendak *judge*, adakah sipemegang lesen itu dia tanya: "*Kamu ini sudah ada lesen gila kah?*" Misal kata. "*Kalau ada lesen gila, tidak boleh jual*". Jadi, ini satu benda yang sukar untuk dibuat penelitian. Bermaknanya orang ini kurang sempurna atau sempurna. Sebab itu saya rasa lebih baik butiran atau *particulars* itu lebih dibesarkan. Kalau boleh kita cari penjaminkah. Kalau di tempat lain ada penjamin. Sepatutnya sistem pajak gadai ini juga hendaklah ada penjamin juga supaya tidak berlaku keadaan di mana barang ini digadai secara tidak sempurna atau istilah lain tidak telus maksudnya.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya fikir saya tidak ada masa dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sebab itu saya mohon supaya pada masa-masa hadapan, pihak kerajaan oleh kerana kuasa itu sudah dipindah daripada negeri kepada kementerian untuk memikirkan supaya diadakan penjamin satu atau dua orang supaya sekiranya sipenggadai tidak mampu maka ditanya kepada penjamin, apakah kamu mampu untuk menebus barang ini. Kalau berlaku sebegitu rupa, mungkin penjamin yang sudah kenal rapat dengan penggadai, yang dia tahu sipenggadai itu memang orang yang miskin, maka dengan sendiri bilamana dijual barang-barang ini atau ditebus balik barang-barang ini, maka jumlah yang sepatutnya dibayar baki kepada sipenggadai itu dapat ditunaikan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Tambun ya.

### 3.14 ptg.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil masa ringkas sahaja untuk menyentuh beberapa perkara mengenai dengan pindaan ke atas rang undang-undang ini.

Terlebih dahulu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang apakah rancangan beliau dalam membuat pindaan tersebut kerana kita perlu nyatakan secara jujur dan ikhlas dari segi maklumat tentang industri pajak gadai tidak begitu banyak kita ada. Jadi, apakah yang ingin dicapai oleh Yang Berhormat Menteri.

Mengikut laporan daripada banyak badan antarabangsa termasuk Bank Dunia bahawa industri pajak gadai ini merupakan industri yang cukup penting. Jika tidak ada industri ini orang yang sesak duit tidak ada tempat untuk pergi, dengan itu akan berlaku masalah-masalah jenayah, itu mengikut kata Bank Dunia. Jadi saya pun bersetuju bahawa industri ini merupakan satu industri yang penting.

Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan di sini. Pertama, kita tahu dari segi imej pajak gadai ini. Pajak gadai membawa imej yang ia menjalankan perniagaan secara mengeksploitasi oleh kerana *business* ini memberi pinjaman kepada orang yang sesak duit. Orang bawa barang dan kemudian, pajak gadai ini akan memberi nilai yang begitu rendah kepada barang yang dibawa dan mengikut laporan menyatakan bahawa pajak gadai ini satu *business* yang cukup baik kerana dalam keadaan kitaran ekonomi jatuh atau naik, ia tetap untung. Kalau kitaran ekonomi jatuh, orang sesak duit dia akan pergi ke pajak gadai. *Cash flow* pajak gadai ini sentiasa elok, pulangnya 100% tidak ada *non performance loans* dan apabila barang yang dia ambil daripada orang yang memajak atau menggadai barang, dan mereka tidak dapat tebus balik, barang ini akan dijual pada harga yang tinggi. Jadi akhirnya ia satu *business* yang cukup untung dan orang yang memajak barang itu yang terima tekanan.

Jadi, apakah usaha yang akan dilakukan oleh pihak kementerian untuk tukar imej ini supaya pajak gadai ini lebih adil dan saksama dari segi transaksi dan peranannya dalam dunia ekonomi dan orang yang memajakkan barang itu dapat kedudukan yang adil?

Tuan Yang di-Pertua, kedua, dari segi pajak gadai, kita tahu ia ada dua *business* nya. Pertama, *business*nya ambil barang gadai. Satu perkhidmatan yang memberi dia beberapa caj dari segi faedahnya - dicaj kepada pemajak, lagi satu dari segi apabila barang yang digadai tidak diambil balik, kemudian dia akan jual barang tersebut.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, kita dapati di sesetengah negara dalam maklumat yang kita perolehi, pihak industri pajak gadai telah mewujudkan sistem yang lebih baik dari segi *transaction* yang kedua tadi. *Transaction* yang pertama tadi dia ambil barang, *transaction* kedua, sudah jadi satu *retail entity* yang cukup baik, maknanya bila barang ini tidak diambil oleh orang itu, kemudian barang ini tertinggal dekat syarikat pajak gadai tersebut dan orang ini pula dia hendak jual, dia mewujudkan satu sistem *retail* yang begitu baik untuk industri. Jadi apakah pula usaha yang hendak dijalankan oleh pihak kerajaan supaya barang pajak gadai ini dijual dengan cara yang begitu baik.



Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan industri itu sendiri. Kita tahu ia melibatkan banyak bidang yang lain. Orang yang buat *evaluation* dan sebagainya dan apakah usaha kerajaan supaya industri tersebut dapat dibangunkan dengan cukup baik supaya ia dapat memberi manfaat kepada orang ramai. Jadi, bermakna *ancillary service* dalam industri ini juga perlu diperkukuh dan tidak dibiarkan begitu.

Tuan Yang di-Pertua, keempat, kadangkala kedai pajak gadai ini dikaitkan dengan kegiatan yang tidak elok. Orang kata ia *fronting* untuk barang-barang yang dicuri. Kadangkala orang curi barang, dia tidak dapat hendak bawa jual ke mana-mana, dia pergi ke pajak gadi. Jadi, imej ini membuatkan industri pajak gadai nampak tidak elok. Jadi, macam mana kerajaan akan buat supaya imej pajak gadai yang terlibat ini, bukan sahaja beli barang yang dicuri, kedai itu sendiri, dia ada *business* lain tetapi jadi *front*. Jadi orang tidak tahu aktiviti-aktiviti *illegal* yang dilakukan oleh pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi tentang pajak gadai Islam. Saya tidak tahu sama ada di bawah kementerian ini ataupun di bawah kementerian lain dari segi *chargingnya*, ia tidak selaras, sekarang pajak gadai ada tiga lebih kurang, satu yang dibuat oleh Kerajaan Pusat dan di negeri ada, di Kelantan ada, di Terengganu ada. Antara Kelantan dengan Terengganu, cajnya tidak sama. Di Terengganu ia tidak letak banyak caj, manakala di Kelantan ia lebih berbentuk komersial, pada hal itu sama-sama sistem pajak gadai Islam.

Jadi, apa yang ingin saya bangkitkan di sini, dari segi pajak gadai ini mesti sama dia punya *charging*. Yang Islam dengan Islamlah, sama-sama sistem itu kemudian dari segi yang konvensional ini juga mesti sama. Dan macam mana pihak kerajaan hendak pastikan, kerajaan yang tetapkan *charging* yang dikenakan oleh kedai-kedai pajak gadai tersebut adalah sama. Tidak berlaku di mana orang ini ambil lebih dieksploitasi di tempat-tempat yang tertentu terutama apabila berhadapan dengan orang yang cukup sesak tadi. Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Bukit Bintang.

### 3.22 ptg.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 yang berkenaan 48 fasal pindaan.

Pertamanya, saya ingin mencadangkan rang undang-undang ini ditarik balik kerana ia dibentangkan dalam keadaan tergesa-gesa tanpa mengambil kira pandangan dan pendapat banyak pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam *business* ini.

Cadangan-cadangan pindaan yang dibentangkan ini menunjukkan ketidakadilan antara kedua pihak. Selepas kelulusan oleh Dewan yang mulia ini dan dikuatkuasakan seperti yang dicadangkan dalam tarikh mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2004, ini tidak memberi kesempatan kepada banyak pihak untuk membantah cadangan balas dan bantahan mereka atas beberapa fasal yang tidak adil kepada mereka. Janganlah kita tergesa-gesa meminda rang undang-undang yang ternyata tidak memberi keadilan kepada semua pihak kerana perbuatan ini dianggap suatu penganiayaan ke atas satu pihak tanpa memberi peluang untuk membela diri. Jika diluluskan, nampaknya Dewan berjaya digunakan untuk kepentingan golongan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh jawapan dalam rang undang-undang ini, saya ingin menegaskan bahawa pajak gadai sudah lama bertapak di negara ini dan menjadikan satu institusi pinjaman sandaran yang cukup terkenal dan tempat rujukan rakyat miskin lagi bermasalah untuk mendapatkan bantuan kewangan alternatif jika saluran lain tidak berjaya.

Oleh kerana itu, premis atau kedai pajak gadai menjadi tarikan golongan miskin yang memerlukan bantuan. Sumbangannya kepada masyarakat kelas bawahan bukan kecil

tetapi menjadi nadi pergerakan individu bermasalah dan kalangan yang bermasalah mendapatkan bantuan semasa kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum wujud sistem pinjaman peribadi, bank, kad kredit, mikro kredit, biasiswa dan pinjaman pendidikan dan sebagainya, kedai pajak gadai menjadi tumpuan masyarakat untuk meminjam wang. Sama ada wang yang dipinjamkan dari sandaran biasanya barang kemas terutama emas dinilai sebetulnya menurut harga pasaran dan sama ada pengguna yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat bebas dari tindakan penindasan pekedai pajak emas, ia menjana ekonomi golongan kecil, menyelamatkan rakyat miskin dari terjebak dalam kemiskinan mutlak.

Contoh yang jelas dalam rang undang-undang ini ialah bersabit dengan Fasal 41 iaitu Seksyen 41 dipinda dengan menggantikan subseksyen (c) dengan subseksyen baru yang berbunyi, "*Seseorang yang memberi atau cuba memberi mana-mana surat pajak gadai adalah melakukan suatu kesalahan yang tidak boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan sebelum tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya.*"

Ini bererti mana-mana individu, syarikat yang ditubuhkan dan dilesenkan sebagai kedai emas atau tidak dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan tidak boleh menjalankan perniagaan emas untuk membeli surat pajak gadai. Jika ia memberi atau cuba memberi surat seperti yang beroperasi sekarang akan dianggap suatu kesalahan bila rang undang-undang ini berkuat kuasa, sedangkan selama ini ia bukan suatu kesalahan.

Peniaga membeli surat pajak dari pembeli-pembeli sebenarnya tidak merugikan orang awam sebaliknya menguntungkan mereka. Pemajak gadai sebenarnya menerima nilai 1/3 dari nilai sebenar harga pasaran emas bagi barang-barang emas yang dipajak. Nilai yang rendah ini sebenarnya merugikan pemajak yang mana jika barang emas gagal ditebus dan dilelong oleh pemegang pajak gadai, kemudiannya pemegang pajak atau pekedai akan menerima keuntungan berlipat kali ganda., Sebaliknya jika barang emas itu dijual kepada pembeli emas, ia membayar mengikut harga pasaran.

Oleh kerana itu, pekedai-pekedai pajak gadai menyifatkan pembeli-pembeli emas dan pembeli-pembeli surat pajak gadai adalah suatu ancaman kepada perniagaan mereka dan memohon kerajaan menggubal seksyen ini yang menggagalkan kedudukan mereka supaya lebih mudah memeras rakyat atau pengguna yang datang ke kedai pajak gadai.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sekarang patut berlaku adil dengan melesenkan peniaga-peniaga emas meliputi pembeli surat pajak gadai supaya kegiatan mereka bukan suatu ancaman, sebaliknya kegiatan mereka juga berupaya mendapat hasil cukai bila melesenkan mereka dan bukan mengkategorikan mereka sebagai suatu kesalahan yang boleh dihukum. Mereka bukan penjenayah atau pesalah undang-undang, jadi mengapa mesti kita menghukum mereka. Mereka bekerja sebagai pembeli emas untuk mencari rezeki dari pendapatan yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, langkah mengharamkan kegiatan mereka adalah satu langkah kejam iaitu menutup pintu rezeki mereka. Operasi kedai pajak yang membeli atau memajak gadai akan berterusan tanpa ada tindakan tegas dari kerajaan dan para pemajak tidak boleh berbuat apa-apa. Sungguh pun rang undang-undang cuba membetulkan operasi pajak gadai tetapi sejauh manakah kerajaan mampu memantau operasi pajak gadai kerana urusan niaga mereka adalah eksklusif dan monopoli yang tidak boleh ditembusi oleh orang lain atau pemajak sendiri.

Kehadiran peniaga pembeli emas dan surat pajak gadai menyebabkan pemegang-pemegang pajak gadai terkejut bahawa operasi mereka sedang diganggu dan ditembusi oleh mereka.

Oleh itu peruntukan baru 41(c) ini hendaklah ditarik balik dan perniagaan pembeli emas termasuk pembeli surat pajak dari kedai emas bukan satu kesalahan jenayah. Ia satu perniagaan yang sah dan bukan ancaman kepada industri menjual, membeli dan memajak emas. Kerajaan mesti boleh kutip hasil dari cukai dan lesen perniagaan jika perniagaan jual beli emas dan surat pajak ini dilesenkan bukan diharamkan. Dengan sebab itu pada awal-awal lagi saya sudah mengatakan bahawa kerajaan tergesa-gesa memperkenalkan fasal ini

bagi menyekat perniagaan sah, walhal tindakan ini akan mengakibatkan kehilangan pekerjaan dan perniagaan di seluruh negara.

Kerajaan sepatutnya menimbang memorandum atau suara-suara daripada peniaga-peniaga pembeli emas di seluruh negara bukan menyetepikannya begitu sahaja. Dengan melakukan demikian, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melakukan suatu kesilapan kerana menutup ruang yang membolehkan kerajaan mendapat hasil semata-mata terpengaruh dengan kenyataan bahawa perniagaan menjual dan membeli emas atau surat pajak mengancam ekonomi dan menguntungkan pemegang-pemegang pajak gadai. Kerajaan telah tersalah anggap bahawa tindakan berturut-turut ialah untuk membendung pihak yang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan ke atas pemajak. Padahal keadaan yang sebenarnya adalah sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, pemegang pajak gadai adalah lebih mengambil kesempatan ke atas pemajak dengan membayar harga rendah bagi barang yang dipajak gadai dengan harapan bila barang tidak dapat ditebus mereka membuat keuntungan besar. Kerajaan hendaklah berhati-hati tidak dipergunakan bila tidak dapat menimbang dengan adil dan mendapat pandangan semua pihak. Oleh itu saya mencadangkan Seksyen 41(c) baru yang dicadangkan untuk dipinda, digugurkan dan digunakan sebagai subseksyen 41(c) yang sedia ada sehinggalah satu kajian terperinci dijalankan iaitu dilesenkan, adalah lebih baik dan menguntungkan kerajaan daripada mengharamkan aktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jika rang undang-undang di bawah Fasal 41 ini diluluskan, maka kerajaan sebenarnya melindungi pekedai pajak, kedai bukan orang ramai yang menjadi pemajak. Timbanglah baik-baik untuk kepentingan pengguna seluruh negara baik di Pantai Timur atau di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain pindaan yang dicadangkan, saya tidak ada komen kerana ada kebbaikannya tetapi Fasal 41 hendaklah ditarik balik. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tumpat dahulu.

**3.34 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berdebat tentang Rang Undang-undang Pemegang Pajak Gadai (Pindaan) 2003 ini yang setebal 51 muka surat naskhah bahasa Malaysiannya dan 45 muka surat naskhah bahasa Inggerisnya, yang kita hanya dapat peluang beberapa hari untuk menelaah dan membahaskannya. Mungkin untuk Parlimen akan datang Tuan Yang di-Pertua, kita kena cadangkan juga supaya Pusat Sumber Perpustakaan diberi peluang dan tugas untuk menyediakan kertas penjelasan untuk manfaat wakil-wakil rakyat, memandangkan pihak kementerian hanya memberi taklimat kepada *Backbenchers* Barisan Nasional sahaja dan tidak kepada yang lain-lainnya untuk membahaskan suatu isu dan soal yang penting, yang saya yakin menyentuh tentang kehidupan agak besar jumlah masyarakat kita, khususnya mereka yang berkedudukan rendah di dalam masyarakat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya sekadar ingin menanya beberapa soalan untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan industri pajak gadai ini. Pertamanya, secara umumnya, saya ingin mengetahui dan mendapatkan jawapan-jawapan kepada persoalan-persoalan seperti dalam negara Malaysia kita ini jumlah orang-orang yang terlibat dalam pajak gadai. Maknanya, orang yang memajak gadai barangan mereka. Misalnya untuk tahun 2002, berapa puluh ribukah? Berapa ratus ribukah orang yang terlibat memajak gadai? Kemudian daripada jumlah yang akan saya dengar jawapannya nanti ini, bagaimana pula pecahan antara kaum kepada orang-orang yang terpaksa memajak gadai ini.

Yang Berhormat bagi Jeli sebentar tadi menganggarkan sekitar 80% hingga 90% di kalangan orang-orang yang ke pajak-pajak gadai ini terdiri daripada kalangan orang-orang Melayu beragama Islam tetapi jumlah dan peratusan sebenarnya adakah begitu atau selainnya. Daripada yang jumlah besar ini, berapa pula yang berumur muda? Yang

berumur tua misalnya sebab saya lihat dinaikkan umur daripada 16 ke 18? Apakah sebab dan punca kenaikan tahun minimum untuk layak pergi ke kedai pajak gadai ini? Daripada kalangan orang-orang yang ke pajak gadai ini pula, adakah kementerian membuat suatu analisis tentang sebab sebenar orang ke kedai pajak gadai ini? Berapa peratus daripadanya kerana kebuntuan wang untuk menghantar anak-anak ke pengajian, pengajian tinggi, pengajian seberang laut? Berapa dari kalangan orang-orang ini kerana mereka adalah ibu tunggal dan tidak mempunyai sumber dan mata pencarian, oleh sebab sudah ditinggalkan suami atau suami meninggal dunia dan belum berkahwin lagi?

Persoalan-persoalan seperti ini, adakah ini kerana orang ini memang daripada asal lagi miskin dan memang turun temurun mereka ini senantiasa di musim-musim tertentu terpaksa bergadai, dan adakah jumlah ini ada kaitan pula dengan musim-musim perayaan? Misalnya di bulan puasa ini hampir dengan hari raya, adakah jumlah orang ke kedai pajak gadai tinggi berbanding bulan-bulan lain? Dibandingkan pula dengan apabila hampir Perayaan Tahun Baru Cina misalnya, adakah meningkat pula orang ke kedai pajak gadai? Atau adakah di saat-saat hampir buka sekolah misalnya, adakah jumlah orang ke kedai pajak gadai meningkat? Atau adakah di saat-saat Perayaan Deepavali dan Thaipusam, jumlah orang ke kedai pajak gadai meningkat?

Saya amat ingin untuk mengetahui keadaan ini sebab ia menjelaskan kepada kita tentang masyarakat dan negara kita sebenarnya. Kemudiannya apabila jumlah-jumlah ini kita ketahui, soalan saya seterusnya ialah, adakah jumlah orang ke kedai pajak gadai tahun-tahun ini – 2002 dan 2003 dibandingkan misalnya 10 tahun yang lalu, 1992 sebagai contoh. Adakah jumlahnya meningkat ataupun menurun orang ke kedai pajak gadai? Kalau meningkat, peningkatannya 50%, 100%, berganda-ganda jumlahnya dan sebagainya. Kalau jumlahnya meningkat dan berganda, adakah ia membawa implikasi bahawa sebenarnya negara kita ini tidak semaju yang kita gembar gemburkan.

Sebenarnya pendapatan rakyat makin lama makin tidak mencukupi untuk berbelanja bagi kepentingan-kepentingan perbelanjaan *essential*, dengan izin, perbelanjaan perlu yang sesuatu keluarga, bapa atau ibu atau juga remaja terpaksa keluaran berbanding 10 tahun dahulu, kerana ramai orang sudah meningkat orang ke kedai pajak gadai, ini adakah ia tidak membawa kepada kesimpulan bahawa sebenarnya jumlah masyarakat kita dan keadaan ekonomi negara kita dari sudut rakyat jelata yang sebenarnya adalah membawa kepada keadaan yang jauh lebih rendah mutu ekonominya berbanding misalnya dengan 10 tahun yang lalu.

Jadi persoalan-persoalan seperti ini yang saya ingin dengar jawapannya daripada Yang Berhormat Menteri untuk membantu saya memahami dengan lebih lanjut lagi tentang keadaan industri pajak gadai yang sudah tentu ada kaitannya sebagai memberikan gambaran tentang keadaan ekonomi sebenar dalam negara kita.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Fasal 5 yang mencadangkan untuk menaikkan amaun jumlah wang yang boleh dipinjamkan daripada RM5,000 kepada maksimumnya RM10,000. Dalam hal ini, adakah ia berkaitan dengan mana-mana syarat yang ada dalam undang-undang berkaitan dengan pajak gadai ini yang menentukan modal minimum oleh syarikat-syarikat pajak gadai yang berkenaan. Misalnya dan kaitannya kalau jumlah pinjaman boleh dinaikkan, adakah kerajaan dan kementerian tidak menetapkan pula supaya modal kedai atau syarikat ini dinaikkan setimpal dengan kenaikan jumlah wang yang boleh diberi pinjam oleh kedai-kedai pajak gadai ini.

Seterusnya Fasal 22 mewajibkan supaya pemegang pajak gadai mengeluarkan resit. Soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan bentuk resit yang standard supaya tidak ada kekeliruan dan tidak ada kekaburan dalam resit-resit pajak gadai ini, supaya resit pajak gadai yang dikeluarkan oleh semua kedai pajak gadai di Malaysia ini boleh dicam, boleh dikenal oleh orang-orang yang terlibat dalam industri pajak gadai ini, supaya resit-resit itu misalnya mengandungi maklumat-maklumat minimum yang diperlukan dan diwajibkan oleh kementerian dan sebagainya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan Fasal 26 yang mengenakan tanggungjawab kepada pemegang pajak gadai terhadap sandaran apabila berlaku kebakaran, kecuaiian, curi, rompakan dan sebagainya. Soalan saya, adakah

kementerian mengenakan syarat supaya kedai pajak gadai itu mengambil insurans atau Takaful yang tertentu supaya apabila ini berlaku syarikat pajak gadai itu tidak boleh terus diisytiharkan mufliis dan sebagainya dan penyimpan atau penggadai-penggadai akan kehilangan harta mereka kerana hal-hal seperti itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setiu, kemudian Sipitang, selepas itu Menteri menjawab.

**3.47 ptg.**

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga untuk turut sama berbincang mengenai rang undang-undang yang melibatkan ramai daripada rakyat miskin yang mana sepatutnya rang undang-undang ini diberi kepada kita lebih awal seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi, sedangkan di pihak Barisan Nasional (BN), mereka telah diberi taklimat pada 4 November. Ada pada saya ini pindaan pada akta.... [*Menunjukkan naskhah akta tersebut*]

Pada 4 November lagi telah diberi taklimat dan kita baru dapat sekarang, jadi tentunya akta yang dianggap begitu penting dan cukup perlu kita hadamkan ini, sepatutnya kita sama-sama memberi sumbangan kerana ia melibatkan masyarakat ramai, masyarakat termiskin dan kesan kepada akta ini adalah melibatkan rakyat kita yang mana mereka sebenarnya sebelum ini terdedah kepada pelbagai bentuk eksploitasi yang dikenakan oleh institusi pajak gadai ini.

Sebelum itu saya suka untuk respons sedikit kepada rakan saya daripada Parit Sulong dan juga Titiwangsa yang mengatakan Terengganu mengenakan bayaran yang mahal kepada pajak gadai yang dilaksanakan di Terengganu. Sebenarnya di Terengganu seperti mana yang diketahui sebelum ini, kemungkinan pihak Menteri akan dapat memberi penjelasan yang lebih *detail* lagi, sebelum akta ini dilaksanakan bahawa kerajaan negeri memang diberi hak untuk mengeluarkan lesen untuk *operate* pajak-pajak gadai dan seperti biasa dibuat ialah dengan mengeluarkan tender. Siapa penender yang paling mahal, akan diberi kelulusan untuk membuat atau melaksanakan operasi pajak gadai yang terdapat di Terengganu.

Jadi oleh sebab penender ini dia mendapat harga yang tertinggi dan dia dapat maknanya *operate* pajak gadainya, seperti biasalah oleh sebab dia masuk dengan harga yang tinggi, mungkin *expectation* dia untuk mendapat pulangan daripada pelaburan itu tidak diperolehi, maka surat atau kompelin dihantar kepada Parit Sulong untuk membantu mereka. Ini samalah dalam kes BERNAS umpamanya yang Parit Sulong pernah menjadi Pengarahnya juga....

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Pengerusi, ya? [*Disampuk*]. Oh, BERNAS. BERNAS pun boleh rugi. Jadi soal rugi untung ini benda yang biasalah. Jadi saya fikir oleh sebab operator ini rugi, menyebabkan dia tulis surat kepada Parit Sulong dan saya rasa perkara tersebut tidak berbangkit. Jadi sebelum ini memang kerajaan negeri mengeluarkan tender secara terbuka dan penender yang tertinggi dapat tendernya dan dia melaksanakan operasi perniagaannya dan mengalami kerugian. Itu proses biasa dalam perniagaan.

Cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, sama ada kerajaan umpamanya di Terengganu pada hari ini dan Kelantan yang berhasrat untuk melaksanakan sistem Islam, jadi adakah sistem pajak gadai Islam ini boleh dikembangkan ke negeri-negeri lain supaya rakyat, masyarakat mempunyai alternatif. Telah disebut oleh rakan-rakan saya sebentar tadi bahawa pajak gadai dijadikan tempat yang paling mudah untuk mereka mendapatkan wang tunai lebih-lebih lagi apabila tibanya musim perayaan, buka sekolah dan anak-anak sekolah dan apabila mereka terdesak kewangan. Dan kita juga tahu bahawa sistem yang terdapat dalam sistem konvensional sebelum ini menyebabkan banyak daripada barang-barang yang diletakkan atau dipajakkan lesap begitu sahaja apabila mereka tidak mampu untuk menebusnya.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah mekanisme sebelum satu-satu barang itu dilelong, sama ada lelongan itu dibuat dengan mengambil kira harga yang sepatutnya seperti ditentukan bersama oleh pihak yang meletakkan barang, yang dipajak

gadai ataupun dibuat oleh institusi ataupun oleh pihak kedai pajak sahaja? Sebab apa yang berlaku saya difahamkan bahawa banyak di kalangan orang-orang di kawasan saya sendiri yang pajak barang-barang mereka di pajak-pajak gadai dan apabila mereka tidak mampu, mereka datang jumpa kita.

Yang Berhormat ini jadi mangsa kepada kertas-kertas surat pajak ini dan minta supaya kita bantu mereka dan kita dapati bahawa apabila mereka tidak dapat dibantu, barang-barang mereka akan hilang dan lesap begitu sahaja. Dan saya juga mendapat penjelasan bahawa kiraan peratus dan kiraan *interest* dibuat berdasarkan kepada bulan ke bulan, dan difahamkan bahawa sekiranya memasuki bulan berikutnya walaupun satu hari atau dua hari telah dikirakan sebulan. Jadi *interest* nya menjadi begitu tinggi sekali, jadi adakah pihak kementerian sedar perkara ini?

Saya juga ingin turut sama mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan adakah sistem di mana mereka yang gadai barang mereka sebelum ditebus, bahawa mereka tidak boleh membuat gadaian yang kedua. Bermaknanya apabila mereka buat gadaian yang pertama dan apabila mereka belum menebus bagaimana, adakah mereka boleh membuat gadaian kali yang kedua atau ketiga? Jadi adakah satu kaedah untuk memastikan bahawa seseorang penggadai itu mereka hendaklah memastikan bahawa mereka dapat menebus dahulu barang yang sebelum itu supaya mereka tidak membuat gadaian yang berikutnya.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian soal mekanisme berhubung dengan penentuan harga sebab apabila dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000, ertinya barangan yang akan digadai ini akan lebih lagi nilai yang akan diletak di pajak-pajak gadai dan nilai ini bagaimana bentuk mekanisme untuk menentukan penilaian supaya nanti kedua-dua pihak bersetuju, umpamanya kita bagi contoh, emas bagi masyarakat kampung, orang biasa, mungkin nilai satu gram, dua gram, tiga gram itu mereka mendapat anggaran kasar hanya pada barang mereka, mereka kata beratnya katakanlah 3 gram, sedangkan mereka boleh memanipulasikan berat sebenarnya, umpamanya apabila mereka meletakkan barangan tadi di dalam proses ataupun dalam larutan kimia, elektrolisiskah yang menyebabkan sebahagian daripada berat itu hilang. Tanpa disedari oleh pihak pemajak dan oleh kerana *volumenya* terlalu besar dan saya ingin mendapatkan penjelasan banyak manakah jumlah *volume* yang barang gadaian ini terdapat di seluruh negara pada hari ini.

Jadi oleh sebab ini ada kaitan dengan barang kemas tadi diletakkan dipajak gadai, katakanlah 1% atau 2% sahaja yang lari ataupun yang berbeza dari sudut beratnya mungkin tidak dapat dikesan oleh pihak yang menyimpan barang-barang mereka. Jadi saya pohon penjelasan dan saya rasa cukup setakat itu dan saya harap lain kali akta seumpama ini hendaklah diberi dengan lebih awal lagi, dan saya pun tidak nampak dari sudut kenapa kerajaan perlu tergesa-gesa sehingga dalam rang undang-undang yang sepatutnya kita lebih bersedia, lebih awal lagi, pada kali ini nampaknya kita sendiri pun agak kurang bersedia, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, selepas Sipitang, Menteri pula yang menjawab.

**3.51 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sedikit sahaja bahagian dalam membahaskan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kepada kementerian kerana telah pun berusaha untuk meminda akta ini, yang mana telah berjalan sekian lama. Tuan Yang di-Pertua pada hari ini kita ada dua sistem pajak gadai, yang pertama ialah sistem konvensional dan sejak tahun 1993 kita telah ada sistem pajak gadai yang lain, iaitu sistem pajak gadai syariah ataupun sistem pajak gadai Islam yang juga sering dipanggil sebagai *Ar-Rahnu*.

Saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian sama ada pemberian lesen di bawah akta ini adalah meliputi juga untuk pajak gadai Islam ataupun ertinya bila diberi seseorang itu lesen, apakah ia bebas sama ada memilih untuk mengadakan akta pajak gadai konvensional ataupun pajak gadai *Ar-Rahnu*. Saya melihat bahawa ada kelemahan sedikit dalam akta ini apabila seseorang itu atau pemegang pajak gadai itu membuat keputusan untuk mengadakan pajak gadai *Ar-Rahnu* kerana dalam definisi ini pajak gadai ini tidak ada definisi sama ada dia membuat *Ar-Rahnu* atau konvensional. Saya mengatakan demikian kerana dalam sistem *Ar-Rahnu* ada sedikit kelainan dari segi sistem kalau ingin dirujuk, bahawa Bank Rakyat telah pun melaksanakan sistem ini sejak awal tahun 90-an. Dan ternyata sistem pajak gadai Islam ini lebih sistematik di mana *fees* yang dikenakan adalah teratur dan sistem lelongan juga teratur.

Jadi saya minta penjelasan daripada kementerian apakah sebelum akta ini dipinda telah dilihat bahawa perniagaan pajak gadai *Ar-Rahnu* itu telah diambil kira sebelum dibuat. Kalau tidak diambil kira saya melihat bahawa satu peraturan baru perlu dibuat atau dipinda di masa akan datang. Saya mengatakan demikian kerana sistemnya yang berlainan dan yang kedua penyeliaan juga agak berlainan. Jadi di sini timbul soal apakah kakitangan penguat kuasa nanti mempunyai kepakaran dalam penyeliaan sistem *Ar-Rahnu* ini. Memang tidaklah sebegitu susah tetapi jikalau pemegang pajak gadai ini membuat keputusan mengadakan pajak gadai syariah, maka penyeliaan juga berlainan dan juga kesalahan-kesalahan yang dilanggar juga agak berlainan sedikit daripada sistem konvensional.

Jadi apakah kementerian telah bersedia untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan dalam hal ini? Tuan Yang di-Pertua, masalah orang pergi ke pajak gadai ini adalah yang pertama sekali, selalunya orang dalam kesempitan dan perlu bantuan dan mereka ini perlu segera mendapatkan wang itu ataupun yang kedua dari pengalaman di Bank Rakyat ialah mereka yang perlukan duit dengan cepat kerana kehabisan modal dalam perniagaan kecil-kecilan. Perkara ini begitu popular di Kelantan dan Terengganu di mana kaum wanita mempunyai banyak emas dan mereka perlukan wang dengan cepat dan mereka menggadai barang kemas mereka dan dapatlah wang dengan cepat.

Timbul persoalan di sini ialah bagaimanakah cara lelongan ataupun jikalau yang pemilik itu tidak dapat menebus barangan tersebut. Apa yang berlaku di bawah agak berlainan kerana apabila seseorang sudah menebus, maka berbagai-bagai ugutan ataupun masalah-masalah lain seperti menaikkan harga ataupun berbagai-bagai perkara lain yang ditimbulkan. Jadi ini masalah yang perlu kita beri penekanan dan apakah bentuk penyeliaan kepada pemegang lesen ini, saya difahamkan juga pada masa ini ada pemegang pajak gadai ini bukan sahaja dia menggadai emas tetapi kad kredit pun mereka pegang ataupun kad ATM bank pun boleh digadai dipajak gadai ini. Dan nilainya agak baik dan kalau tidak percaya, kalau boleh, boleh serbu mana-mana kedai pajak gadai mereka mempunyai timbunan kad kredit ataupun kad-kad ATM bank yang mereka gunakan sebagai barangan pajak gadai, bukan sahaja emas.

Jadi saya berharap perkara ini dapat diperjelaskan dan kita minta kementerian melihat perkara ini dan saya dengan itu Tuan Yang di-Pertua, menyokong akta ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya jemput Menteri menjawab.

**3.57 ptg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini sebenarnya tidak dipinda dengan secara tergesa-gesa kerana banyak perbincangan telah diadakan antara kementerian dengan mereka yang mewakili pengguna termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, yang ada banyak dapat aduan selama ini, mereka telah memberi banyak maklum balas kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan termasuk juga pihak-pihak yang

terlibat secara langsung atau tidak langsung dan lagi pun rang undang-undang ini telah wujud begitu lama sejak tahun 1973 sampai sekarang belum dipinda, jadi banyak perkara tidak sesuai pada keperluan semasa.

Sejajar dengan pindaan pada Akta Pemberi Pinjam Wang, ia ada kesan yang saling hubung kait kerana kita hendak bantu terutamanya beberapa Ahli Yang Berhormat telah sebut bahawa terdapat golongan yang terdesak ataupun sesak kerana wang dan kerana keadaan sempit dan juga dalam keadaan yang sangat memerlukan wang dan sebagainya. Apabila kita memperketat satu undang-undang iaitu Akta Pemberi Pinjam Wang, kita juga kena memastikan akta ini dalam masa yang sama juga diperketat supaya memberi kesan secara keseluruhan untuk satu kawalan yang lebih baik dan terperinci terhadap kegiatan yang berlaku di pasaran dan seterusnya untuk melindungi orang awam.

Sebelum saya jawab perkara-perkara yang dibangkit dan yang lebih spesifik, saya ingin secara umum menerangkan bahawa rang undang-undang ini tidak termasuk semua kegiatan pajak gadai yang dijalankan di bawah undang-undang sebegini, seperti mana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 46. Dengan akta yang sedia ada iaitu kepada bank yang telah dilesenkan dan juga kepada koperasi saya baca di sini dengan izin,

*"The following persons shall be exempted from the provision of this act:*

- (a) any bank license to carry on banking business in the federation;*
- (b) Bank Pertanian Malaysia established under the Bank Pertanian Malaysia Act 1969; and*
- (c) any cooperative society registered under any written law enforced in the federation related to the cooperative society".*

Jadi ketiga-tiga kategori ini dia tidak termasuk dalam akta ini. Oleh yang demikian, akta ini sebenarnya mengawal kegiatan kedai-kedai pajak-gadai konvensional sahaja. Jadi apa yang disebutkan fasal *Islamic System for* pajak gadai itu adalah tidak terkawal di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba jawab, ada banyak soalan ditanya, ia bertindih. Apabila saya sudah dapat sentuh, maknanya saya tidak akan sebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat satu persatu kerana dia ada *over-lapping*. Mengenai sama ada kerajaan akan menetapkan peratusan nilai barangan dengan pindaan nilai sandaran dinaikkan daripada RM5,000 ke RM10,000 dengan mengehendkan nilai sandaran, pemajak tidak akan dibebankan dengan bayaran balik ansuran. Sekiranya penetapan mengikut peraturan nilai, pemajak akan dibebankan dengan satu bayaran balik ansuran yang lebih tinggi dan boleh menyebabkan barang yang dipajak hilang terus.

Selalunya apabila seseorang itu dia memajak barangannya, kalau dia perlu hanya satu jumlah, dia tidak mahu banyak sangat. Kalau banyak dia pinjam, banyak lagi bunga dia kena bayar. Jadi tidak semestinya pemajak itu dia mahu wang yang banyak tetapi yang penting ialah dalam satu masa tempoh terdesak itu, dia hendak wang itu, tetapi dia yakin dia boleh *redeem* balik, ambil balik barangnya. Jadi tidak semestinya kita hendak paksa. Dia sepatutnya terima satu pinjaman yang besar tetapi ia ada satu had boleh sampai RM10,000 tertakluk kepada barangan yang akan dipajak itu.

Selain daripada itu, sistem peratusan ini akan merumitkan dan masih tidak dapat menjamin satu sistem yang telus, kalau kita cuba adakan nilai sandaran. Dari segi kriteria di bawah Seksyen 19 dalam akta sedia ada, pemegang pajak gadai boleh diberi tempoh tiga bulan *grace period*, memang dibenarkan. Sama ada bunga dikenakan, bagaimana bunga ditetapkan, ini akan ditetapkan di bawah peraturan selaras dengan Seksyen 17 akta. Apabila akta ini diluluskan, kementerian saya akan terus menetapkan peraturan-peraturan. Banyak pandangan dan cadangan hari ini dapat kami dengar dalam Dewan ini, sebenarnya adalah pandangan yang baik dan boleh diambil kira dalam masa kita menetapkan peraturan-peraturan untuk dikuatkuasakan.



Apakah bentuk barangan yang boleh diterima dan sandaran adalah seperti takrif di Seksyen 2, dalam masa peraturan boleh kita jelaskan lagi. Mengenai Seksyen 14 telah dipinda untuk mewajibkan pemegang pajak gadai menyatakan secara terperinci dalam buku daftar mengenai sandaran. Perkara ini akan menyatakan secara terperinci dalam peraturan. Jadi tidak lagilah, dia ambil sehelai kertas tulis sahaja tanpa butiran yang *detail*, yang sandaran itu tidak direkodkan dengan baik.

Seksyen 22 mensyaratkan agar pemegang pajak gadai menjaga barang sandaran seperti harta sendiri. Sekiranya berlaku kerosakan terhadap barang sandaran tersebut, beliau bertanggungjawab membayar  $\frac{1}{4}$  lebih daripada jumlah nilai yang dipinjam itu.

Kementerian akan menetapkan sistem melalui peraturan-peraturan seperti saya katakan tadi mengenai sistem pelepasan. Sistem pelepasan itu tetap akan dipantau dengan....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Setiu bangun.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan *interest* tadi. Adakah benar dikatakan bahawa sekiranya terlewat satu hari dikira untuk satu bulan. Kalau tarikh luputnya satu hari lewat atau dua hari dikira sebagai satu bulan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah kata apabila kementerian ambil alih dan undang-undang ini sudah lulus semasa kita menggubal peraturan, masa itulah kita menetapkan semua syarat ini.

Saya ingin menjelaskan di sini daripada perbahasan tadi nampaknya masih ada satu gambaran yang tidak tepat. Kementerian saya belum ambil alih mana-mana satu kuasa pengeluaran lesen selama 20 tahun ini, tidak pernah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang tidak pernah bagi satu lesen pun. Selama 20 tahun ini masih diletak di bawah kerajaan-kerajaan negeri. Saya ingin membetulkan termasuk apa yang disebut oleh Jeli tadi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak pernah ambil balik kuasa dari mana-mana satu negeri selama 20 tahun ini.

Jadi kuasa satu lesen pun belum dikeluarkan. Jadi banyak maklumat yang diminta itu sebenarnya kementerian saya tunggu hendak kutip balik daripada semua kerajaan negeri, semua rekod baru boleh kita buat analisis, baru dapat kita jelaskan selanjutnya. Oleh sebab selama itu, undang-undang ini begitu longgar, begitu tidak tentu sama ada siapa sepatutnya buat apa. Oleh sebab itu kerajaan-kerajaan negeri walaupun dia uruskan tender, mereka tidak buat apa-apa juga pemantauan. Jadi ini nampak begitu longgar, tidak dapat menjamin, melindungi pemajak-pemajak. Itu sebabnya kita kena dalam masa yang singkat ini supaya diselaraskan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 29 menyatakan bahawa adalah menjadi satu kewajipan kepada pemegang pajak gadai sekiranya disyaki barang sandaran merupakan barang curi atau didapati secara tidak sah untuk melaporkan kepada pihak polis. Pemegang pajak gadai dikehendaki menyiasat pemajak yang memiliki sandaran itu. Jadi kalau pemajak gadai yang berpengalaman, bila mereka ada mengesyaki sesuatu, adalah menjadi kewajipan mereka untuk memaklumkan pada polis dengan segera sama ada pernahkah daripada rekod kementerian pemegang pajak gadai telah dikenakan hukuman. Saya telah sebut tadi, tidak pernah kita ambil kuasa ini dan menguruskan hal-hal pengeluaran ini, maka sampai hari ini tidak dirujuk oleh mana-mana kerajaan negeri pun kepada kementerian bahawa ada salah laku kuasa, maka tidak adalah maklumat yang sebegini diperolehi oleh kementerian saya.

Mengenai ketelusan memohon lesen. Permohonan lesen baru akan memerlukan semakan rekod jenayah daripada pihak polis dan juga rekod aduan yang dikumpulkan oleh Bahagian Penguat Kuasa. Di samping itu kementerian akan mengadakan proses temu duga bagi menilai pemilik ataupun pemegang dalam syarikat. Jadi oleh itu kementerian

dijangka akan mengambil masa antara satu hingga dua bulan bagi menimbang, meluluskan atau menolak sesuatu permohonan lesen baru.

Mengenai kawalan ke atas pemohon yang tidak berkelayakan atau menggunakan nama orang lain, Seksyen 8A akta ini menghalang pengeluaran lesen diberi kepada pemilik, pengarah, pengurus besar, pengurus atau setiausaha syarikat yang didapati terlibat dengan kesalahan menipu, berlaku curang, melakukan apa-apa kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan kerap ada apa-apa kesalahan di bawah Akta Pemajak Gadai pernah didenda melebihi RM10,000 dan sebagainya dan juga dengan *rating* polis, maka kementerian pada masa akan datang akan secara berhati-hati sebelum pertimbangan diberi pada mana-mana pemohon.

Tempoh lesen dikurangkan daripada tiga tahun ke lima tahun....

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tanah Merah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan pemberian lesen dan kebenaran membuka premis pajak gadai tadi. Saya ada bertanya tadi sekiranya sesebuah syarikat yang membuka lesen itu atas nama katakan dia minta permohonannya untuk dibuka premis pajak gadai di tempat ini, kemudian permohonannya untuk membuka cawangan-cawangannya di tempat lain, adakah dibenarkan ataupun tertakluk kepada satu tempat sahaja yang dibenarkan?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Lesen bagi kedai pemajak gadai *conventional* ini memang khas untuk satu tempat sahaja. Tidak boleh buka cawangan, tidak boleh pindah tempat, dan pada masa akan datang kita akan memastikan di satu kawasan tidak akan diberi lesen lebih daripada beberapa, supaya mereka akan ada persaingan yang tidak begitu sihat. Jadi yang dikatakan cawangan itu mungkin bukan di bawah sistem konvensional ini. Lesen itu dihadkan di satu zon atau di satu alamat yang tidak boleh diubah-ubah.

Mengenai tempoh lesen. Tujuan mengurangkan tempoh sah laku lesen untuk memudahkan pengawalan dan penguatkuasaan. Kalau kita bagi satu lesen panjang sampai tiga tahun, dalam tiga tahun ini kalau berlaku apa-apa, pihak kerajaan perlu ada satu sistem pemantauan yang lebih rapi. Walau bagaimanapun, kalau mereka menjalankan *business* dengan baik, dengan tidak melanggar undang-undang, pembaharuan lesen itu tidak akan jadi satu masalah dan bagi memastikan supaya tidak ada birokrasi atau *red tape* di masa pembaharuan lesen.

Dari segi mengapa Pendaftar diberi kuasa untuk meluluskan pemindahan atau pemindahan hak lesen, *transfer of the license*. Seksyen 11F membenarkan pemindahan dan pemindahan hak dalam situasi berikut, tiga situasi sahaja iaitu:

- (i) kalau syarikat itu di dilikuidasikan seorang penerima atau pengurus dilantik iaitu dengan izin, *under receivership*;
- (ii) firma dibubarkan dan seorang pengurus atau penerima dilantik iaitu *under receivership*; dan
- (iii) keadaan di luar dugaan seperti kematian pemegang lesen kerana kita seharusnya perlu menjamin barangan pemajak yang telah disimpan di kedai itu. Jadi kita terpaksa ada satu jalan keluar dalam keadaan-keadaan tertentu supaya hak milik itu boleh dipindahkan di bawah keadaan sebegini.

Mengenai pencerobohan rahsia sama ada akaun itu diserahkan kepada pegawai kerajaan akan jadi satu bongkar rahsia atau tidak. Seperti bank dan juga banyak lagi cara pemantauan, memang buku rekod dan akaun itu perlu ditunjuk untuk tujuan penguatkuasaan dan semua kakitangan kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi dan boleh diambil tindakan kalau dia melanggar akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan akta ini telah mengambil kira Seksyen 13A baru, iaitu mewajibkan tiap-tiap pemegang pajak gadai menghantarkan buku atau dokumen dan saya telah terangkan bahawa itu adalah untuk tujuan pemantauan yang lebih berkesan.

Dari segi pelelongan saya telah jawab tadi, di bawah peraturan akan kita jelaskannya memastikan syarat-syarat dan cara mereka buat itu mestilah telus dan di umum pada orang ramai. Berapa banyak wang telah disimpan hasil daripada wang tidak dituntut? Buat masa ini kementerian tidak mempunyai rekod, seperti mana saya kata semua perkara itu masih di dalam rekod kerajaan negeri sehinggalah kita ambil alih, baru kita dapat semua maklumat mengenai wang yang tidak dituntut dan yang lain tetapi mengikut undang-undang yang sedia ada, tempoh yang diambil bagi AG, dari wang yang tidak dituntut itu boleh dimasukkan pada wang yang tidak dituntut adalah tempoh masanya 7 tahun, kalau sekiranya wang itu tidak dituntut.

Mekanisme bagi memastikan sandaran terpelihara telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Pada masa kini kementerian belum bercadang menetapkan penyediaan dana tertentu, tetapi di bawah Seksyen 22 ada ditetapkan pemegang pajak gadai dikehendaki membayar sebanyak  $\frac{1}{4}$  lebih daripada tambahan pada nilai cagaran asal dan saya ada terangkan tadi.

Mengenai insurans, ada sebilangan pemegang pajak gadai telah pun menginsuranskan cagaran dan kementerian akan meneliti untuk mewajibkan insurans bagi setiap sandaran apabila kita menetapkan peraturan. Modal berbayar minimum akan ditetapkan. Memang saya setuju benar bahawa sesiapa yang layak untuk memegang lesen ini dia mesti mempunyai modal yang cukup, tidak boleh modal yang kurang sangat, dia hendak buka kedai pajak gadai kerana sistem yang lain itu diuruskan oleh bank. Bila kedudukan kewangan bank begitu kukuh, maka kedai-kedai konvensional ini akan dikenakan satu modal yang minimum selepas kita kaji dengan lebih teliti, apakah amaun yang sepatutnya dikenakan.

Mengenai had umur yang telah dinaikkan dari 16 tahun kepada 18 tahun, umur ini sebenarnya merupakan satu had umur *age of the majority* di bawah Akta Kontrak 1950 kerana di bawah Akta Kontrak itu sesiapa yang berumur 18 tahun boleh menandatangani kontrak, dan juga dalam kehidupan seharian kita hari ini sudah terdapat mereka yang berumah tangga pada umur 19, 20 dan 21 tahun. Golongan ini sudah layak kalau dalam keadaan terdesak ataupun kerana keluarganya menghadapi suatu keadaan yang begitu berkesempitan dari segi keperluan kewangan, kita benarkanlah mereka memajukan barangan yang diperolehinya.

Adakah lesen lain diperlukan bagi menubuhkan cawangan? Ini saya sudah jawab tadi kepada persoalan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Dan seterusnya adakah kementerian menetapkan supaya pemajak diberi notis oleh pemegang pajak gadai sebelum barang dilelong? Di bawah peraturan nanti, pemegang lesen pajak gadai akan diwajibkan menghantar surat daftar kepada pemajak untuk sesuatu lelongan dalam tempoh tujuh hari sebelum tarikh lelongan dilakukan, dan selepas pindaan ini, apa-apa sahaja nilai lebihan selepas lelongan itu dibuat, ia wajib dipulangkan kepada si pemajak itu walaupun dalam akta sebelum itu, apabila pemajak menuntut barulah ia dipulangkan. Sekarang kita tidak beri dia opsyen itu, iaitu adalah menjadi kewajipan tuan punya kedai itu untuk memulangkan baki wang setelah ditolak apa yang dipinjam, kena pulang kepada pemegang ataupun pemajak itu.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan bahawa kementerian saya kekurangan pegawai penguat kuasa, seperti apa yang telah kita buat pada Akta Pemberi Pinjam Wang, akta ini pun serupa, kita beri kuasa kepada polis. Polis akan menjadi satu agensi penguatkuasaan yang sangat penting. Kalau kita tengok, sebagai contoh, ada banyak akta di bawah Kementerian Kewangan dari segi perbankan dan sebagainya, selain daripada penguat kuasa agensi yang berkenaan, mereka juga bergantung kepada polis dari segi *commercial crime* dan sebagainya. Jadi, kita memang sudah memikir mengenai penguatkuasaan ini sebelum kita pinda akta ini. Dan....

**Tuan Saupi bin Daud:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Last sekali, ya!

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa pemajak akan diberikan surat menyatakan bahawa lelongan akan dilakukan tujuh hari sebelum lelongan dibuat tetapi tadi saya ada menyatakan bahawa sebelum itu, sebelum proses lelongan dibuat, pemajak diberi notis dahulu bahawa tarikh luput barangan yang digadaikan di premis tadi, umpamanya, tempohnya telah tamat, barang itu luput. Adakah pihak premis itu memberi notis, memberi tahu kepada pemajak bahawa barang-barang yang mereka gadai telah tamat tempohnya dan mereka perlu menuntut balik barangannya untuk mengelakkan pelelongan berlaku? Jadi, saya minta penjelasan mengenai notis awal sebelum pelelongan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, tempoh enam bulan diberi kepada pemajak untuk menuntut balik barangannya dan apabila sudah sampai masa dia tidak *redeem* barangnya, ada tiga bulan *grace period*. Jadi, semua ini sepatutnya pemajak itu sudah tahu. Terdahulunya resit itu tidak dipantau seperti apa yang kita telah pinda sekarang ini. Kita hendak memastikan resit pada masa akan datang akan cukup jelas – masukkan semua butiran termasuk tarikh dan sebagainya, dan di bawah peraturan ini kita akan tengok apakah lagi yang munasabah untuk dikenakan, termasuklah apa yang Ahli Yang Berhormat kata: “*Kalau perlu beri peringatan, kalau kita rasa itu adalah cara yang praktikal*”. Masa kita buat peraturan, saya rasa kita boleh pertimbangkan supaya pemajak itu sentiasa tahu bahawa barangannya sudah sampai masa untuk dituntut, kalau tidak, akan dilelong. Apa yang kita rasa baik dan munasabah, kita akan buat dan memasukkan ke dalam peraturan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun telah sebut pasal imej industri ini. Saya mengambil maklum kelima-lima perkara yang beliau bangkitkan dan memang pada keseluruhannya, kalau kita meneliti pindaan hari ini ialah untuk memulihkan imej industri ini supaya mereka yang tidak bertanggungjawab itu tidak akan mempunyai peluang yang lebih seperti sebelum pindaan ini, supaya industri ini akan menjadi lebih terkawal dan mereka yang dalam keadaan sesak duit itu akan terjamin. Kelima-lima perkara itu saya ambil kira bagaimana nanti, selain daripada Akta itu, peraturan-peraturan juga akan menjaga memulihkan imej ini.

Jadi, saya sudah terangkan pasal pajak gadai sistem Islam, dan kita akan tengok apabila menggubal ataupun menetapkan peraturan-peraturan, kementerian saya akan rujuk dan tengok apa yang sebenarnya berlaku dalam sistem pajak gadai Islam yang dijalankan oleh bank ataupun koperasi dan sebagainya, supaya kita cuba dapatkan satu penyelesaian ataupun satu konsistensi yang lebih agar tidak ada satu jurang yang sangat berbeza.

Mengenai nilai penebusan sandaran dinaikkan daripada RM100 kepada RM200, sebenarnya akta ini telah lama berkuat kuasa sejak dahulu lagi, dan nilai RM100 itu telah kekal begitu lama. Lagi pun sekarang sudah lebih 20 tahun baru dinaikkan ke RM200. Ini pun adalah bagi barangan yang tidak dituntut selepas begitu lama dan nilai kecil, kalau diukur dari segi bunganya, diukur dari segi perbelanjaan untuk mengurus dan menjaganya dan sebagainya, semua ini memang adalah satu perkara yang *basic*, satu nilai yang telah diterima sebegitu lama, dan sebenarnya permintaan ialah untuk menaikkan nilai ini kepada RM500 atau RM1,000, tetapi kementerian saya tidak membenarkan, hanya memastikan ia diminimumkan kepada RM200 sahaja.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah mengatakan mereka yang beli tiket pajak gadai ini sepatutnya diberi peluang. Dia kata itu adalah satu *business*, adalah satu perkara yang tidak melanggar undang-undang. Saya tidak faham bagaimana Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dapat membuat satu kesimpulan, kalau selama ini mereka tidak mengikut apa-apa undang-undang pun, pergi beli tiket pajak gadai yang dimiliki oleh orang lain, bagaimana kegiatan atau *business* itu tidak dianggap melanggar undang-undang? Bila dia beli tiket itu, tiket atau resit itu adalah hak milik pemajak. Mengapa pula dia boleh beli? Perbuatan itu sendiri sudah tidak sah.

Jadi, kita tidak mengambil apa-apa pun daripada apa yang memang sah, dan lagi pun kalau mereka hendak jual emas mereka kepada kedai-kedai emas, dia boleh terus berurusan dengan kedai-kedai emas tersebut, tidak payah pergi ke kedai pajak gadai. Kedai-kedai emas tidak payahlah meminta agen atau siapa pun, pergi ke depan kedai pajak gadai, tunggu di situ, beli tiket ini. Kalau ada orang tengah yang sudah buat kerja ini, orang tengah ini tentu tidak akan pergi ke sana secara percuma. Orang tengah ini tentu ada satu *profit margin* – orang tengah ini bila dia jual kepada kedai emas, *profit margin* ini datang dari mana? Dia tetap tidak akan datang dari tauke kedai atau tauke emas. Pada akhirnya, eksploitasi itu adalah terhadap pemajak – orang yang terdesak itu.

Jadi, untuk melindungi supaya orang tengah tidak diberi peluang ini, kita rasa pada masa akan datang, pada tiket atau resit itu hendaklah jelas dinyatakan, siapakah tuan punya barang, apakah barang itu telah dipajak dan bila dia kena ambil balik dan jika tidak ia akan dilelong, resit itu tidak boleh bagi orang lain membelinya. Itu sebabnya kita hendak mengemaskinikan undang-undang ini. Ia tidak berkaitan sama ada barang itu, emas itu, dijual kepada siapa. Elok kalau mereka yang dalam perniagaan membeli emas ataupun dikatakan, emas *second-hand*, dia berurusan terus dengan mereka. Katakanlah, kalau barang dia hendak jual balik kepada kedai, pergilah ke kedai emas, jangan pergi ke kedai pajak gadai supaya dia tidak dieksploitasi oleh orang tengah.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang-orang yang memajak kedai, bagaimana pecahan mengikut kaum, semua itu memang Kementerian saya tidak ada rekod sehinggalah selepas 1 Januari ini, bila mana semua kerajaan negeri telah serahkan rekod itu kepada Kementerian Barulah Kementerian saya boleh membuat satu analisis. Itu pun kalau sekiranya semua kerajaan negeri mempunyai rekod yang lengkap dan terperinci barulah dapat kita buat analisis pada masa akan datang.

Banyak perkara lain sudah pun saya jawab. Sebelum itu, yang dikata bagaimana bunga itu dikira, saya telah kata, dalam peraturan nanti kita akan ambil kira supaya jangan baru satu dua hari sudah dikira sebagai satu bulan. Ini satu maklum balas yang kita akan beri perhatian.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu dan Yang Berhormat bagi Sipitang, saya telah jawab, termasuklah apa-apa salah laku yang berlaku sekarang. Tentu sekali kita tidak akan benarkan perkara seperti menyimpan kad kredit, kad ATM orang lain oleh pihak kedai. Ini bukan caranya untuk mereka menjalankan urusan niaga pajak gadai.

Tuan Yang di-Pertua, banyak cadangan baik yang telah Kementerian saya mengambil kira dalam masa menggubal atau menetapkan peraturan. Saya menjamin bahawa semua perkara akan kita kaji dengan secara serius, dan yang mana sesuai kita akan masukkan dalam peraturan pada masa akan datang. Jadi itu sahaja yang dapat saya jawab setakat ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal 1 hingga 48** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM (PINDAAN) 2003**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003.

Isu keganasan antarabangsa telah menjadi satu isu keutamaan global sejak beberapa insiden keganasan kebelakangan ini. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah memainkan peranannya dalam menangani isu ini dengan menggesa negara-negara anggotanya untuk menerima, meluluskan dan menyertai 12 instrumen yang berkaitan dengan keganasan terutamanya, dengan izin, *International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism*. Sebelum ini tiada peruntukan khusus bagi menangani kesalahan pembiayaan pengganas, melainkan melalui kesalahan berat di bawah Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, ia dianggap tidak begitu menyeluruh dan satu pindaan yang merangkumi takrif dan bidang kesalahan pembiayaan pengganas yang khusus adalah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 adalah digubal bagi membolehkan Malaysia memenuhi obligasinya di bawah konvensyen menurut keputusan Jemaah Menteri bertarikh 29 Januari 2003. Pada asasnya, pindaan undang-undang ini akan meluaskan bidang kuasa akta bagi mengadakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perlucuthakkan harga pengganas dan harta yang terlibat atau diperolehi daripada pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai pengganas.

Di samping itu, pindaan ini akan mengemaskinikan beberapa peruntukan asal bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan akta ini. Secara khususnya, pindaan akta akan menjadikan pembiayaan kegiatan keganasan kesalahan di bawah undang-undang Malaysia. Di samping itu, peruntukan pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengadakan mekanisme pengawasan, pemantauan dan kawal selia yang sewajarnya selaras dengan kehendak konvensyen dan resolusi Majlis Keselamatan PBB. Dalam hal ini, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 24 fasal iaitu untuk membolehkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan pembiayaan pengganas. Secara ringkasnya, antara fasal-fasal yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003.

Fasal 2 bertujuan untuk membina tajuk panjang Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 akta untuk meluaskan skop pemakaian akta untuk merangkumi kesalahan membiayai keganasan dan harta pengganas.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 1(1) akta untuk meminda tajuk ringkas. Selepas pindaan, akta akan dikenali sebagai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 10 bagi menjelaskan keadaan-keadaan yang membolehkan pertukaran penzahiran maklumat mengenai transaksi merugikan dengan suatu pihak berkuasa yang bersamaan di negara asing.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda perenggan 14(a) akta bagi mengasingkan kehendak nilai ambang pelaburan daripada kehendak nilai ambang penyimpanan rekod di bawah seksyen 13 akta.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda subseksyen 32(7) akta untuk menghendaki kenyataan yang dibuat di bawah perenggan 32(2)(a) diubah ke dalam bentuk tulisan bagi memudahkan pendakwaan ke atas orang-orang yang berkaitan.

Fasal 9 hingga 21 dan Fasal 23 bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen 44, 45, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 55, 56, 59, 61 dan 67 akta bagi tujuan meluaskan kuasa untuk membekukan, menyita dan melucuthakkan harta dan kuasa sampingan lain kepada harta yang digunakan dalam perlakuan kesalahan membiayai keganasan dan kepada harta penganas.

Fasal 22 bertujuan untuk memasukkan satu bahagian baru 6A iaitu seksyen 66A hingga 66F bagi membolehkan entiti tertentu diisytiharkan sebagai penganas dan harta mereka dibekukan, disita dan dilucuthakkan.

Bahagian baru 6A akan mengandungi peruntukan-peruntukan berikut iaitu Seksyen 66A mentakrif ungkapan entiti ditetapkan perbuatan keganasan pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan.

Seksyen 66B memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk menetapkan mana-mana entiti yang memenuhi syarat sebagai entiti penganas atau entiti ditetapkan.

Seksyen 66C memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri kuasa untuk melaksanakan mana-mana langkah yang dikenakan oleh Majlis Keselamatan PBB melalui resolusinya yang dibuat menurut Artikel 41 Piagam PBB melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

Seksyen 66D memberi Menteri Dalam Negeri kuasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta untuk menghendaki mana-mana pihak untuk menentukan sama ada mereka memegang atau mengawal harta penganas atau harta yang dipunyai atau dikawal oleh atau bagi pihak mana-mana entiti yang ditetapkan.

Seksyen 66E mengadakan peruntukan bagi maksud Bahagian 6a tersebut, pihak berkuasa kawal selia atau penguasaan yang berkaitan boleh mengeluarkan arahan atau garis panduan kepada institusi di bawah kawal selianya atau penguasaannya untuk menunaikan obligasi yang meningkatkan Malaysia menurut kuasa sesuatu keputusan Majlis Keselamatan PBB

Seksyen 66F adalah fasal kecualian bagi perintah sedia ada yang dibuat di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1993 dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 untuk terus berkuat kuasa dan berkesan dan disifatkan telah dibuat dengan sah di bawah Subseksyen 66c;

Seksyen 24 bertujuan untuk membina subseksyen 82(1) untuk menambah alasan tambahan bagi melaksanakan bidang kuasa jenayah luar wilayah dan akhir sekali beberapa pindaan kecil dan yang berbangkit yang lain. Saya dengan ini memohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sokong?

**Seorang Ahli:** Saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dua orang ya. Baik! Setiap orang saya bagi 15 minit dan selepas Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat bagi Tumpat dan Timbalan Menteri menjawab. Yang Berhormat bagi Tambun.

**4.40 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membentang rang undang-undang ini untuk meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001. Sebagai sebuah negara kecil yang duduk dalam dunia global, kita tidak boleh elak daripada untuk mengintegrasikan negara kita dalam sistem global. Dalam dunia global ini, sekarang ini isu keganasan jadi satu isu yang utama. Oleh kerana negara kita merupakan sebuah negara Islam, jikalau kita berkecuali daripada undang-undang global, maka orang akan salah anggap kepada kita dan mungkin negara kita akan menjadi *target* kepada negara-negara lain.

Di samping itu, kita melihat akta ini penting daripada sudut kita mencegah berlakunya jenayah keganasan. Kita tahu di Indonesia, apabila berlaku pengeboman di beberapa tempat, menjejaskan ekonomi negara tersebut yang akhirnya menyebabkan rakyat menghadapi kesukaran. Kita harap melalui rang undang-undang ini, maka wang yang digunakan untuk membiayai aktiviti keganasan dapat dielakkan. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan cara bagaimana rang undang-undang ini hendak dilaksanakan dengan berkesan. Kita tahu bahawa usaha untuk memintas pengubahan wang daripada satu tangan ke satu tangan yang lain, akan mencapai keberkesanan melalui empat proses.

Pertama, melalui undang-undang yang berkesan tetapi efektif. Kedua, melalui penguatkuasaan yang cekap. Ketiga, menerusi kerjasama dengan sektor kewangan kerana transaksi berlaku dengan sektor kewangan. Keempat, dengan adanya hubungan kita dengan badan-badan antarabangsa, bermakna kita bekerjasama dengan pihak antarabangsa. Isu yang kita hadapi sekarang ini ialah pemindahan wang yang tidak dianggap wang kotor. Wang kotor ini mudah untuk kita kenal pasti kerana untuk melakukan jenayah keganasan, untuk meletupkan satu tempat, tidak memerlukan wang yang banyak. Wang berapa ribu ringgit sudah cukup.

Jadi, untuk mengenal pasti bahawa wang ini adalah untuk tujuan itu, di sini macam mana kita hendak pastikan keberkesanan undang-undang ini, kerana untuk kita melakukan *detection* sesuatu *transaction* itu, kerana *transaction* tidak banyak dan ia melibatkan isu niat orang yang memindahkan kewangan, macam mana kita hendak baca ini semua. Kalau ikut daripada sistem sekarang, salah satu caranya, pihak badan antarabangsa terutama, diterajui oleh Amerika Syarikat akan mengeluarkan senarai-senarai individu dan badan-badan yang dikatakan penjenayah tetapi jika kita ikut peratus apa yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat, mungkin kita akan terperangkap dengan cara Amerika Syarikat di dalam, dengan izin *Executive Order on Terrorist Financing* yang dikeluarkan oleh *White House*.

Ia antara lain menyatakan, dengan izin "... *Foreign persons determined by the Secretary of State in consultation with the Secretary of Treasury and Attorney-General*". Maknanya, badan-badan ini saya sudah boleh menyatakan bahawa orang ini *terrorist* atau badan ini *terrorist*. Di sini, ada berapa badan yang telah diletakkan dalam kategori *terrorist*, di antaranya Al-Qaeda, Abu Sayyaf - banyak itu - sampailah kepada Al-Rashid Trust, Mamun, Darkazanli Import - Eksport Company juga diletakkan dalam ini. Jadi, mungkin nanti akan digunakan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya untuk menyulitkan tugas kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyentuh tentang soal empat aspek penting untuk memastikan keberkesanan rang undang-undang ini. Satu dari segi undang-undang ini, kekuatan undang-undang tersebut untuk membolehkan penyiasatan dan sebagainya dibuat hingga ke akar umbi. Kalau melibatkan sektor kewangan, semua sektor kewangan.

Yang kedua dari segi penguat kuasa kita, macam mana penguat kuasa kita hendak menjalankan tugas-tugas dari segi mekanisme untuk melaksanakannya. Maknanya



saya nyatakan tadi, untuk mengenal pasti satu *transaction* itu dikaitkan dengan jenayah keganasan ini satu yang cukup sukar, kita tidak ada satu *early warning system* untuk melakukannya, melainkan kita ada satu senarai yang diberi oleh badan antarabangsa.

Kita dapat lihat bila berlaku pengeboman di Indonesia dan sekarang di Arab Saudi, di Mekah mahupun di Jeddah dan sebagainya, bermakna undang-undang dunia masih lagi belum berkesan. Jikalau berkesan, mereka tidak dapat kenal pasti yang wang ini hendak digunakan untuk tujuan keganasan. Jadi, perkara ini dari segi penguatkuasaannya perlu diberi penekanan kerana melibatkan satu sistem yang cukup canggih. Saya berpendapat bahawa pihak-pihak yang terlibat, pihak-pihak polis dan pihak bank dan sebagainya mesti ada satu badan yang satu untuk mereka berkongsi fikiran dalam soal itu.

Ketiga saya nyatakan tadi tentang kerjasama dengan sektor kewangan. Kita mesti ingat, Tuan Yang di-Pertua, sektor kewangan mempunyai beberapa *ethics* mereka. Apabila bank di Switzerland mengeluarkan maklumat mengenai dengan wang yang disimpan di bank-bank tertentu, orang mengeluarkan wang daripada Switzerland. Keyakinan kepada bank di Switzerland telah hilang dari segi *confidentiality* sektor kewangan.

Jadi, di sini macam mana pula bahawa kerja-kerja hendak dijalankan untuk mengenal pasti individu terlibat dengan wang keganasan ini tidak menjejaskan operasi bank. Di sini saya percaya pihak Bank Negara Malaysia harus memainkan peranan penting untuk menetapkan dasar-dasar dan juga mekanisme untuk pihak bank mengenal pasti mana-mana individu yang dikatakan dijangka mempunyai penglibatan mengenai dengan perkara tersebut.

Kita yakin, kalau sekarang kita bercakap tentang *task force*, pihak Bank Negara juga perlu mempunyai *task force* mereka dalam sektor kewangan oleh kerana dalam negara kita ada berjuta *transactions*. Ada kemungkinan *transactions* untuk tujuan ini ada satu atau dua. Jadi, jangan sampai melibatkan yang berjuta kerana satu atau dua yang belum pasti akan terlibat dengan keganasan. Di samping itu, yang keempat saya menyatakan tadi tentang kerjasama pihak antarabangsa, saya harap kita dapat menjalankan kerjasama, bukan secara kita terlibat bertukar-tukar dokumen tetapi juga dari segi kita meningkatkan kemahiran kita dalam soal itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan sektor swasta yang begitu banyak. Pertama sekali, untuk kita memastikan keberkesanan, pihak kerajaan perlu mewujudkan komunikasi yang begitu cekap dengan sektor swasta. Maknanya, senarai yang ada macam mana hendak dikongsi dengan pihak swasta dan ini tidak diketahui oleh umum tentang senarai-senarai atau apa-apa perkara yang ada kaitan dengannya dan untuk mewujudkan satu sistem yang cepat dan pantas supaya dapat sesuatu *transaction* yang kita anggap sebagai berbahaya itu terus diambil tindakan yang berkesan oleh pihak sektor swasta.

Kemudian kerajaan perlu memberi garis panduan kepada sektor swasta seperti macam mana hendak buat dan macam mana mekanismenya. Saya ada baca satu dokumen mengenai dengan sistem yang diwujudkan oleh sektor-sektor swasta, macam mana hendak buat analisis ke atas akaun di dalam sesuatu bank tanpa diketahui oleh pihak yang meletak deposit dalam bank bahawa mereka sebenarnya sedang disiasat. Perkara-perkara ini harus ada dan diberikan kepada sektor swasta.

Kedua dari segi memastikan sektor swasta terikat dengan rang undang-undang ini, macam mana *compliance*, dengan izin, dengan rang undang-undang atau arahan-arahan kerajaan kerana sektor swasta ini berfikirannya sendiri. Dia ingat dia tidak boleh disentuh oleh sebab peranan dia. Apa yang diarah oleh kerajaan, dia tidak buat. Kita tahu dalam sektor perbankan, apabila kerajaan kata jangan bagi pinjaman kepada sektor perumahan, pihak bank terus bagi kepada sektor perumahan.

Ketiga dari segi kerja-kerja *follow-up* ke atas siasatan dan sebagainya dan *feedback* yang harus diperolehi diberikan oleh sektor swasta mestilah dengan cara yang cukup efisien. Saya ingat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tumpat.

**4.51 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita dibentangkan satu rang undang-undang yang berkaitan dengan keganasan. Ini sebagaimana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri minggu lepas apabila beliau membentangkan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan yang mengatakan bahawa ia adalah ekoran daripada masalah keganasan kononnya yang sedang dunia hari ini menghadapi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum, soal keganasan ini adalah sesuatu yang kita daripada parti-parti politik pembangkang juga menentanginya. Perjuangan Parti Islam SeMalaysia (PAS) adalah menurut lunas-lunas demokrasi berparlimen dan kami setakat ini berjaya menjadi kerajaan di dua negeri semenjak tahun 1959 dahulu lagi, Kelantan dan Terengganu dan sekali lagi dalam tahun 1999 menjadi kerajaan-kerajaan negeri melalui pilihan raya secara adil walaupun keganasan dilakukan terhadap petugas-petugas dan pekerja-pekerja politik pilihan raya kami.

Malangnya dunia dan apabila kita bercakap tentang dunia, kita bercakap tentang Amerika Syarikat, hanya mengenali dan mengiktiraf *terrorism* atau keganasan selepas 11 September 2001. Keganasan di peringkat antarabangsa sebenarnya dimulakan dalam sejarah moden ini oleh orang-orang yang menuntut penubuhan negara Israel dalam tahun 1947 dan 1948 lagi, lebih daripada 50 tahun yang lalu tetapi dunia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan badan-badan antarabangsa tidak pernah mengambil hirau tentang keganasan yang begitu hebat yang dilakukan oleh pasukan Zionis Israel lebih daripada 50 tahun. Pada 11 September 2001, sekitar 3,000 orang yang kita tahu terbunuh akibat serangan ke atas bangunan-bangunan di New York dan Washington D.C. Dunia lupa dalam tahun 1995, 8,000 umat Islam di Sebrenica, Bosnia dibunuh oleh tentera Serbia tetapi dunia tidak menghiraukannya dan istilah keganasan antarabangsa tidak digunakan dalam tahun 1995.

Tahun 2001 adalah bermulanya istilah-istilah bahawa terhadap fenomena keganasan di dunia ini. Ini kebimbangan utama kita, Tuan Yang di-Pertua, sebab di muka surat 17 rang undang-undang ini, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi jelas bahawa tujuannya ialah untuk kita menurut apa yang diputuskan oleh Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Fasal 66E(1) berbunyi: "*Bagi maksud bahagian ini, pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan boleh mengeluarkan apa-apa arahan dan garis panduan kepada institusi di bawah kawal selia atau pengawasan mereka sebagaimana didapati perlu dan seterusnya atau memudahkan penunaian apa-apa obligasi yang mengikat Malaysia menurut kuasa sesuatu keputusan Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu*". Ini saya fikir punca segala perubahan yang hendak dibentangkan untuk kita luluskan iaitu kehendak badan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang sebab baru-baru ini seorang penulis dan pengkaji yang diupah oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, nama penuhnya saya tidak ingat tetapi lebih kurang, Rohan Gunaratna, telah menulis satu kajian kononnya dan mengisytiharkan bahawa UMNO, Barisan Nasional adalah rangkaian JI di rantau ini. Jadi, kalau kita terima Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Rohan Gunaratna ini adalah penulis yang dibiayai dan dikontrakkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membuat laporan tentang keganasan di dunia, dan beliau melaporkan bahawa UMNO dan Barisan Nasional adalah sebahagian daripada gerakan keganasan di dunia, ini kebimbangan saya. Untuk menyelamatkan UMNOkah, PASKah atau mana-mana daripada sebegitu mudah ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai puak penganas dan kalau itu berlaku, maka segala kesalahan dan sebagainya kerana kita telah dengan jelas dalam rang undang-undang ini mengatakan bahawa kita ada obligasi untuk menurut kuasa sesuatu keputusan Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi, atas prinsip itulah kita amat bimbang dengan rang undang-undang ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pencegahan pengubahan wang haram ini adalah penting pada prinsipnya. Kita tidak mahu wang haram atau wang kotor masuk ke

negara kita atau keluar daripada negara kita tetapi ada beberapa perkara yang saya rasa sudah ada dalam negara kita yang boleh menyelesaikannya. Yang berlaku sekarang ini ialah apa yang dipanggil dengan izin, *capital control* yang ada dalam negara kita. Kalau kita hendak ke luar negara, hendak keluarkan wang Malaysia lebih daripada RM10,000 pun kena isi borang. Kalau hendak keluarkan wang asing lebih daripada jumlah tertentu, kena isi borang.

Jadi, sudah tidak ada dari segi undang-undang hak untuk kita, rakyat Malaysia, mengeluarkan wang daripada bumi Malaysia tanpa mengisytiharkannya. Itu sudah cukup untuk menghalang segala jenis perjalanan dan pengeluaran dan kemasukan wang ke negara kita sebab ini adalah sebahagian daripada dasar kerajaan semenjak 1998 yang dinamakan, dengan izin, *capital control*. Jadi, saya tidak nampak apa perlunya kita hendak melakukan undang-undang yang baru.

Undang-undang yang sedia ada dari segi yang saya sebut tadi memang berlaku, tetapi dari segi lain, ini seperti kes Eric Chia dan wang PERWAJA yang kita tidak mampu pula. Wang haram, wang yang dikeluarkan, wang rasuah yang beliau dan seluruh masyarakat dunia tahu melibatkan beliau, melibatkan syarikat PERWAJA tetapi Kerajaan Malaysia kata tidak boleh, tidak cukup maklumat daripada Hong Kong, tidak cukup maklumat daripada Switzerland dan sebagainya.

Jadi, kalau kes yang mudah, yang *simple*, yang maklumatnya boleh dikatakan semua pihak tahu, Kerajaan Malaysia kata tidak tahu, maka apa peluang kita hendak mengetahui perjalanan wang, kononnya wang haram ini melalui rang undang-undang ini kalau kes yang sedia ada, kes yang mudah, orangnya ada, banknya ada, di Switzerland ke, di Hong Kong ke, di Taiwan ke, di Jepun atau di mana-mana, itu pun kita tidak boleh selesai. Apakah kita berhajat untuk menyelesaikan seluruh masalah, keganasan yang kononnya dimudahkan kebolehan orang-orang untuk menggubah wang haram ini. Jadi, saya fikir tidak realistik dan tidak praktikal.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya satu daripada cara wang haram atau wang yang tidak diisytiharkan bergerak dari satu negara ke satu negara lain biasanya ialah wang yang digunakan untuk berjudi, wang perjudian. Malaysia ada tempat perjudian yang terkenal di rantau ini iaitu di Genting Highlands. Saya dimaklumkan banyak wang yang keluar masuk secara haram kerana tujuan hendak memasukkannya untuk berjudi di Genting Highlands, antara lain dan dikeluarkan semula, kononnya keuntungan daripada perjudian di Genting Highlands.

Negara kita memang terkenal dengan kasino-kasinonya. Genting Highlands sudah lama ada, kemudian ada Bukit Tinggi, kemudian ada konon mengikut ceritanya di Pulau Tioman dan di tempat-tempat lain, kemudian perjudian secara maya dan sebagainya. Jadi, kalau kerajaan benar-benar ikhlas hendak supaya tidak ada perjalanan wang haram ini, satu langkah yang konkrit ialah batalkan semua lesen perjudian, tiadakan perjudian dalam negara kita. Maka, satu perjalanan wang haram yang kalau kita soal, dia kata untuk berjudi tetapi mungkin untuk keganasan dan sebagainya, supaya tidak ada kekeliruan daripada kita menguasai dan menyelia perjalanan wang, tidak ada alasan untuk mengatakan ini: "*Oh, ini bukan untuk keganasan tetapi untuk saya berjudi*", apabila ditahan dan sebagainya. Maka jawapan yang mudah, jawapan yang jelas dan jawapan yang sealiran dengan hasrat hendak menjadikan ini negara Islam ialah haramkan dan tutup semua tempat-tempat perjudian yang ada dalam negara kalau kerajaan kita ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang mungkin ....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh saya tanya?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya, Kuala Kedah, silakan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Baru-baru ini didedahkan ada Menteri melabur dalam satu syarikat yang menjalankan perniagaan judi di Bukit Indah. Adakah itu termasuk dalam wang haram? Di Bukit Tinggi, ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya, itu satu daripada perkara yang telah berlaku dan tidak ada penafian yang jelas dari Menteri yang terlibat. Jadi saya fikir ini satu aspek

yang saya sebutkan tadi, tentang perjudian dalam negara kita sehinggakan Pahang lebih terkenal sekarang ini sebagai negeri 'Darul Kasino' dan bukan nama yang sepatutnya diberikan kepadanya.

Satu lagi perkara iaitu wang haram....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengikut Peraturan Mesyuarat 36(1)?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya, betul, wang haram didermakan sebagai wang untuk perjudian dan sebagainya. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang boleh kita lakukan untuk tidak memudahkan penggubahan wang haram ini ialah berkaitan dengan hubungan Ringgit dengan Dolar Amerika. Ringgit kita dikaitkan dikenakan *pegging* dengan Dolar Amerika, mudah orang hendak tukar wang sebab USD1 – RM3.80. Jadi tukar keluar masuk wang mudah, orang boleh telefon berapa dolar ada, jadi mudah. Tetapi kalau Ringgit tidak di *peg* pada Dolar, jadi ada unsur-unsur perniagaan, tawar menawar, saya tidak boleh tukar lagi, tidak boleh masuk lagi wang saya ke Malaysia kerana Ringgit terlalu tinggi, rugi dari segi *exchange*, tukaran wang asingnya dan sebagainya tetapi kalau Ringgit dengan Dolar Amerika di *peg*, maka ia memudahkan keluar masuk wang haram ini daripada negara kita keluar masuk ke negara lain. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, satu langkah lagi untuk menyulitkan sebenarnya penggubahan wang haram ini ialah dengan tidak lagi mengenakan *pegging* RM kepada Dolar Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada satu para di muka surat 19 iaitu Pindaan Seksyen 82 yang mana mengatakan bahawa Akta itu dipinda, (c) (e) oleh mana-mana orang terhadap harta kepunyaan Kerajaan Malaysia atau kerajaan mana-mana negeri di Malaysia yang terletak di luar negeri dan sebagainya. Maknanya, saya pandang baik hal ini sebab kadang-kadang Kerajaan Pusat Malaysia kita ini mengiktiraf pentingnya mana-mana negeri di Malaysia. Maknanya kerajaan negeri diiktiraf oleh Kerajaan Pusat, ini suatu tindakan yang baik tetapi timbul persoalan di kepala saya, adakah tindakan Kerajaan Malaysia mengambil wang royalti Kerajaan Negeri Terengganu, membelanjakan semula sebahagian di Terengganu atas nama wang ihsan, adakah itu satu bentuk penggubahan wang haram? Sebab ia wang hak satu negeri diambil, dibelanjakan atas nama wang ihsan. Adakah ini amalan yang akan ditakrifkan sebagai penggubahan wang haram? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

#### 5.04 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, adalah menjadi obligasi kepada Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan resolusi yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang prasarana akan dibuat dengan menggunakan peruntukan undang-undang yang telah sedia ada sebagai asas perundangan. Contohnya Kanun Keseksaan yang telah banyak kita bincangkan pada minggu lepas dan pagi tadi, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1993, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dan sebagainya.

Bagi maksud melaksanakan resolusi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, berkaitan dengan keganasan di mana Kerajaan Malaysia dikehendaki bekukan dana atau aset kepunyaan individu atau entiti tertentu, pelaksanaannya telah dibuat melalui Akta Kawalan Tukaran Wang 1993 dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir 1996.

Selaras dengan piawaian antarabangsa yang telah dibuat oleh *Financial Action Task Force*, rejim pencegahan penggubahan Wang Haram dan pembiayaan keganasan hendaklah diluaskan supaya meliputi rumah perjudian, ejen hartanah, saudagar batu dan logam yang berharga, peguam dan notari, akauntan serta perkhidmatan syarikat. Ini telah

dibincangkan dengan panjang lebar semasa kita membincangkan mengenai Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003.

Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Wang Haram 2001 telah pun berunding dengan badan-badan berkenaan bagi memasukkan profesion guaman, akauntan dan perkhidmatan syarikat sebagai institusi-institusi pelapor di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram 2001. Berikutan penggubahan Akta Sistem Pembayaran 2003, keluarkan caj, kad kredit dan pengendali sistem pembayaran mungkin akan dimasukkan sebagai institusi pelabur di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram.

Tindakan yang diambil berdasarkan kepada untuk bekukan aset, dana serta sumber kewangan kepunyaan Osama bin Laden, Taliban dan Al-Qaeda serta individu atau agensi yang berkaitan dengan Osama bin Laden, Taliban dan Al-Qaeda. Selaras dengan resolusi berkenaan, satu jawatankuasa telah dibentuk iaitu *Securities Council Committee (SCC)* yang bertanggungjawab mengenal pasti dan mengeluarkan satu senarai individu dan entiti yang berkaitan dengan Osama bin Laden, Taliban dan Al-Qaeda. Jadi seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, kita bukanlah mengikut arahan yang dibuat oleh negara Amerika Syarikat tetapi oleh PBB dan kita ada surat pekeliling yang dikeluarkan di bawah Seksyen 44 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1993 yang telah banyak dikeluarkan oleh Bank Negara mengenai perkara ini.

Kalau kita lihat berapa banyak individu dan entiti yang telah dikenal pasti untuk dibekukan asetnya berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sehingga 23 September 2003, terdapat 272 individu dan 19 entiti yang telah dikenal pasti untuk resolusi berkaitan Osama bin Laden seperti yang saya katakan tadi seperti Taliban dan Pertubuhan Al-Qaeda. Bagi resolusi berkaitan juga telah pun kita keluarkan beberapa surat pekeliling yang lain untuk dikenal pasti supaya Bank Negara Malaysia yang berpandukan kepada senarai yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu disampaikan melalui Wisma Putra dan setiap kali senarai itu dikemaskinikan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, satu surat pekeliling baru akan dikeluarkan oleh pengawal tukaran wang asing iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia bagi memaklumkan institusi kewangan, berlesen, tempatan dan pesisir mengenai senarai nama individu dan entiti terkini yang mana aset-aset mereka perlu dibekukan.

Perubahan wang haram mempunyai kesan yang berbahaya kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara dan antara langkah yang utama pihak kerajaan untuk mencegah pengubahan wang haram adalah menerusi pindaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001, *Anti Money Laundering Act 2001* yang telah dikuatkuasakan pada 15 Januari 2002. Secara ringkas, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 mempunyai tiga ciri yang penting:-

- (i) memperuntukkan pengubahan wang haram sebagai satu jenayah, kesalahan yang berat;
- (ii) menggariskan peruntukan bagi mengesan dan mencegah pengubahan wang haram; dan
- (iii) menyediakan peruntukan bagi pembekuan permintaan dan perlucuthakkan hasil daripada aktiviti penggubahan wang haram dan kegiatan jenayah itu.

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 menyenaraikan sejumlah 150 kesalahan daripada 23 perundangan sebagai kesalahan berat jika disabitkan kesalahan penjenayah. Boleh didenda tidak melebihi RM5 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 juga memperuntukkan kuasa kepada agensi penguat kuasa untuk menyita, membeku dan melucuthakkan hasil daripada kegiatan jenayah terbabit.

Untuk melaksanakan peruntukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001, Menteri Kewangan telah melantik Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa yang berwibawa. Selaras dengan pelantikan Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Unit Perisikan Kewangan untuk menjalankan fungsinya sebagai pihak berkuasa berwibawa seperti mana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi.

Untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi membanteras pengubahan wang haram NCC pada April 2000. NCC terdiri daripada 13 kementerian dan agensi kerajaan yang berkenaan dengan Bank Negara Malaysia sebagai agensi peneraju. NCC bertanggungjawab untuk merangka dan memastikan pelaksanaan polisi untuk membanteras kegiatan pengubahan wang haram di dalam negara ini. Setiap agensi yang terlibat bertanggungjawab untuk menjalankan kajian, menyediakan maklumat dan melaporkan perkembangan dan pelaksanaan keputusan-keputusan yang terhasil dari Mesyuarat NCC berkenaan.

Pilihan Program Kebangsaan Pencegahan Pengubahan Wang Haram untuk Malaysia dan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan telah dijalankan oleh pakar daripada *Asia Pacific Group of Money Laundering* pada April 2001 dan *ASEM anti-money laundering initiative* pada Disember 2002. Menurut penilaian yang telah dibentangkan, Malaysia dan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan telah diberi pujian dan maklum balas yang positif terhadap keberkesanan Program Kebangsaan Pencegahan Pengubahan Wang Haram termasuk menggubal satu rang undang-undang iaitu Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 yang memenuhi piawaian antarabangsa.

Walau bagaimanapun, masalah membanteras pengubahan wang haram adalah satu perjuangan yang berterusan dan kerjasama dari semua pihak amat diperlukan. Selaras dengan resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menghendaki negara-negara anggota menerima, meluluskan dan menyertai *International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism* bagi menangani pembiayaan penganas Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dipinda bagi maksud ini.

Yang Berhormat bagi Tambun juga telah menyatakan sama ada Malaysia menguatkuasakan senarai penganas yang saya telah pun beritahu tadi iaitu penguatkuasaan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan dengan Osama bin Laden, Taliban, Al-Qaeda melalui Resolusi 1267: 1999; 1333: 2000; 1390: 2002; 1452: 2002 dan 1455: 2003.

Yang Berhormat bagi Tumpat telah bertanya tentang pelaksanaan bagi menentukan sesuatu transaksi itu *suspicious*. Ini dilaksanakan dengan memberi latihan kepada institusi pelabur dan berkongsi dengan mereka *red flags* - dengan izin - yang ada kes-kes *money laundering*. Bank Negara Malaysia mengadakan *National Coordination Committee in countering money laundering in connecting money laundering* yang berkongsi dalam menangani masalah pengubahan wang haram yang dihasilkan. Yang Berhormat bagi Tumpat juga telah menanyakan sama ada Bank Negara Malaysia berkomunikasi dengan *the other financial sectors*, dengan izin. Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa di bawah AMLA sentiasa mengadakan sesi dialog dengan pegawai pematuhan dari sektor kewangan yang telah saya terangkan tadi. Bank Negara juga telah mempunyai jabatan penyeliaan pemantauannya yang tersendiri yang bertugas untuk mengawal selia dan memantau di bawah AMLA dan oleh sektor kewangan dan ini dijalankan melalui pemeriksaan *on site*.

Mengenai tulisan Rohan yang telah mengaitkan UMNO dengan kumpulan penganas dan sebagainya, perkara ini telah dibentangkan dan dibincangkan dahulu bahawa S66E akan dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor yang berkaitan dan jika perlu boleh merujuk balik kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu jika ada masalah. Jadi dalam hal laporan yang dirujuk oleh Yang Berhormat bagi Tumpat, kaitan itu tidak dibuat oleh Rohan dalam bukunya malah beliau juga telah membantah *briefing* itu dibuat dengan menggunakan namanya. Dalam hal laporan UN *Minority Group* itu, kenyataan itu dibuat sendiri atas salah tafsiran maklumat yang dikumpulkan. Atas bantahan

Malaysia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menarik balik kaitan yang telah dibuat antara UMNO dan JI serta Al-Qaeda yang dibantahi dan carta yang dibantahi telah dikeluarkan dan juga dikeluarkan daripada laporan yang berkenaan.

Yang Berhormat bagi Tumpat juga telah menanyakan bagaimana mengawal pengaliran wang judi dari satu negara ke negara yang lain. Pengaliran antara negara dikawal di mana setiap negara ada FIV atau unit perisikan kewangannya. Mereka akan berkongsi maklumat mengenai wang perjudian tersebut. Kasino di Genting adalah institusi pelabur di bawah jadual pertama AMLA. Mereka dikehendaki melaporkan mengenai transaksi yang dijalankan kepada Bank Negara Malaysia dan amalan yang sama dibuat di negara-negara lain menurut piawaian antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Tumpat juga telah menanyakan tentang Fasal 24 pindaan kepada Seksyen 82(1). Pindaan bertujuan melaksanakan bidang kuasa jenayah di Malaysia ke atas kesalahan yang dilakukan. Merujuk kepada perenggan baru 'E' dan 'F' ia bertujuan melindungi segala harta kerajaan Malaysia di mana juga terletakinya. Oleh itu jika kesalahan dilakukan terhadap harta Kerajaan Malaysia di mana jua terletakinya Mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes itu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jumlah aset yang telah dibekukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dan kes-kesnya ialah aset Kumpulan M16 yang telah disita oleh Polis Diraja Malaysia di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001. Jumlah aset yang telah disita dalam bentuk barang kemas dianggarkan sebanyak RM7 juta. Kes ini masih dalam siasatan dan maklumat-maklumat berkenaan adalah rahsia. Agensi penguat kuasa boleh membekukan seperti yang saya katakan tadi dan menyita harta-harta yang terbabit dengan kesalahan pencegahan pengubahan wang haram yang dituduh menurut seksyen 44(7) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001. Kiraan harta-harta ini adalah dibuat oleh agensi-agensi penguat kuasa yang berkenaan manakala harta-harta yang telah dilucuthakkan adalah terletak di bawah dana Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 25 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal 1 hingga 25 -**

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, di dalam *Orders for Implementation of Measures to Give Effect to the Security Council Resolution 66C:-*

*"Where the Securities Council of the United Nations decides in pursuance of Article 41 of the Charter of the United Nations or the measures to be employed to give effect to any of its decisions and cause of the Government of Malaysia to ply those measures, the Minister of Home Affairs may by order published in the gazette make such provision as may appear to him to be necessary or expedient to enable those measures to be effectively applied".*

Then, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:-

*“...Where an order under subsection 1 makes provision to the effect that there are reasonable grounds to believe that an entity specified in the order is engaged in terrorist acts, the order under subsection 1 shall be deemed with effect from the date of the order to be an order declaring that entity to be a specified entity under Section 66B”.*

Di sini Tuan Pengerusi, dengan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan keputusan majlis itu diikuti dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia itu bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana ini boleh dilaksanakan dengan cepat? Biasanya kita hendak cepat juga untuk mengesan entiti ini dan macam mana prosedurnya daripada mula gazet dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan? Ini mengenai 66B di mana *the Minister of Home Affairs, “...may by order publish in the gazette require any person or class of persons to determine within the period specified in order that they are in possession or control terrorist property or property owned or controlled by or on behalf of any specified entity”.*

Di sini saya nampak pihak kementerian boleh dengan melalui gazet dalam tempoh yang tertentu, siapa yang menetapkan tempoh ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana? Mungkin satu penyiasatan memerlukan enam bulan ataupun satu tahun dan sebagainya. Kalau tempoh sudah habis macam mana kita buat sekarang? Ini memang penting. Macam mana kita hendak menetapkan dan siapa yang menetapkan? Adakah Menteri sendiri yang menetapkan atau satu jawatankuasa akan diadakan untuk menetapkan tempoh melalui *back gazette* ini?

Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya menjangkakan juga tadi dalam perbahasan Yang Berhormat bagi Kepong akan turut berbahas kerana *money laundering* ini dekat di hati Yang Berhormat bagi Kepong. Jadi, kalau kita tengok daripada 66C, jika Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memutuskan menurut Artikel 41 Piagam Bangsa-bangsa Bersatu mengenai langkah-langkah yang patut digunakan untuk menguatkuasakan mana-mana keputusannya dan meminta Kerajaan Malaysia melaksanakan langkah-langkah itu, Menteri Dalam Negeri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta membuat apa-apa peruntukan yang didapati perlu atau sesuai manfaat untuk membolehkan langkah-langkah itu dilaksanakan dengan berkesan.

Jadi, dalam keadaan ini Menteri Dalam Negeri yang akan mengambil tindakan. Seksyen 66D juga seperti mana Yang Berhormat katakan tadi bahawa kuasa Menteri untuk mendapatkan maklumat, bukannya kuasa daripada jawatankuasa. Jadi dalam erti kata ini Menteri Dalam Negeri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta menghendaki mana-mana orang atau golongan supaya menentukan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu, yang diperintahkan oleh Menteri Dalam Negeri sama ada mereka memiliki atau mengawal harta pegganas atau harta yang dipunyai atau dikawal oleh atau bagi pihak mana-mana entiti yang ditentukan itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Mengapa kita tetapkan Menteri Dalam Negeri, bukan Menteri Kewangan? Apakah sebab musababnya? Ataupun kedua-dua Menteri sama sekali.

